



# *Dari Pulau Adang Ke Pulau Tiga*



Kumpulan Artikel  
*Tokoh Sejarah Kedah*

# **Wan Shamsuddin Mohd. Yusof**

## ***Dari Pulau Adang Ke Pulau Tiga***

Diselenggarakan oleh  
Mazizah Haji Md. Darus  
Zahidi Dato' Zainol Rashid

Diterbitkan oleh  
Majlis Kebudayaan Negeri Kedah Darul Aman  
Alor Setar  
1999

Sebuah Terbitan Siri Zamalah Ceritera Budaya  
Majlis Kebudayaan Negeri Kedah Darul Aman  
Pejabat Setiausaha Kerajaan Kedah  
Wisma Darul Aman  
05503 Alor Setar, Kedah Darul Aman

Cetakan Pertama 1999

© Majlis Kebudayaan Negeri Kedah Darul Aman 1999

Hakcipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan apa cara pun sama ada secara elektronik, fotokopi, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Majlis Kebudayaan Negeri Kedah Darul Aman. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Dicetak oleh  
Percetakan UPCAS Sdn. Bhd.  
No. 43, 45 & 47, Seberang Jalan Putra,  
05150 Alor Setar, Kedah Darul Aman.

M 082065  
Bridish

18 MAR 2000  
Perpustakaan Negeri  
Malaysia

## KATA ALUAN

Saya bersyukur kehadrat Allah Subhanahu Wataala kerana dengan izinnya sebuah buku sejarah dapat diterbitkan. Majlis Kebudayaan Negeri Kedah adalah satu-satu agensi yang mewujudkan Zamalah Ceritera Budaya (ZCB). Zamalah ini memberi sokongan dan bantuan kepada segala bentuk kegiatan budaya termasuk bidang sejarah terutama dalam kerja-kerja penyelidikan dan penerbitan. Penerbitan buku ini adalah sebagai sebuah lagi dokumentasi yang bermanfaat kepada kita dan pensejarahan Kedah.

Sungguhpun Kedah adalah sebuah negeri tertua di Malaysia tetapi buku-buku yang diterbitkan berkenaan sejarahnya amat kurang. Kekurangan ini menyebabkan kita tidak mengetahui sejeas-jelasnya keadaan Kedah pada masa dahulu. Oleh itu adalah bertepatan sempena 'Anugerah Tokoh Sejarah Kedah Darul Aman' sebuah buku sejarah Kedah yang merupakan kumpulan artikel tokoh-tokoh sejarah iaitu **Tuan Haji Wan Shamsuddin bin Mohd. Yusof** yang dipetik daripada majalah, kertas kerja, buku cederamata yang secara teliti dipilih untuk dikumpul dan dibukukan. Dengan terbitnya buku ini bererti bertambah lagi buku-buku sejarah tanahair yang ditulis oleh pengarang tempatan khusus berkenaan sejarah Kedah.

## 'BUDAYA NILAI BANGSA'

**DATO' HJ. SYED RAZAK BIN SYED ZAIN**

DSDK., KMN., BKM., JP.,

Yang DiPertua Majlis Kebudayaan Negeri

Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman.



## KATA PENGANTAR

**BISMIL-LAHIR-RAHMANIR-RAHIM.**

Kami bersyukur kepada Allah s.a.w. kerana dengan limpah kurnia dan keizinanNya, maka buku ini dapat disusun dan di terbitkan. Buku ini dirterbitkan bersempena dengan majlis '**Anugerah Tokoh Sejarah Darul Aman**'. Tuan Hj. Wan Shamsuddin Mohd. Yusof, Tokoh Sejarah Kedah Darul Aman telah memberi sumbangan besar terhadap perkembangan sejarah di Negeri Kedah Darul Aman. Buku 'Dari Pulau Adang ke Pulau Tiga' adalah kumpulan artikel beliau yang dipetik daripada majalah, kertas kerja, buku cenderamata dan akhbar yang secara teliti dipilih dan dibukukan. Sumbangan fikiran dan kegiatan beliau kearah pembinaan serta pengembangan persejarahan Kedah amat besar. Beliau bergerak dalam Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Kedah sejak ditubuhkan iaitu pada 28 Julai 1956. Sehingga kini beliau bergerak dalam PSMCK sudah siap hampir 43 tahun dan pernah menjawat jawatan AJK, Setiausaha, Bendahari dan sekarang menjadi Naib Yang DiPertua. Beliauh satu-satu tokoh yang paling lama melibatkan diri serta bergerak aktif dalam memajukan PSMCK.

Tuan Haji Wan Shamsuddin Mohd. Yusof mempunyai keistimewaan iaitu beliau berpendidikan Kesusastraan Melayu dari Universiti Malaya yang meminati sejarah. Keahlian dalam ke dua bidang ini membolehkan beliau mendalami kajian dan penyelidikan berkenaan khazanah kesusastraan Kedah seperti Hikayat Merong Mahawangsa, Hikayat Terung Pipit, Syair Sultan Maulana dan Puteri Lindungan Bulan. Kajian-kajian beliau mengenai teks lama dan manuskrip-manuskrip membolehkan Negeri Kedah menemui beberapa penemuan baru sejarahnya. Beliau amat gigih dan dedikasi dalam meluas dan mendalamkan pengetahuan berkenaan sejarah Kedah. Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Kedah di bawah pimpinannya dalam kaji selidik susurgalur Mahsuri pada 1987 telah melakukan lawatan ke kampung Kamala di Phuket, Thailand. Dalam siri-siri lawatan sambil belajar ke tempat-tempat di luar dari Malaysia yang ada kaitan dengan sejarah Kedah PSMCK telah emlawat Pulau Adang (1958), Phuket (1987,1988,1995), Ligor atau Nakcom Sithamarat dan Segenting Kera (1992). Di Ligor ada terdapat 5 buah Kampung Melayu yang penduduknya berasal dari Kedah. PSMCK telah melawat Aceh pada

tahun 1993. Ditengah-tengah kota bandar Aceh terdapat sebuah tempat bernama "Kampung Kedah" yang dipercayai diterokai oleh orang-orang Kedah yang menjadi tawanan Aceh dalam tahun 1619. Di Kanchanaburi, Bangkok dan Ayuthia masih terdapat penduduk Kedah yang terlibat dan kini bermastautin di Bangkok.

Tuan Haji Wan Shamsuddin berusaha mengumpul sejarah Kedah daripada terus lputut. Beliau memainkan peranan penting dalam memelihara dan mebaik pulih kesan-kesan sejarah seperti Makam Tunku Anum, makam Puteri Lindungan Bulan dan pusara Sheikh Abdul Kader (904 Masihi) di Langgar, Alor Setar. Beliau amat aktif menulis melalui tulisan-tulisan yang dihasilkan dari masa ke semasa. Usaha ini menambahkan khazanah sejarah negeri. Dalam usaha beliau untuk memberi kesedaran tentang kepentingan aspek sejarah sejak 1990 satu ciri ceramah yang diberi nama "Siri Terung Pipit) telah dilancarkan dan sehingga kini sebanyak 15 ceramah telah dilaksanakan untuk ahli-ahli dan terbuka kepada orang ramai termasuk pelajar-pelajar sekolah. Dalam usaha mengumpul dan memelihara buku dan naskah-naskah samada yang bercetak atau tulisan tangan. Tuan Haji Wan Shamsuddin amat perihatin dalam pemeliharaan dan pendokumentasian dokumen dan manuskrip. Beliau telah membuat kajian dan penyelidikan berkenaan Hukum Kamun Dato' Kota Setar geran-geran tanah zaman Kerajaan Kubang Pasu Darul Qiyam (1850-1852), Geran tanah zaman Kota Indera Kayangan (1801), Panji-panji perang Kepunyaan Dato' Pekerma Ali (1838) dan dua piucuk surat Sultan Mahmood Jiwa II bertarikh 1773. Penyelidikannya mengenai surat menyurat Sultan Abdul Hamid Halim Shah (1882-1943) kini disirikan secara bersiri dalam "Warta Darul Aman".

Buku dari "Pulau Adang Ke Pulau Tiga" diharap dapat memenuhi kekurangan bahan bertulis tentang sejarah Kedah dan sedikit sebanyak dapat memberi gambaran dan keadaan Kedah pada zaman dahulu.

Mazizah Haji Md. Darus  
Zahidi Dato' Zainol Rashid  
Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah  
1 Oktober 1999

## ISI KANDUNGAN

<b>"Pulau Adang, Pulau Peringgi: kesan-kesan lawatan ahli-ahli Persatuan Sejarah Kedah. ....</b>	<b>1</b>
<b>Sejarah Kedah di Telibung. ....</b>	<b>6</b>
<b>Peranan dan sumbangan ulama Kedah silam - suatu sorotan. ....</b>	<b>8</b>
<b>Sejarah awal penulisan di Negeri Kedah Darul Aman dan perkembangannya sehingga tahun 1850. ....</b>	<b>13</b>
<b>Sejarah ringkas perkembangan kerajaan dan pentadbiran Negeri Kedah Darul Aman. ....</b>	<b>17</b>
<b>Alor Setar sebagai pusat perkembangan bahasa Melayu di Kedah. ....</b>	<b>25</b>
<b>Selayang pandang sejarah kerajaan Melayu Setul "Mambang Segara" (1808-1909). ....</b>	<b>39</b>
<b>Kesinambungan gerakan nasionalisme dan perjuangan rakyat Kedah menentang penjajahan sejak abad ke-18. ....</b>	<b>52</b>
<b>Salasilah kesultanan Kedah Darul Aman – satu analisa dan perbandingan. ....</b>	<b>56</b>
<b>Sejarah pembubuhan dan perkembangan Muzium Negeri Kedah Darul Aman (1957-1993) - satu tinjauan umum. ....</b>	<b>61</b>

Dua pucuk surat Sultan Muhammad Jiwa II bertarikh tahun 1773 dengan anotasi.	66
Langkusuka dari kacamata penulis silam Kedah.	72
Mahsuri, Puteri Lindungan Bulan dan Raja Bersiong: antara metos, sejarah dan lagenda.	76
Sejarah Makam DiRaja, Langgar.	87
Kesinambungan sejarah Dewan Undangan Negeri Kedah Darul Aman.	91
Pembicaraan buku 'The Sultan Was Not Alone'.	94
Geran tanah di zaman Kota Indera Kayangan.	100
Pulau Tiga tempat bersemayam penyair DiRaja.	102

## **“PULAU ADANG, PULAU PERINGGI : KESAN-KESAN LAWATAN AHLI-AHLI PERSATUAN SEJARAH KEDAH”**

Dalam bulan Februari, 1958 yang lalu, serombongan ahli-ahli Persatuan Sejarah Kedah diketuai oleh YTM Tunku Nong Jiwa (Yang DiPertua Persatuan) dan Encik Wan Abdullah, Pegawai Daerah Langkawi telah mengadakan lawatan sehari bagi jultung-jultung kalinya ke Pulau Adang, sebuah pulau yang letaknya terpencil jauh di utara Selat Melaka. Rombongan ini termasuklah tiga orang pegawai dari Jabatan Radio Malaya, Kuala Lumpur. Tujuan lawatan ini ialah untuk mempelajari hal keadaan kehidupan dan adat resam penduduk pulau tersebut yang terdiri dari orang-orang Melayu.

Saya percaya mungkin ramai di antara pembaca yang jarang benar mendengar nama Pulau Adang ini, malah sedikit benar antara penduduk Tanah Melayu ini berpeluang melawat ke pulau itu, kerana di samping kedudukannya tersangat jauh, untuk sampai ke pulau itu pula terlebih dahulu diperlukan kebenaran dari pihak kerajaan Siam.

Sebuah motorbot besar kepunyaan kerajaan Kedah bernama ‘Langkasuka’ telah dipinjamkan oleh kerajaan membawa kami ke pulau tersebut. Tepat pada pukul satu malam kami bertolak dari Pelabuhan Kuah, Langkawi, menuju arah barat daya, dan pada pukul tujuh pagi tiba-tah kami ke pulau tersebut.

Letaknya pulau ini kira-kira 40 batu di barat daya Pulau Langkawi, dan mengambil masa lima jam kalau ke sana dengan motorbot. Sebenarnya pulau itu merupakan gugusan pulau-pulau yang berdekatan, di antaranya ialah Pulau Adang, Pulau Rawi, Pulau Nipis, Pulau Batung dan lain-lain. Di antara pulau-pulau tersebut, Pulau Adang itulah yang ramai diduduki orang, bahkan pulau itulah yang termasyhur dikenali orang-orang yang telah melawat ke sana.

Di Pulau Adang terdapat sebuah gunung yang tinggi, tegak menjulang ke angkasa dengan gagahnya seolah-olah menjadi pengadang atau pelindung kepada penduduk-penduduk di pulau itu dan dari sinilah terbitnya nama ‘Pulau Adang’. Di kaki gunung tersebut yang jaraknya tidak jauh dari pantai lautnya, terdapat rumah-rumah penduduknya yang berjumlah tidak sampai 50 buah yang berlantaikan nibung dan beratapkan bertam.

Kepada pelawat-pelawat khasnya mereka yang cintakan seni keindahan, tentunya tidak rugi malah bertambah sayang dan terharu untuk meninggalkan pulau itu dengan pantainya yang berpasir halus dan putih, air lautnya yang sentiasa tenang dan jernih jelas kelihatan seperti cermin hingga ke dasar lautnya. Bunga-bunga karang yang beraneka warna dan pelbagai jenis ikan dapat dilihat dengan nyata sehingga sedalam lapan depa.

Menurut catatan yang terdapat dalam buku lama Sejarah Kedah yang terkarang pada tahun 1329 hijrah (1911) masih) iaitu ‘Tarikh atau Salasilah Kerajaan Kedah’ karya Wan Yahya bin Wan Muhammad Taib, sebelum Kerajaan Kedah ditakluki Siam, Pulau Adang adalah termasuk di bawah pemerintahan Kerajaan Kedah, termasuklah sebuah pulau besar di timurnya bernama Pulau Terutau. Pada 18 Julai 1909 satu perjanjian menetapkan sempadan telah dibuat di antara Kerajaan Kedah dengan Kerajaan Siam. Dalam perjanjian itu, Kerajaan Kedah bersetuju menyerahkan kedua buah pulau tersebut kepada Kerajaan Siam kerana letaknya tersangat jauh dan sukar untuk ditadbirkan. Dari sejak itu hingga kini kekallah pulau-pulau itu hingga kini di bawah Kerajaan Siam. Orang Siam telah menamakan Pulau Adang itu sebagai ‘Kok Ladang’ (‘Kok’ dalam bahasa Siam bererti Pulau).

Menurut keterangan yang diperolehi di pulau itu pada masa dahulunya Pulau Adang itu lebih terkenal terkenal dengan nama ‘Pulau Peringgi’ dan menurut mereka di sinilah tempat persinggahan Siti Zubaidah dengan ayahnya, lalu membangunkan kota dan istananya di atas bukit di pulau itu sebagaimana kisahnya yang terdapat dalam syair “Siti Zubaidah Berperang Dengan Orang Cina” yang mengisahkan pulau itu tempat persinggahan dan perhimpunan orang bertapa seperti dalam beberapa petikan berikut :

“Pulau Peringgi namanya tempat,  
Padangnya luas seperti disifat,  
Pohon kurma beratur rapat,  
Gunungnya tinggi sungainya empat.

Pohon kurma pisang kelapa,  
Buah-buahan berbagai rupa,  
Batangnya indah seperti ditempa,  
Tempat perhimpunan orang bertapa.

Anakanda dibuat mahligai tinggi,  
Samalah tengah Pulau Peringgi,  
Gunung bertatah emas pelangi,  
Indahnya tidak lagi terperi."

Penduduk asal yang mendiami pulau itu adalah satu puak yang dipanggil 'Mawkin'. Mereka memiliki bahasa dan adat yang berbeza dengan penduduk-penduduk yang ada sekarang ini. Mereka itu bertutur terlalu pantas dan kedengaran scolah-olah bunyi burung. Teradat bagi mereka sentiasa tinggal dalam perahu. Pekerjaan utama mereka ialah menangkap ikan dan menyelam sejenis siput di dalam laut. Ganjilnya pekerjaan menyelam ini dilakukan oleh orang perempuan sementara yang lelakinya tinggal di atas perahu sambil mendayung. Dalam masa 15 tahun silam, semua orang Mawkin itu telah lari meninggalkan Pulau Adang kerana diburu oleh orang-orang Siam. Khabarnya mereka itu masih mendiami di pulau-pulau kecil di selatan Burma.

Jadi nyatalah penduduk yang ada sekarang ini baru saja menduduki pulau tersebut. Mereka menamakan diri mereka 'Orang Melayu Lawit' (lawit bererti laut). Keturunan mereka sejak dahulu lagi sentiasa berpindah-randah dari sebuah pulau ke sebuah pulau. Menurut cerita mereka, mereka adalah berasal dari Pulau Tinggi tidak jauh dari Pulau Langkawi dan lari meninggalkan pulau itu kerana serangan Janur. Mereka menyatakan mereka berasal dari keturunan Puteri Mahsuri, Langkawi. Entah benar atau tidak pengakuan mereka dapat kita renung-renungkan dari sebuah pantun yang sering mereka nyanyikan berbunyi seperti berikut :

"Sayang Terutau Pulau Peringgi,  
Tiga berdengan Langkapuri.  
Duduk bergurau kita di sini.  
Kita keturunan dari Mahsuri."

Kehidupan utama mereka adalah bergantung kepada laut. Mereka menggunakan kail dan lembing untuk menangkap ikan. Mereka mahir menyelam sambil memikam ikan-ikan besar di dalam air lautnya yang jernih berbayang-bayang seperti cermin itu dengan menggunakan lembing. Selain dari dijadikan makanan, ikan-ikan itu dijemur dijadikan ikan kering. Ikan tersebut dibawa dengan perahu ke bandar Setul (di selatan Siam) dan hasil dari jualan tersebut mereka belikan pakaian dan

barang keperluan yang lain. Dari Pulau Adang ke bandar Setul kala berdayung dengan perahu mengambil masa 12 jam. Mereka membeli barang-barang, mengadukan hal kematian atau beranak kepada pemerintahan Siam yang menjaga pulau itu.

Menurut keterangan dari ketua penduduk di pulau itu, mereka semua beragama Islam, tetapi tidak seorang pun guru agama yang tinggal di sana, malah sebuah masjid atau surau pun tidak terdapat di sana. Mungkin pihak berkuasa Siam kurang mengambil berat tentang hal-hal kehidupan mereka terutamanya dalam soal agama dan ini adalah amat disangsikan.

Adat perkahwinan, mafat dan beranak tidaklah berbeza dengan adat orang-orang Melayu di Semenanjung, khususnya di Negeri Kedah. Suatu kebiasaan yang menjadi amalan mereka setiap hari ialah meminum minuman keras. Satu kepercayaan yang masih menebal di kalangan penduduk pulau itu ialah kuat mempercayai dan memuja perkuburan-perkuburan lama atau keramat yang telah meninggal dalam masa menjalankan pertapaan di pulau itu. Kubur-kubur tersebut dihormati dan dipelihara dengan sebaik-baiknya. Kepada keramat-keramat itulah mereka bernaazar dan meminta sesuatu agar dijanahi dari segala mara bahaya.

Bahasa yang digunakan mereka dalam percakapan sehari-hari ialah Bahasa Melayu dialek Kedah. Mereka juga boleh bertutur Bahasa Siam dengan lancar. Kalau-lah mereka bercakap sesama mereka, kita tidak dapat mengetahui isi percakapan mereka. Ada sesetengah perkataan berbeza dengan yang digunakan oleh orang-orang Melayu di Semenanjung dan ada pula perkataan yang sebutannya mengandungi sedikit perbezaan.

Perkataan yang berakhir huruf 'n' selalunya dibunyi 't', misalnya bulan di sebut bulat, jalan - jalat, makan - makat, ikan - ikat. Perkataan yang berakhir dengan 'ng' menjadi 'n' seperti batang - batan, datang - datan. Perkataan yang berbeza sekali dengan perkataan kita di Semenanjung yang sempat saya catatkan adalah seperti berikut : engkau-nya, anjing-asu, guris api-penggaris, rambut-buk. Bagaimanapun ada pula perkataan yang hampir sama, sekadar pelat yang digunakan oleh mereka menjadikan berbeza sedikit yang terdapat pada perkataan-perkataan ini : gunting-gutin, bersanding-bertandin, yang-nyang, kelapa atau nyiur-nyiur, juga-yuga.

Seperti di lain-lain daerah di Semenanjung yang mempunyai seni tarinya dari pelbagai corak dan ragam, maka yang kecil lagi sedikit

penduduknya itu juga mempunyai satu tarian yang dimainkan pada masa-masa yang tertentu sahaja. Tarian itu dinamakan "berana", diadakan untuk bersuka-suka pada masa mereka tidak ke laut, dalam temasya perkahwinan atau kepada pelawat-pelawat yang tiba di situ. Di samping melukiska suasana kegembiraan, tarian itu juga melukiskan sifat-sifat sopan-santun dalam pergaulan mereka sehari-hari di samping mengambarkan semangat gotong-royong yang hidup subur dai pulau kecil itu.

Perkakas yang digunakan mengiringi tarian itu sederhana sahaja iaitu mengandungi beberapa buah gendang, sebuah biola dan sebuah gong sementara wanita-wanitanya yang jelita pula menari berkeliling dengan lemah lembut mengikut irama suara gendang dan biola tadi. Di samping itu berlaku pula berbalas-balas pantun di antara wanita dan lelakinya.

Mungkin kita akan merasa hairan juga bila meneliti senikata pantun yang mereka bawakan dalam tarian itu walaupun ianya bukan berasal dari ciptaan mereka. Tetapi jelas bahawa mereka amat mencintai pantun-pantun Melayu. Di disini saya cuba rakamkan beberapa rangkap pantun yang diulang-ulangkan selalu dalam tarian tersebut, antaranya berbunyi demikian :

"Segan saya membunuh semut,  
Semut mati di kepala titi,  
Saya laksana sampah yang hanyut,  
Di mana terhampar di situ berhenti.

Sayang Semarang Gunung Merapi,  
Anak gelama dituba jangan,  
Tidak dilarang adik berlaki,  
Janji yang lama dilupa jangan.

Letih badan sangat tak larat,  
Bisa tubuh jadi melarat,  
Berbunyi guruh di sebelah barat,  
Abang nak kirim sepucuk surat."

## SEJARAH KEDAH DI TELIBUNG

Warisan buku sejarah Kedah silam pernah mencatatkan bahawa sejak abad ke-18 lagi tanah jajahan negeri Kedah memang luas.

Ia bermula dari jajaran kepulauan Mergui (Victoria Point) hingga ke diperbatasan Myanmar hingga ke Pulau Tarutao di utara Langkawi pernah dikuasai oleh kerajaan negeri Kedah.

Sarang burung lelayang laut merupakan penghasilan utama ketika itu yang dipajak kepada pihak-pihak berkuasa ketika itu. Salah sebuah pulau itu ialah Pulau Telibung yang terletak diperairan Laut Andaman dan kini di bawah penguasaan negara Thailand.

Nama Pulau Telibung juga tercatat dalam teks perjanjian damai yang menamatkan sengketa antara Kapten Light di Pulau Pinang dengan Sultan Abdullah di Kedah.

Tiga orang pembesar Kedah yang ditugaskan oleh baginda untuk merangka dan menurunkan tandatangan masing-masing di dalam perjanjian itu pada 1 Mei 1791 di kota lama Cornwallis, Pulau Pinang ialah Tunku Raden Muhammad, Tunku Alang Ibrahim dan Datuk Penggawa dari Telibung.

Sebuah karya puisi bercorak historiografi yang dihasilkan di Kedah (1812) berjudul *Syair Sultan Maulana* telah mengisahkan betapa angkatan perang Kedah bersama negeri-negeri lain di selatan Siam diminta membantu Siam menentang pendudukan tentera Myanmar di Pulau Salang (Phuket) pada 1810.

Apa yang menariknya ialah penyair cuba melepaskan geramnya dengan mengkritik ciri-ciri dan bentuk perahu perang Siam yang menurutnya kurang kukuh dan tidak sempurna dibandingkan perahu orang-orang Melayu dari Kedah dan Telibung. Antara lain menyatakan :

"Perahu Melayu Telibung Kedah,  
Lima puluh dibilang sudah,  
Lainnya Siam haram jadah,  
Perahunya tiada memberi faedah".

Disebabkan banyak menyimpan kisah-kisah silam yang berkaitan dengan sejarah negara, inilah yang mendorongkan saya bersama seorang rakan berkenjung ke Pulau Telibung itu baru-baru ini.

Pulau Telibung yang keluasannya lebih kecil daripada Pulau

**Langkawi** terletak dalam Wilayah Terang, kira-kira 5 kilometer dari tanah besar Thailand.

Dari pelabuhan utamanya, Kantang, kami tiba ke Pulau Telibung dengan menaiki perahu bermotor menghilir kuala Sungai Terang sejauh 18 kilometer yang mengambil masa sejam.

Ketika mendarat di jeti Kampung Batu Putih yang merupakan pekan kecil dan pusat pentadbiran bagi pulau itu, kami dibawa menemui pengawasnya Omar Mat Sin, 57, yang mentadbir mukim Pulau Telibung.

Beliau pernah mendapat pendidikan agama Islam di Pondok Haji Yaakob Tua, ulama terkenal Ligur dan telah dilantik oleh kerajaan Thai menjadi penggawa di situ sejak 25 tahun lalu.

Menurut Omar, seluruh penduduk pulau itu beragama Islam. Terdapat tiga buah kampung yang menempatkan 3,000 orang penduduk iaitu Kampung Batu Putih, Kampung Nyiur dan Kampung Balik Bukit.

Setiap kampung mempunyai sebuah masjid dan sebuah sekolah kerajaan. Rata-rata penduduknya boleh bertutur bahasa Melayu seperti masyarakat Melayu di beberapa wilayah lain di selatan Thailand.

Mereka bekerja sebagai penoreh getah dan nelayan. Tidak ada jalanraya yang sempurna di kampung itu tetapi setiap kampung mendapat kemudahan bekalan elektrik dan air yang disalurkan secara percuma.

Seorang penduduk di situ, Khatijah Nayan, 55, telah menceritakan beberapa keanehan yang terdapat dikampung itu.

“Sesungguhpun terdapat banyak ular tedung dan ular kapak tetapi anehnya ia tidak begitu membahayakan kerana bisanya sudah berkurangan,” ujarnya.

Menurut Khatijah lagi, kebanyakan nama kampung dan pulau-pulau kecil di sekitar Pulau Telibung itu diambil sempena nama-nama binatang dan pokok tetapi kini sudah berubah sebutannya.

Misalnya Pulau Lontar menjadi ‘Lenta’, Kampung Cermai (Camai), Kampung Semut Kecil (Mut Noi) dan Pulau Telibung sendiri yang berasal dari perkataan Nibung kini terkenal sebagai ‘Kok Libung’.

Sebuah pusat peranginan ini terdapat 10 buah calet yang baru sahaja dibina di Kampung Balik Bukit kerana panorama alamnya amat mempersonakan dengan pantainya yang panjang lagi bersih.

Sesungguhnya suasana di situ benar-benar menjamin kedamaian dan menjanjikan kesunyian para pelancong.

## **PERANAN DAN SUMBANGAN ULAMA KEDAH SILAM - SUATU SOROTAN**

Berpandukan beberapa sumber bertulis dan penemuan hasil galicari pihak arkeologi di Kedah pada akhir-akhir ini, telah mendedahkan kepada umum bahawa dakwah Islam telah pun tiba di negeri ini sejak abad kesepuluh Masihi lagi. Dan sekaligus menolak dakwaan pendapat dan teori terdahulu bahawa Islam bertapak di Kedah pada separuh akhir kedua abad kelima belas atau tahun 1474.

Antara artifak yang ditemui yang mengarahkan kita kepada tarikh terawal adanya pengaruh Islam di Kedah ialah catatan aksara Arab pada sekeping batu, ditemui dipersekutaran Gunung Jerai semenjak sebelum perang. Inskripsi ini mencataatkan nama tokoh dan tarikh iaitu "Ibni Sirdhan 214 Hijrah" (829/830 Masihi) yang menurut Pengarah Arkeologi, Encik Kamaruddin Zakaria, artifak ini menunjukkan adanya tokoh-tokoh Islam dari Timur Tengah - Arab/Parsi seperti Ibni Sirdhan yang mengembara untuk tujuan mengembangkan syiar Islam di negeri ini.

Berdasarkan sepasang nisan purba yang ditemui di sebuah perkuburan Islam di Kampung Tanjung Inggeris, Langgar kira-kira 8 kilometer dari Alor Setar, jelas terpahat di situ nama "Sheikh Abdul Qadir ibni Hussain Syah Alirah" dan tarikh meninggalnya "3 Rabiulawal 291" Hijrah. Dengan ini membuktikan bahawa dakwah Islam sudah diperkenalkan kepada masyarakat di pendalamannya Kedah beberapa tahun sebelum meninggalnya tokoh Syeikh Abdul Qadir yang dipercayai pendakwah terawal dari Timur Tengah yang tiba disitu. Menilik kepada tarikh 3 Rabiulawal 291Hijrah yang bersamaan dengan hari Selasa, 24 Januari 904, menunjukkan agama Islam bertapak di Kedah terkemudian hanya 65 tahun sahaja daripada Aceh. Hakikat ini berdasarkan sebuah naskah tua tulisan tangan berjudul "Idhharul-Haq" karya Ishak Makarani Al-Pasi yang menyebut, "Pada hari Selasa, 1 Muharram 225 Hijrah, Perlak (Aceh Tua) telah menerima Islam.

Hal ini tidaklah aneh jika dipandang dari sudut geografi tentang persamaan kedudukan Aceh di utara Sumatera dan Kedah di utara Semenanjung, kedua-duanya berada di pintu laluan masuk ke Selat Melaka yang sering disinggahi oleh kapal-kapal dagang atau pelaut dari India dan Timur Tengah semenjak abad kesembilan Masihi lagi. Bagaimanapun seluruh Kedah secara rasmi menerima Islam bermula

pada 531 Hijrah (1136 Masihi) apabila rajanya "Seri Paduka Maharaja Derbar Raja" dilaksanakan oleh Syeikh Abdullah dari Yaman, di Kota Bukit Meriam dengan memakai gelaran Islam sebagai "Sultan Mudzaffar Shah".

Sejak dari awal lagi, melalui 8 buah pusat pentadbiran yang sentiasa berubah-rubah sepanjang 863 tahun di bawah pemerintahan 28 orang sultan, syiar Islam terus berkembang dengan meluasnya di Kedah melalui para ulama yang bukan sahaja sebagai pendakwah malah ada di antara mereka bertugas selaku penasihat kepada pemerintah.

Sebagaimana negeri-negeri Melayu lain di Nusantara ini, pada peringkat awal kemunculan golongan ulama di Kedah adalah berasal dari luar terutamanya Yaman dan Hejaz di Arab Selatan. Pada abad kesembilan belas ramai di antara mereka berasal dari negeri-negeri Melayu lain berhijrah dan tinggal menetap di Kedah. Dari Patani misalnya terdapat ulama Tuan Syeikh Jaruin (Tuan Haji Wan Idris bin Wan Jamal), Derga, Tuan Haji Mat Noor Abu Bakar, Langgar, Haji Ismail Che Dol dan Pak Chu Him, Gajah Mati, Pendang, dan Haji Yaakob Abdul Rahman, Kampung Kemelong, Sik. Ada yang berasal dari Kalimantan dari keturunan ulama besar, Syeikh Muhammad Arsyad Al-Banjari seperti Tuan Muhammad Taib Al-Mas'udi Al-Banjari, Titi Gajah dan cucunya Tuan Hussain Kedah, sementara Teuku Badi'ul-Hafis dan Teuku Arsyad atau Teuku Di Balai (Bale) ulama dari Aceh pula menetap di Yan.

Golongan ulama tempatan rata-ratanya mendapat pendidikan awal di negeri sendiri atau di Kelantan, Terengganu dan Patani sama ada sebelum atau sesudah menuntut di Mekah atau Madinah atau di pusat-pusat pengajian di India, Pakistan, Iraq dan Mesir. Kemunculan ulama silam sering dikaitkan dengan institusi pengajian dan perkampungan pondok yang diasas atau diterokai mereka yang sejarah pertumbuhannya bermula semenjak pertengahan abad kesembilan belas lagi dan ianya berterusan sehingga menjelangnya kemerdekaan negara.

Prof. Ishak Mohd. Rejab memberikan sebab-sebab ramainya kelahiran ulama di Kedah yang antara lain menurutnya disebabkan keadaan penduduknya terdiri daripada para pesawah yang menyumbangkan kepada pendidikan agama daripada di negeri ini dan seterusnya melahirkan cerdik pandai agama daripada anak tempatan. Jadi Kesimbungan usia pondok yang diwujudkan oleh para ulama selama beberapa tahun itu terus berkembang subur disebabkan tuan-

tuan guru dan murid-muridnya bergantung hidup pada sawah sebagai pesawahan atau hidup kerana zakat dan sumbangan dari hasil sawah.

Satu lagi yang tidak kurang pentingnya ialah faktor keamanan dan keselamatan yang lebih terjamin di bawah pemerintahan Sultan Ahmad Tajuddin Mukarram Shah (1854-1879) dan Sultan Abdul Hamid Halim Shah (1882-1943). Kedua-dua tokoh pemerintah ini adalah perintis ke arah pembangunan dan pemodenan Kedah yang merestui pembukaan perkampungan pondok-pondok agama di seluruh negeri. Keamanan dan kestabilan politik setelah Kedah bebas dari kekejaman pemerintahan tentera Ligor/Siam (1821-1841) juga mendorong kepada penghijrahan ulam-ulama Patani ke Kedah yang tidak sanggup menderita di bawah pentadbiran Siam seperti yang berlaku kepada keluarga ulama Tuan Haji Ishak Muhammad Hashim, Pulau Pisang (1771-1871) dan Tok Syeikh Jarum, Derga (1849-1911).

Di samping itu walaupun tidak ramai, terdapat juga penghijrahan ulama-ulama Kedah ke negeri lain seperti Tuan Haji Shafie Mohd. Amin dari Merbok yang muncul sebagai salah seorang ulama besar Terengganu dengan perkampungan pondoknya di Losong (1862-1945). Sementara itu Haji Shafie atau ‘Tok Shafie’ dari Telok Bagan pula akhirnya muncul sebagai ahli Sufi Mekah yang terkenal.

Mengenai para pelajar yang menuntut di perkampungan pondok di seluruh Kedah pada zaman kegemilangannya di samping mereka yang bermastautin di Kedah, ramai ramai pula yang berasal dari negeri-negeri lain di Malaysia, Indonesia, selatan Siam dan Kemboja. Berdasarkan buku pendaftaran pelajar yang memasuki Pondok Tuan Guru Haji Hussain Haji Salleh (Dato’) berhampiran makam DiRaja Langgar, tercatat seramai 182 orang yang menuntut di situ antara tahun-tahun 1936-1940. Dari jumlah itu terdapat 59 orang anak tempatan Kedah, 57 orang dari Semenanjung iaitu Negeri Sembilan 24, Perak 11, Selangor 7, Pahang 7, Johor 7 dan Melaka 1. Pelajar dari Indonesia pula berjumlah 66 orang, paling ramai dari daerah Jambi iaitu 37 orang, diikuti Kampar 14, Batang Hari 3, Aceh 3, kota Chamai 3, Alas 2, Rawa 1, Selat Panjang 1, Perigi Raja 1 dan Sumbawa 1.

Sejarah telah membuktikan betapa akrabnya hubungan antara pemerintah dan para ulama sejak awal lagi. Sultan yang disifatkan sebagai “Zillallahufil-‘alam” atau bayangan Tuhan di dunia ini seringkali memerlukan nasihat dari para ulamanya dalam menangani sesuatu masalah dan urusan-urusian berkaitan dengan pentadbiran negeri. Misalnya pada zaman Sultan Sulaiman Shah (1602-1619) di Kota

**Siputih**, baginda bersetuju dengan nasihat muftinya, Syarif Aznan yang berasal dari Hejaz itu mengenai cara bagaimana menghindar serangan dari Aceh. Di zaman Sultan Ahmad Tajuddin Mukarram Shah (1854-1879) amalan bermesyuarah itu berterusan.

Muhammad Hassan dalam bukunya menegaskan : "Apakala ada sesuatu pekerjaan yang besar-besar hendak dilaksanakan maka duli **baginda** bermuafakat dengan Wan Ibrahim dan Wan Ismail dan Syed **Abdullah Al-Jafri** dan Tuan Haji Muhammad Taib, Mufti dan Tuan Haji **Muhammad Salleh, Ulama**".

Ulama silam juga turut membantu menghasilkan karya-karya yang bersifatkan keagamaan dan perundangan. Misalnya kitab perundangan terawal, "Hukum Kanun atau Undang-Undang Kedah" telah dihasilkan padazaman Sultan Rijaluddin Muhammad Shah (1626-1652) di Kota Naga dan pada zaman Sultan Dhiauddin Mukarram Shah (1662-1688) sewaktu bersemayam di Kota Palas, pada tahun dal, bulan Rabiulawal 1078 Hijrah (1667 Masihi) sebuah lagi kitab perundangan berjudul "Tembera Dato' Seri Paduka Tuan" telah disusun oleh Syeikh **Alauddin**. Salah sebuah karya Ilmu Ta'athid terawal telah dihasilkan di Kota Siputih pada bulan Rabiulawal 1032 Hirah (Januari 1622) oleh **Ahmad Aminuddin Al-Qadhi**. Zaman itu juga Kerajaan Aceh telah menghadiahkan kepada Kerajaan Kedah dua buah kitab berjudul "Siratul-Mustaqim" dan "Babun-Nikah" karya pujangga dan ulama besar Aceh iaitu Syeikh Nuruddin Ali Al-Raniri.

Di bidang penulisan yang mencakupi segala aspek mengenai agama Islam, berkembang subur hingga ke hari ini. Antara ulama silam yang begitu prolifik dalam menghasilkan karya termasuklah **Tuan Haji Muhammad Taib Al-Mas'udi Al-Banjari**, **Titi Gajah** (1850-1900), **Haji Wan Sulaiman Wan Sidik**, **Limbong Kapal** (1874-1935), **Tuan Haji Muhammad Said Taib, Yan** (1877-1962), **Tuan Haji Muhammad Al-Minangkabauwi**, **Seberang Perak** (1874-1961), **Tuan Haji Abdullah Muhammad Saad, Setul** (1890-1986), **Tuan Haji Ismail Haji Muhammad Salleh, Pulau Pisang** (1894-1945), dan **Tuan Haji Abdullah Abbas Nasution, Tanjung Pauh** (1912-1987).

Ulama silam juga turut berjuang untuk membebaskan Kedah dari **belenggu** penjajahan tentera Ligor/Siam (1821-1841) dalam mempertahankan kesucian agama Islam. Kemuncak perjuangan itu berlaku dalam tahun 1838-1839 di bawah pimpinan **Tunku Muhammad Saad** **Tunku Daud** bersama 10 ribu pejuang yang akhirnya Kedah dapat dibebaskan untuk sementara waktu. Turut terlibat dalam

peperangan itu ialah Syeikh Abdul Qadir, Mufti Kedah dan saudaranya Syeikh Abdul Samad Al-Falembani (Palembang). Syeikh Abdul Samad telah gugur syahid di Hadyai, selatan Thailand.

Gerakan rakyat Kedah untuk membebaskan diri dan negara dari penjajahan Inggeris selepas tamatnya Perang Dunia Kedua bermula dengan peristiwa penentangan terhadap Malayan Union. Ketika itulah lahirnya Persatuan Ulama Kedah dan Kesatuan Melayu Kedah pimpinan Tuan Haji Hussain Che Dol di samping ulama lain seperti Tuan Syeikh Abdul Halim Usman (Dato'), Tuan Haji Abdul Abdul Rahman Haji Abdullah, Merbok (Dato' Mursyid DiRaja), Syeikh Salleh Shamsudin, Tuan Haji Ismail Haji Said dan lain-lain.

Satu-satunya sudut kehidupan para ulama silam yang sering diperkatakan ialah ada di antara mereka memiliki sifat-sifat luarbiasa yang dikaitkan pula dengan unsur kekeramatian. Di Kedah misalnya, tokoh-tokoh seperti Tuan Haji Hussain Che Dol, Tuan Haji Yahya Taha, Kupang dan Tuan Haji Wan Abdul Samad Wan Nik, Pokok Sena dikatakan amat digeruni oleh musuh-musuh Islam terutamanya di waktu kebangkitan dan kemaharajalelaan ahli-ahli Bintang Tiga di Zaman Darurat dahulu (1948-1960).

Sebilangan para ulama silam juga adalah selaku pelopor perancangan luar bandar. Serentak dengan penerokaan perkampungan pondok, mereka juga mengadakan berbagai projek untuk kemudahan masyarakat setempat. Misalnya pembinaan titi atau jambatan oleh ulama Tuan Haji Idris di Kampung Titi Haji Idris dan pembinaan jalan raya terawal dari Pendang ke Sungai Tiang oleh ulama Tuan Haji Ahmad Rabat (Rubat), Chegar.

Pada akhir rencana ini dilampirkan senarai ulama-ulama Kedah silam sebagai melengkapkan lagi kajian yang pernah dilakukan sebelum ini. Melihatkan kepada jumlah mereka yang sebegitu ramai, jelas membuktikan bahawa Negeri Kedah Darul Aman juga merupakan salah sebuah negeri di Semenanjung ini yang kaya dengan para ulama yang mampu memperkembangkan dakwah Islamiah menerusi pelbagai bidang semenjak bertapaknya agama Islam di negeri ini pada tahun 1136.

# **SEJARAH AWAL PENULISAN DI NEGERI KEDAH DARUL AMAN DAN PERKEMBANGANNYA SEHINGGA TAHUN 1850**

Sejarah awal budaya penulisan sesatu masyarakat seringkali dihubungkan dengan zaman masyarakat itu yang sudah mencapai satu tahap budaya atau tamadun yang agak tinggi. Begitulah juga dikaitkan dengan sejarah bermulanya bidang penulisan di negeri Kedah Darul Aman.

Ketika memperkatakan sejarah Kedah purba terutamanya mengenai peninggalan tamadun terawal masyarakat Melayu di Lembah Bujang, apa yang menarik perhatian kita ialah penulisnya Roland Braddell cuba menekankan bahawa kemungkinan nama "Bujang" itu sendiri (seperti Kampung Pengkalan Bujang atau Sungai Bujang yang menjadi anak Sungai Merbok) adalah berasal dari perkataan Sanskrit iaitu "Bhujangga" atau "Pujangga".

I-Tsing, seorang pendakwah dan pendita Buddha China dalam pelayarannya ke India pernah singgah ke Palembang, ibu kota Kerajaan Sriwijaya dalam tahun 671. Di situ beliau mendapati berpuluhan-puluhan wihara (biara) iaitu tempat para pelajar yang bakal menjadi pendita. Mereka mempelajari bahasa Sanskrit dan agama Buddha Mahayana.

Dalam tahun 673, I-Tsing dikatakan belayar pula ke Kedah dan sekali lagi beliau singgah di situ pada tahun 685 semasa dalam perjalanan pulang ke negeri China. Ia mendapati negeri Kedah juga waktu itu memainkan peranan sebagai pusat perdagangan dan pelabuhan teragung untuk Kerajaan Sriwijaya di rantau ini.

Walaupun I-Tsing tidak menyebut secara khusus mengenai peranan Kedah sebagai pusat pengajian tinggi seperti yang dilihatnya di Palembang namun kita dapat membuat anggapan bahawa di sekitar Lembah Bujang juga waktu itu terdapat suasana demikian. Oleh kerana itu agak tepatlah jika ular tempat itu sejak dahulu lagi dikenali sebagai Bhujangga atau Pujangga.

Kesan-kesan tamadun awal masyarakat Melayu di sekitar Lembah Bujang yang membuktikan mereka memiliki kemahiran dalam bidang seni ukir dan seni bina yang amat menakjubkan, dapat kita saksikan

pada peninggalan bangunan candi dan astifek-astifek yang pernah ditemui hasil dari gali-cari dan sebagainya. Ini termasuklah beberapa buah batu bersurat atau prasasti yang merakamkan undang-undang dan doa mengenai agama Buddha. Ianya ditulis melalui bentuk puisi yang menarik seperti yang dijumpai di Bukit Choras (Tapak 1) dan juga di Bukit Meriam (Tapak 2) pada sebelum Perang Dunia Kedua.

Semua prasasti yang ditemui itu mengarahkan kita pada zaman-zaman di abad keempat dan kelima Masihi. Semuanya ini memberikan kita perspektif yang jelas bahawa budaya penulisan sudahpun wujud di kalangan masyarakat tempatan khususnya masyarakat Melayu di Kedah.

Melalui tulisan Jawi yang diperkenalkan seiring dengan tersibarnya agama Islam di Nusantara ini, maka bermulalah proses menyalin dan menterjemahkan buku-buku yang berkaitan dengan agama dan kesusasteraan. Beberapa pusat kegiatan penulisan di Nusantara ini telah muncul mewakili zaman-zaman tertentu. Misalnya Zaman Kerajaan Samuder-Pasai (1280-1400), Zaman Kerajaan Melaka (1400-1511), Zaman Kerajaan Aceh (1511-1650) dan Zaman Kerajaan Johor-Riau (1280-1850).

Istana Kedah Darulaman juga pernah menjadi pusat kegiatan di bidang penulisan sejak bertapaknya agama Islam di negeri itu dalam tahun 1136. Namun peranan Kedah tidaklah serancak zaman-zaman yang telah dinyatakan tadi. Manuskrip-manuskrip terawal yang tidak ditemui mungkin musnah atau hilang beberapa peristiwa yang berlaku silih berganti. Sejak awal lagi Kedah menjadi sasaran serangan Raja Chola (1025) diikuti oleh Aceh (1619), Bugis (1723-1770) dan juga serangan Ligur/Siam (1821). Kekerapan berpindahnya pusat pentadbiran negeri ini juga merupakan satu lagi faktor terpenting yang membawa kepada kemasuhan karya-karya yang dihasilkan pada peringkat awalnya.

Di samping Hikayat Merong Mahawangsa, satu-satunya karya lama bercorak historiografi yang tertua dan amat popular itu, penulisan yang berkaitan dengan undang-undang negara kotajuga merupakan hasilan tertua di negeri ini. Sewaktu Kota Naga menjadi pusat pentadbiran Kedah Darulaman, teks Undang-Undang Kedah yang pertama telah dihasilkan dalam tahun 1650 (1060 Hijrah) yang kemudiannya diikuti dengan Undang-Undang Pelabuhan Kedah dan Hukum Kanun Dato' Kota Setar.

Pada zaman pemerintahan Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah II yang juga dikenali sebagai Marhum Melaka (1797-1843) beberapa karya lagi telah diusahakan atas daya-usaha baginda sendiri yang bertindak sebagai pelindung dan penaung sastera istana pada zamannya. Malah

**baginda** sendiri merupakan salah seorang pujangga dari kalangan istana. **Antara** karya-karya yang dihasilkan pada zaman baginda termasuklah **Syair Sultan Maulana** yang mengisahkan kegagahan pahlawan-pahlawan **Kedah** yang turut serta membantu Siam untuk menentang pencerobohan **Burma** di Pulau Ujung Slang atau Tongkah (phuket) pada tahun 1809-1810.

Ketika berada dalam pembuangan di Melaka, baginda berhasil mengarang sebuah syair berjudul Syair Duka Nestafa atau Syair Sultan **Ahmad Tajuddin**. "Naskah Syair yang sepanjang 450 rangkap ini bercorak romantis-simbolis. Isinya lebih mengambarkan penderitaan batin Sultan Ahmad Tajuddin waktu dalam penyingkirannya."

Baginda tidak berdiam diri dalam hasrat dan usahanya untuk merebut kembali negerinya yang dirampas oleh Siam seperti penegasannya dalam beberapa rangkap berikut :

"Dengarkan tuan suatu riwayata,  
pernya nasib untungnya beta,  
kejadian diri pula dinyata,  
selama-lama berduka cita.

Demikianlah beta sehari-hari,  
kekanda nian dibuang negeri,  
jika tak boleh muda bestari.

Atau ke mercu Gunung Jerai,  
anggor nyawa badan bercerai,  
remiklah kena badai dan cangerai,  
emas itu sahaja ikatan urai.

Demikianlah sudah ibarat madah,  
habislah kias bandingan sudah,  
yang diberahinya itu bukannya mudah,  
maknikam gemala di negeri Kedah."

Salinan terakhir naskah Hikayat Merong Maha Wangsa besar kemungkinan dilakukan pada zaman baginda juga.

Kemungkinan ada banyak lagi manuskrip yang masih belum dapat dikesan atau ditemui pada zaman Kedah diduduki oleh Siam(1821-1843) di samping ada yang musnah akibat serangan Siam di bandar Kota Setar

(Alor Setar). Khazanah penulisan termasuk hasilan sastera yang berharga simpanan Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah II sejak sebelum atau sewaktu pendudukan Siam di Kedah, mungkin ada yang dibawa ke Kayang atau Kota Indera Kayangan (Perlis) dan kemudian ke Setol kerana kedua wilayah itu adalah sebahagian daripada Kedah tetapi kemudiannya diasingkan menjadi wilayah bersendirian. Dan ini termasuklah apa yang berlaku kepada manuskrip Syair Duka Nestapa yang diperolehi oleh Dato' Paduka Haji Wan Ibrahim bin Wan Soloh daripada simpanan Wan Hajar, salah seorang keluarga pemerintah terakhir dari Kerajaan Melayu Setol Mambang Segara. Tetapi sayangnya naskah asal syair itu sudah tiada lagi dalam simpanannya dan beliau sudah lupa orang yang meminjam naskah tersebut.

Sesudah tahun 1850, dengan kelahiran pusat-pusat pengajian agama Islam melalui 'Sistem Pondok', lahirlah karya-karya yang bercorak agama oleh ulama-ulama tempatan. Bidang penulisan selanjutnya berkembang meluas lagi bila masuknya pengaruh pemodenan dari barat yang sekaligus memperkenalkan media-cetak.

## **SEJARAH RINGKAS PERKEMBANGAN KERAJAAN DAN PENTADBIRAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN.**

Pada akhir abad ke-19, sewaktu masih berada di bawah naungan Kerajaan Siam lagi, Kedah sudahpun memperkenal dan memperkembangkan sistem pentadbiran yang tersendiri lagi moden. Bermula dengan pemerintahan Almarhum Sultan Ahmad Tajuddin Mukarram Shah (1853-1879), Kedah memasuki era pembangunan dan pemodenan.

Keadaan ini berterusan sehingga berlakunya peralihan kuasa naungan terhadap Kedah dari Siam kepada British pada 15 Julai 1909. Almarhum Sultan Abdul Hamid Halim Shah (1882-1943) di awal pemerintahannya telah mengadakan lawatan ke beberapa buah negeri seperti di Thailand, India, Burma dan Eropah bertujuan untuk meluaskan lagi pengalaman dan pengetahuan baginda dalam membangunkan negeri. Usaha-usaha yang dirintis oleh ayahanda baginda sebelumnya dipesatkan lagi sehingga kejayaannya di bidang pentadbiran menyebabkan baginda pernah digelar "Bapa Kedah Modern".

Dalam menjiayakan pembangunan negeri, baginda dibantu oleh para pemimpin yang berkebolehan termasuk (Raja Muda), Tunku Mahmud, Tunku Ibrahim dan Wan Muhammad Saman. Sejak tahun 1870 lagi Sultan Abdul Hamid Halim Shah, Wan Muhammad Saman dilantik sebagai Perdana Menteri. Sejarawan Dato' Prof. Khoo Kay Kim pernah menegaskan " Kedah dapat mengembangkan sistem politik yang lebih tersusun daripada negeri-negeri Melayu Barat (Perak, Selangor dan Negeri Sembilan) sebelum campurtangan Inggeris kerana Kedah sudahpun mempunyai pegawai-pegawai berpengalaman dan dapat memainkan peranan yang berkesan dalam sistem pentadbiran. Kerana itu juga Kedah tidak perlu bergantung kepada begitu ramai pegawai Inggeris sebagaimana Perak dan Selangor".

### **PENGASASAN DAN PERKEMBANGAN PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI**

Tarikh sebenar bilakah istilah "Setiausaha Kerajaan" mula digunakan di Kedah tidaklah dapat dipastikan dengan tepat. Bagaimanapun tokoh

pentadbir Che Mohd. Ariffin bin Mohd. Arshad sudah menggunakan gelaran atau jawatan itu sejak 3 Syawal 1323 (3 Oktober 1905). Begitu juga dalam surat menyurat rasmi seperti surat yang bertarikh 17 Zulhijjah 1323 (12 Februari 1906) terdapat tajuk bertulis begini:

“Surat Che Mohd. Ariffin Secretary Pada Che Awang Osman di Pulau Pinang Fasal Beli Marble Yang Hendak Dipakai Di Rumah Duli Yang Maha Mulia”

Dalam masa yang sama, Che Mohd. Ariffin juga menulis jawatannya sebagai “Setiausaha Sultan”. Hal ini sering dapat dilihat dalam catatan Mesyuarat Majlis Negeri yang menyenaraikan kehadiran ahli-ahli Majlis itu pada setiap kali mesyuarat diadakan, nama beliau ditulis begini, “Secretary Duli Yang Dipertuan Yang Maha Mulia”. Dengan ini dapatlah dikatakan bahawa di samping memakai gelaran jawatan sebagai “Setiausaha Kerajaan, Che Mohd. Ariffin juga bertindak selaku “Setiausaha Sultan”.

Dalam susunan pentadbiran negeri kedah sejak sebelum Perang Dunia Kedua, di puncak struktur kuasa iaitu Sultan. Setiausaha Kerajaan merupakan Pegawai Tadbir Melayu yang paling tinggi. Sebelum tahun 1921, perkhidmatan “Kedah Civil Service” (KCS) belum diwujudkan dan pegawai tadbir dikenali sebagai Pegawai Tadbir Melayu (Malay Civil Services). Ketua Pentadbir dikenali sebagai “Kepala Pekerjaan” atau “Ketua (Ketua Pekerjaan”. Merujuk kepada Laporan Tahunan 1937, terdapat seramai enam puluh satu orang menyandang jawatan “Kedah Civil Services” dan dua puluh orang kadet.

Pejabat Setiausaha Kerajaan yang pertama dikatakan bermula di Balai Besar seperti juga dengan Pejabat Majlis Negeri. Kemudian dalam tahun 1911 ianya dipindahkan ke bangunan setingkat yang dibina daripada kayu terletak di kawasan Kompleks Istana Kota Tengah yang bersebelahan dengan Wisma Negeri sekarang. Di samping “Secretariat”, nama lain bagi Pejabat Setiausaha Kerajaan lazim dikenali umum dengan panggilan “Opis Dalam”. Penggunaan nama tersebut bukanlah kerana pejabat ini terletak dalam kawasan kota atau istana tetapi dirujukkan kepada peranan dan fungsinya yang mengendalikan urusan-urusan dalam negeri.

Dalam tahun 1348 Hijrah (1929), barulah pejabat ini berpindah ke bangunan rumah batu dua tingkat yang masih ada lagi sekarang. Bangunan ini terletak berhampiran dengan bagunan kayu yang asal yang dirobohkan sesudah itu. Ketika Jepun menduduki Kedah (Disember 1941), sistem pentadbiran Tentera diperkenalkan diketuai oleh Mejer

**Jeneral Sukigawa Seiji** selaku Gabenor dan K.Shiba sebagai penasihatnya. Mereka menjadikan bagunan Setiausaha Kerajaan sebagai ibu pejabat mereka.

Pada 18 Oktober 1943, majlis penyerahan kuasa secara rasmi ke atas negeri Kedah, Perlis, Kelantan dan Terengganu dari Jepun kepada **Thai** telah berlangsung di Alor Setar. Gabenor Jeneral Thai yang bertanggungjawab bagi keempat buah negeri itu ialah Khun Rongchart sementara Gabenor Kedah ialah Khun Pramot Chongcharem. Kedua-dua mereka menggunakan Bagunan Setiausaha Kerajaan sebagai ibu pejabat mereka sehinggalah pentadbiran

Thai di Kedah berakhir pada bulan September 1945. Haji Mohd. Sheriff Osman dikekalkan menjadi Setiausaha Kerajaan sementara Gabenor Thai itu bertindak sebagai penasihat kepadanya.

## **KEWUJUDAN DEWAN UNDANGAN NEGERI**

Sejarah penubuhan Dewan Undangan Negeri Kedah Darul Aman bermula tahun yang lalu apabila Almarhum Sultan Abdul Hamid Halim Shah mengasaskan "Majlis Negeri" (State Council) pada 1 Jamadilakhir 1323 ( 3 Ogos 1905) bertempat di Balai Besar, Alor Setar.

Baginda Sultan Abdul Hamid Halim Shah juga telah berkenan melantik adindanya Y.T.M. Tunku Abdul Aziz (Raja Muda) selaku Presiden Majlis Negeri yang pertama. Ahli-ahli lainnya ialah Che Mohd. Ariffin Mohd. Arshad (Setiausaha Sultan), Syed Abdullah Al-Mahdali (Pegawai Perbendaharaan), Haji Muhammad (Hakim Besar) dan W.J.E. Williamson (Penasihat Kewangan) Y.T.M Tunku Ibrahim Ibni Sultan Abdul Hamid Halim Shah dilantik sebagai Setiausaha Presiden.

Dalam tahun 1907, Baginda melantik adindanya Y.T.M. Tunku Mahmud sebagai Presiden Majlis Negeri untuk menggantikan Y.T.M. Tunku Abdul Aziz yang mangkat pada tahun itu. Setelah berlakunya peralihan naungan dari Kerajaan Siam kepada Kerajaan Inggeris (1909), kedudukan ahli-ahli Majlis Negeri semakin bertambah bilangannya dengan bertambahnya jabatan-jabatan penting. Ahli Majlis Negeri dalam tahun 1912 ialah Y.T.M. Tunku Ibrahim Ibni Sultan Abdul Hamid Halim Shah, Syed Hassan Shahabuddin (Hakim Besar), W.G.Mazwell (Penasihat British) Mohd.Sheriff bin Osman (Setiausaha Majlis Negeri) dan G.Gorman (Jurutera Negeri)

Selepas Perang Dunia Kedua dan dengan terbentuknya

Persekutuan Tanah Melayu (1948), jawatan Penasihat British telah dimansuhkan, digantikan dengan jawatan Menteri Besar. Menteri Besar yang pertama ialah Haji Mohd Sheriff bin Osman (1948-1957). Beliau juga bertindak selaku Presiden Majlis Negeri. Ahli-ahli yang dilantik di samping ahli-ahli rasmi, mengandungi juga ahli-ahli tidak rasmi yang mewakili kepentingan pelbagai kaum di negeri ini. Di antara golongan kedua yang berkhidmat di peringkat awal termasuklah Ayob bin Abdullah, Haji Abdul Rahman bin Haji Abdullah (Haji Abdul Rahman Merbuk), Soon Cheng Sun, dan C.Moosa bin Haji Abdullah.

Selepas Persekutuan Tanah Melayu mencapai kemerdekaan (31 Ogos 1957), pilihanraya umum pertama untuk Ahli Dewan Undangan negeri diadakan pada 15 April 1959. Sebelum itu Majlis Negeri yang diasaskan sejak tahun 1905 telah dibubarkan pada 31 Mac 1959 digantikan dengan Dewan Undangan Negeri.

Dalam Bulan September 1973, Pejabat Setiausaha Kerajaan berpindah pula ke bangunan "Wisma Negeri" yang terletak berhampiran dengan Pejabat Setiausaha Kerajaan yang lama. Dewan Undangan Negeri yang bertempat di Balai Besar sejak tahun 1905 juga berpindah ke Wisma Negeri pada 9 September 1973. Perasmian bangunan Wisma Negeri ini telah disempurnakan pada 11 Syawal 1393 bersamaan 8 September 1973 oleh D.Y.T.M. Tuanku Haji Abdul Malik Ibni Almarhum Sultan Badlishah, D.K. S.P.M.K., P.S.B. Pemangku Sultan Kedah Darul Aman pada waktu itu.

## SALASILAH DULI-DULI YANG MAHA MULIA SULTAN NEGERI-NEGERI KEDAH DARUL AMAN, SEJAK 1136

1. Sultan Mudzaffar Shah I	1136-1179
2. Sultan Mu'adzam Shah	1179-1201
3. Sultan Muhammad Shah	1201-1236
4. Sultan Muzzil Shah	1236-1280
5. Sultan Mahmud Shah I	1280-1321
6. Sultan Ibrahim Shah	1321-1373
7. Sultan Sulaiman Shah I	1373-1422
8. Sultan Ataullah Muhammad Shah I	1422-1472
9. Sultan Muhammad Jiwa Zainal Adilin Mu'adzam Shah II	1472-1506
10. Sultan Mahmud Shah II	1506-1546
11. Sultan Mudzaffar Shah II	1546-1602

<b>12. Sultan Sulaiman Shah II</b>	1602-1626
<b>13. Sultan Rijaluddin Muhammad Shah</b>	1626-1651
<b>14. Sultan Muhyiddin Mansor Shah</b>	1651-1661
<b>15. Sultan Dhiawdin Mukarram Shah I</b>	1661-1687
<b>16. Sultan Ataullah Muhammad Shah II</b>	1687-1698
<b>17. Sultan Abdullah Mu'adzam Shah</b>	1698-1706
<b>18. Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah I</b>	1706-1709
<b>19. Sultan Muhammad Jiwa Zainal Adilin Mu'adzam Shah II</b>	1710-1778
<b>20. Sultan Abdullah Mukarram Shah</b>	1778-1797
<b>**. Sultan Dhiawdin Mukarram Shah II (Pemangku Sultan)</b>	1797-1804
<b>21. Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah II</b>	1804-1845
<b>22. Sultan Zainal Rashid Mu'adzam Shah I</b>	1845-1853
<b>23. Sultan Ahmad Tajuddin Mukarram Shah II</b>	1853-1879
<b>24. Sultan Zainal Rashid Mu'adzam Shah</b>	1879-1881
<b>25. Sultan Abdul Hamid Hafim Shah</b>	1882-1943
<b>26. Sultan Badlishah</b>	1943-1958
<b>27. Sultan Haji Abdul Halim Mu'adzam Shah</b>	1958

### **SENARAI MENTERI BESAR KEDAH DARUL AMAN SEJAK 1948**

<b>1. Y.A.B Haji Mohamad Sheriff bin Osman CBE., CMG., KOM</b>	1948-1954
<b>2. Y.A.B. Y.T.M. Tunku Ismail bin Tunku Yahaya CBE.</b>	1954-1959
<b>3. Y.A.B Dato' Syed Omar bin Syed Abdullah Shahabuddin PMN., JP</b>	28.5.1959 hingga 7.12.1967
<b>4. Y.A.B Dato' Seri Utama Syed Ahmad bin Syed Mahmud Shahbuddin, SMN., SSM., PSM., DUNM., SPMS., SPMT., SPMK., SSDK., JP</b>	14.12.1967 hingga 11.6.1978

- |                                                                                               |                                 |
|-----------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------------|
| 5. Y.A.B Dato' Syed Nahar bin Tun Syed Shch<br>Shahbuddin,<br>KMN., DPMK., SSDK., SPMK., SPMT | 8.7.1978<br>hingga<br>27.1.1985 |
| 6. Y.A.B. Tan Sri Dato' Seri Haji Osman bin Haji Aroff,<br>PSM., SSDK., DHMS., JMN., JP       | 28.1.1985                       |

**SENARAI PRESIDEN MAJLIS NEGERI (STATE COUNCIL)  
KEDAH DARUL AMAN 1905-1941**

- |                                                                                             |           |
|---------------------------------------------------------------------------------------------|-----------|
| 1. Y.T.M Tunku Abdul Aziz Ibni Almarhum Sultan<br>Ahmad Tajuddin Mukarram Shah (Raja Muda)  | 1905-1907 |
| 2. Y.T.M. Tunku Mahmud Ibni Almarhum Sultan Ahmad<br>Tajuddin Mukarram Shah                 | 1907-1914 |
| 3. Y.T.M. Tunku Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Abdul<br>Hamid Halim Shah (Pemangku Raja)      | 1914-1934 |
| 4. Y.T.M. Tunku Mahmud Ibni Almarhum Sultan Ahmad<br>Tajuddin Mukarram Shah (Pemangku Raja) | 1934-1937 |
| 5. Y.T.M. Tunku Badlishah Ibni Almarhum Sultan Abdul<br>Hamid Halim Shah (Pemangku Raja)    | 1937-1941 |

**SENARAI SPEAKER DEWAN UNDANGAN NEGERI  
KEDAH DARUL AMAN, SEJAK 1959**

- |                                                    |           |
|----------------------------------------------------|-----------|
| 1. Y.B Encik Arshad bin T.Ismail                   | 1959-1964 |
| 2. Y.B.Tuan Haji Zainuddin bin Haji Din            | 1964-1969 |
| 3. Y.B.Tuan Haji Salleh bin Haji Ishak             | 1969-1974 |
| 4. Y.B.Dato' Paduka haji Abdullah bin Haji Ismail  | 1974-1978 |
| 5. Y.B.Dato' Paduka Haji Abdullah bin Haji Ismail  | 1978-1982 |
| 6. Y.B. Dato' Haji Shaari bin Haji Abu Bakar       | 1982-1986 |
| 7. Y.B. Dato' Haji Seroji bin Haji Haron           | 1986-1990 |
| 8. Y.B. Dato' Paduka Haji Abdullah bin Haji Ismail | 1990      |

**SENARAI SETIAUSAHA KERAJAAN  
NEGERI KEDAH DARUL AMAN, SEJAK 1905**

- |                                                                         |           |
|-------------------------------------------------------------------------|-----------|
| 1. Che Mohd. Ariffin bin Mohd Arshad                                    | 1905-1922 |
| 2. Wan Yahaya bin Wan Mohd Taib                                         | 1922-1929 |
| 3. Y.T.M. Tunku Mohammad Ibni Almarhum<br>Sultan Abdul Hamid Halim Shah | 1929-1930 |

4.	Y.T.M. Tunku Mansor Ibni Almarhum Sultan Abdul Hamid Halim Shah	1930-1931
5.	Mohd Sheriff bin Awang Osman	19.5.1931 hingga 31.1.1948
.	.	.
6.	Y.T.M. Tunku Ismail bin Tunku Yahaya	1.2.1954 hingga 31.1.1954
7.	Syed Hassan bin Syed Zain Shahabuddin	1.2.1954 hingga 6.1.1958
8.	Tun Azmi bin Haji Mohammad	7.1.1958 hingga 22.9.1959
9.	Dato' Haji Shuib bin Osman	23.9.1959 hingga 21.9.1969
10.	Dato' Paduka Haji Shaari bin Haji Daud (Dato' Seri Paduka Indera)	22.9.1969 hingga 8.9.1976
11.	Dato' Paduka Haji Radzi bin Basir (Dato' Bijaya Indera)	9.9.1976 hingga 14.1.1987
12.	Dato' Haji Syed Mansor bin Syed Kasim Barakbah (Dato' Jaya Pahlawan)	15.1.1987 hingga 3.11.1989
13.	Dato' Haji Mohd. Saad bin Endut (Dato' Indera Senggara)	3.11.1989 hingga 27.8.1992

14. Dato' Haji Ahmad Basri bin Mohd Ali (Dato' Lela Pahlawan)	28.8.1992 hingga 25.4.1996
15. Dato' Haji Ismail bin Haji Shafie	26.4.1996

# ALOR SETAR SEBAGAI PUSAT PERKEMBANGAN BAHASA MELAYU DI KEDAH

## PENGENALAN

ALOR SETAR serupa juga dengan kota-kota lain di utara Semenanjung Tanah Melayu seperti Taiping, Pulau Pinang dan Kangar (Perlis) malah menjangkau hingga ke Setul dan Ligur di selatan Thailand mempunyai keseragaman pada segi dialek pertuturnya iaitu 'dialek utara'. Hal ini amat berbeza sama sekali dengan pertuturan yang lazim digunakan di negeri-negeri utara timur Semenanjung seperti Patani, Yala, Narathiwat termasuk Kelantan dan Terengganu yang tergolong sebagai 'dialek Patani'.

Gejala sedemikian rupa memperlihatkan kepada kita seolah-olah terdapat dua arus perkembangan bahasa yang bebeza di antara negeri-negeri di Pantai barat-utara Semenanjung dengan negeri-negeri di pantai timur-utara-Semenanjung.

Sebelum munculnya Alor Setar, beberapa kota telahpun wujud di Kedah yang masing-masing memainkan peranan sebagai pusat pentadbiran silih berganti sesudah bertapaknya Islam di Kedah. Kota-kota tersebut ialah Kota Bukit Meriam (1136-1236) dan Kota Sungai Emas (1236-1323) yang kedua-duanya terletak di selatan Kedah. Kemudian berpindah ke utara di Kota Siputih (1323-1626) dan Kota Naga (1626-1654). Dari situ berpindah lagi ke utara yang kini terletak dalam negeri Perlis iaitu Kota Sena (1654-1664) dan Kota Indera Kayangan (1664-1687). Selepas itu berpindah balik ke selatan iaitu di Kota Bukit Pinang (1687-1735) dan Kota Setar atau kemudiannya dikenali dengan nama Alor Setar. Menurut buku Al Tarikh Salasilah Negeri Kedah, Alor Setar telah diasaskan pada 15 Syaaban 1148 oleh Sultan Muhammad Jiwa Zainal Adilin Muazzam Shah II (1710-1778).

## BEBERAPA SIFAT KHUSUS DARI SEGI PERKATAAN

Bahasa Melayu yang berkembang sejak wujudnya Alor Setar dalam bentuk tulisan atau persuratan banyak dipengaruhi oleh penggunaan bentuk lisan atau pertuturan sehari-hari. Ini jelas dapat dikesan dalam beberapa karya yang bereorak sastera atau sejarah yang terkarang pada awal abad kedua puluh. Antara karya-karya tersebut termasuklah Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah (1928) oleh Muhammad Hassan bin Dato' Kerani Muhammad Arshad dan Salasilah Atau Tareh Kerajaan Kedah karya Wan Yahya bin Wan Mohamad Taib (1911).

Walaupun karya-karya tersebut dihasilkan pada zaman moden, namun

sifat-sifat isi dan bahasa yang terkandung di dalamnya merupakan satu kesinambungan diaripada apa yang terdapat dalam karya-karya yang terkarang semenjak abad ketujuh belas lagi. Misalnya teks Hakum Kanun atau Undang-Undang Kedah yang terkarang pada tahun 1650. Syair Sultan Maulana (1812) dan juga Hikayat Merong Mahawangsa sat-satunya teks historiografi dari Kedah yang amat terkenal itu. Walaupun tarikh terawal terkarangnya Hikayat Merong Mahawangsa itu tidak dapat dikesan dengan tepat, namun salinan-salinan terakhir tarikhnya jelas diperolehi iaitu dilakukan pada zaman Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah II (1804-1845) berdasarkan nama baginda yang turut dicatatkan dalam salasilah Raja-Raja Kedah pada akhir buku itu:

"...kemudian dari itu putera Sultan Muhammad Jiwa Zainal Adilin Muazzam Shah juga jadi raja namanya Sultan Dhianddin Muazzam Shah iaitu Marhum Muda Kayangan kemudian putera Sultan Abdullah Al Mukarram Shah juga jadi raja mananya Sultan Dhianddin Muazzam Shah iaitu Marhum Muda Kayangan kemudian putera Sultan Abdullah Al-Mukarram Shah jadi raja namanya Sultan Ahmad Tejuddin Halim Shah Yang Maha Mulia".

Penggunaan kata-kata lisan dalam bentuk loghat Kedah lebih ketara ditemui dalam sastera rakyat bercorak Cerita-Cerita Penglipur Lara seperti dalam Hikayat Terung Pipit dan versi-versi lain yang segolongan dengannya. Penggunaan kata-kata lisan dalam karya-karya yang disebutkan tadi bukan sahaja terhad kepada kata-kata lisan yang berasal dari loghat Kedah tetapi juga dari tempat-tempat lain di Semenanjung.

Malah dalam karya-karya terakhir termasuk surat-surat rasmi yang ditulis pada zaman pemerintahan Sultan Abdul Hamid Halim Shah (1882-1943) Oleh sebab terdapat unsur-unsur yang sama pada kedua-dua bentuk bahasa-lisan dan tulisan, maka di sini diperkatakan sekaligus beberapa sifat bahasa yang terkandung di dalamnya termasuklah kata-kata lisan yang digunakan seperti yang disenaraikan di bawah.

(a) Perkataan lisan itu disebut atau dipakai sepenuhnya dalam tulisan tanpa mengubah bentuk asalnya:-

1. Siam telah ocok Sutan Ahmad Tajuddin (Salasilah Atau Tareh Kerajaan Kedah hal. 8  
ocok bermaksud ‘mempengaruhi’ ‘mengadu-domba’ atau melagakan.
2. Di dalam lima tahun dikurniakan Allah Taala lenditlah di atas agama Islam....(Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah, hal 29. lendit bermaksud ‘sempurna’ dan pada halaman 72 perkataan ini digunakan sebagai ungkapan iaitu ‘terbit lendit’ yang bermaksud ‘sopan santun’).

3. Negeri Kubang Pasu itu dengan suci hati dan tiada menartuh ghalat telah diserahkan balik kepada asalnya (Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah, hal. 318).  
ghalat bermaksud ‘waswas’ terkilan atau ‘dukacita’.
  4. Duduk melenggung mendengar akan hal pembabitian keduanya (Hikayat Merong Mahawangsa hal 98.)  
melenggung bermaksud ‘termenung’.
  5. Maka undang-undang ini akan direntikan kepada hari yang dipertetapkan oleh Presiden State Council dengan diberi kenyataan perwarwar fasal itu (Surat Menyurat Sultan Abdul Hamid bertarikh 2 Zulkaedah 1335 bersamaan 20 Ogos, 1917)  
warwar bermaksud ‘hebah’ atau ‘umum’.
  6. Maka akan pekerjaan katup kuala sungai itu pun siaplah sekaliannya (Al-Tarikh salasilah Negeri Kedah, hal 115)  
katup bermaksud ‘tutup’.
- (b) Seringkali kita temui beberapa patah perkataan yang diringkaskan suku kata atau konsonan tertentu apabila digunakan dalam pertuturan, seperti tetapi menjadi tapi. Hal yang sama terjadi dalam bentuk lisan dan terbawa-bawa pula ke dalam bentuk tulisan atau persuratan seperti:
1. Pada fikiran hamba bukanlah jodo (jodoh) pertemuannya (Hikayat Merong Mahawangsa hal 5)
  2. Kapal bawa arta dagangan daripada kita lama sangat tiada pulang (Surat Sultan Muhammad Jiwa Zainal Adilin Muazam Shah bertarikh 24 Zulhijjah 1186 bersamaan 8 Mae, 1773)
  3. Tatkala seorang membuat malu mengambil artanya itu pasti ia mau mengambil balik artanya itu....(Surat Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah II bertarikh 1825)
  4. Seri Paduka Maharaja terlebih suka hati hendak antar...(Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah, hal.25)
- Berdasarkan contoh-contoh di atas, konsonan ‘h’ samada di awal atau di akhir telah digugurkan.
- (c) Di samping berlakunya pengurangan suku kata terdapat pula perkataan yang ditokok tambah dengan konsonan-konsonan tertentu, seperti
1. Rakyatnya tidak boleh hampir dengan kota itu kerana lincin

- (licin) seperti minyak lakunya (Hikayat Merong Mahawangsa hal.36)
2. Maka hertilah (erti) segala yang tersebut dalam surat itu (Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah, hal.26)

Tambahan yang dibuat biasanya menggunakan konsonan 'n' 'h' atau 'd'. Perkataan guni menjadi gundi.

(d) Perkataan cari yang diubah menjadi cahari lumrah digunakan sejak abad kelapan belas dalam pelbagai penulisan lama samada bentuk prosa atau puisi. Sebagai contohnya:-

    1. Seratus dua ratus gantang boleh cahari jika sekiranya empat lima koyan hendak beli tiada tempatnya (Surat Sultan Muhammad Jiwa Zainal Adilin Muazzam Shah II bertarikh 12 Syaaban 1187 bersamaan 29 Oktober 1773).
    2. Bangsawan muda sultan bistari  
Baik paras sukar dicihari  
(Syair Sultan Maulana 1812 rangkap 4)

Sifat yang sama juga terdapat pada beberapa perkataan lain yang digunakan di dalam kitab-kitab agama atau penulisan lama di Semenanjung. Misalnya, perkataan sahaya atau merdeheka kini menjadi saya dan merdeka sahaja. Begitulah juga dengan ketuha atau tuha kini menjadi ketua dan tua. Bagaimanapun perkataan 'ketuha' itu berlanjutan digunakan hingga kelepas Perang Dunia Kedua atau zaman sebelum merdeka misalnya 'Ketuha Pejabat Tanah'.

Perkataan atau juga sering mendapat tambahan konsonan 'w' iaitu menjadi atawa (atauwa) yang sering digunakan dalam bahasa lisan dan juga tulisan seperti dalam ayat berikut :-

"Maka adalah jika Mr.Frank Powell perbuat kesalahan iaitu jahat perkertinya atawa alpa atawa tidak boleh perbuat yang patut yang dititahkan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Kedah maka pada ketika itu Duli Yang Maha Mulia Sultan Kedah ada kuasa boleh buangkan Mr.Frank Powell dengan segeranya". (Surat Menyurrat Sultan Abdul Hamid bertarikh 17 Rabiulakhir 1308 bersamaan 30 November 1980).

(e) Kebanyakkan perkataan berawalkan konsonan 'b' dalam loghat bahasa Kedah ditukar menjadi konsonan 'm' dan kadangkala berlaku pula beberapa perubahan dalam bentuknya yang asal. Misalnya binatang menjadi menentang, bentara menjadi mentara, bacang menjadi macang.

Dalam percakapan sehari-hari, berlakunya perubahan tersebut adalah untuk memudahkan sebutan. Contoh-contoh dalam bentuk penulisan pula dapat dilihat dalam ayat-ayat berikut :

1. Segala kendil pelita seperti sianglah rupanya terang menerang (benderang) cerahnya (Hikayat Merong Mahawangsa, hal 60)
2. Pada 16 Ogos tahun Masihi 1909 Tuan W.G.Maxwell membuka tiang mendera (bendera) di rumah Consul Inggeris dibawa mari di rumah Bakar batu (Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah, hal 385)
3. Sultan Yang Maha Mulia muafakat dengan segala menterinya angkat paduka ayahanda Tunku Azlin menjadi Raja Menahara (Bendahara) bergelar Tengku Seri Paduka Maharaja Sura (Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah, hal 45)

(f) Bagi menguat atau menekankan lagi sesuatu kalimat atau keterangan yang hendak disampaikan biasanya digunakan perkataan semakna atau seerti yang berturutan misalnya hilang ghaib, cuba tokai atau cuba terai (try), dan sebagainya yang kadangkala mengandungi hingga tiga pathah perkataan. Pengulangan seperti ini juga terdapat dalam bentuk penulisan di Kedah. Antara contohnya ialah :

1. Maka adalah kepada suatu hari berhimpunlah Menteri Keempat muafakat mesyuarat bicara perbuat suatu surat dengan namanya keempat dan nama Raja Perempuan (Hikayat Merong Mahawangsa hal.57)
2. ....Maka beri patik warwar khabarkan pada segala orang Kedah yang lari mari ke Penaga barangsiapa yang suka boleh balik ke negeri Kedah dengan sigeranya (Surat dari dua orang palarian Kedah kepada Tunku Anom, bertarikh 13 Rejab 1255 bersamaan 22 September 1839)
3. Dan segala orang tuha-tuha yang bekerja di Negeri Kedah ini periksa tatap lihat daripada fasal faedah hasil mahsul Negeri Kedah ini.... (Mesyuarat Peraturan Belanja dan Gaji-Gaji di Kedah, bertarikh 14 Zulkaedah 1304 bersamaan 4 Ogos 1887)
4. Maka tetaplah Seri Paduka Mahajiva di atas takhta Kerajaan wang istana kota Bukit Meriam (Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah, hal 27)

'wang' bererti istana, dalam bahasa Thai

5. Maka diperbuat oleh Raja Muda seperti titah itu hingga sampai siap (Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah hal 109-110)

(g) Terdapat sejumlah perkataan yang digunakan oleh masyarakat Kedah dalam percakapan atau penulisan yang berbeza makna atau maksudnya jika dibandingkan dengan yang digunakan di negeri-negeri Melayu lain di Semenanjung. Misalnya perkataan ‘dadah’ dalam percakapan sehari-hari di Kedah bermaksud sesuatu yang dikehendaki atau dikerjakan awal-awal atau disiapkan lebih dahulu sebelum melakukan perkara berikutnya. Diperturunkan beberapa contoh selanjutnya mengenai perkataan ini :

1. Maka tiap-tiap kali baginda itu lalu, dilihat tebing sungai yang diperbuat langgar itu reban terlalu banyak ditumbuk oleh air (Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah hal 114)  
reban disini bermaksud ‘runtuh’
2. Maka akan kegeringannya itu pelan sehari pelan berat (Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah hal 27)  
Perkataan pelan yang diringkaskan dari perkataan perlahan di sini bermaksud ‘makin’ atau ‘semakin’
3. Maka akan jenazah Almarhum itu diperintahkan oleh paduka anakanda baginda....dimakamkan di hinggar kota Bukit Meriam (Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah hal.36)  
Perkataan langgar disini bermakna ‘perkuburan raja’ atau ‘makam’. Dalam makna yang lain langgar juga bermaksud pusat pengajian agama.

Dalam buku Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah, dua perkataan di atas iaitu pelan dan langgar amat kerap dipakai apabila penulis hendak menyatakan kegeringen seorang raja dan dimanakah baginda akan dimakam setelah mangkat.

Perkataan teriak bermaksud ‘panggil’ atau ‘menangis’ sering digunakan dalam penulisan lama di Kedah malah hingga ke zaman moden tetapi dengan maksud lain. Di Kedah, teriak juga bermaksud ‘aduan’ atau ‘bantahan’. Misalnya jawatan atau tugas Petition Writer diterjemahkan sebagai ‘Penulis Surat Teriak’. Contoh-contoh yang lain seperti berikut :-

1. Inilah patik keempat maklum teriakan Kebawah Duli Yang Maha Mulia.... (Hikyat Merong Mahawangsa hal 59)

2. Pihak Kerajaan Inggeris di Pulau Pinang hendak ambil campur dengan sebab banyak saudagar-saudagar berteriak kepadanya fasal banyak kerugian segala perniagaan.....  
(Al-Tarikh Salasilah Di Negeri Kedah hal 244)
3. Sekelian saudagar Inggeris yang bermiaga di sebelah timur perbuat sepucuk surat teriak kepada Secretary Sir Robert Cecil di London pintak suatu pertolongan....(Salasilah Atau Tarih Kerajaan Kedah, hal 4)

(h) Di Kedah, perkataan mika jarang terpakai dalam percakapan sehari-hari, tidak sebagaimana lazimnya yang terdapat dikalangan masyarakat Melayu Perak, di sekitar Kuala Kangsar, misalnya di Kedah, perkataan mika dalam pertuturan digantikan dengan perkataan hang. Bagaimanapun agak aneh juga apabila terdapat pemakaian perkataan ‘mika’ dalam penulisan di Kedah sejak abad kelapan belas hingga ke **abad** kedua puluh, seperti yang dapat dilihat dalam contoh-contoh ini :

1. Ahwal mika meninggal kita dalam kebajikan pergi ke bandar. Salang dengan perintah mika tinggal Mister Monchton akan ganti mika (Surat Sultan Muhammad Jiwa Zainal Adilin Muazam Shah II kepada Kepten Francis Light bertarikh 24 Zulhijjah 1186 bersamaan 8 Mac 1773)
2. Maka katanya, “Biarlah aku masuk pekan pesara beli daripada barang makanan bawa mari beri pada mika sekalian (Hikayat Merong Mahawangsa hal 88)
3. Maka adalah pintak mika hendak pajak ambil pajak hasil tiang pada segala perahu dan kapal-kapal yang keluar daripada Kuala Kedah itu lamanya dua tahun jadi 24 bulan mika hendak bayar hasilnya pada setahun \$ 1,400.00 (Surat Menyurat Zaman Sultan Abdul Hamid Halim Shah bertarikh 20 Rabiulakhir 1315 bersamaan 18 September 1897)

Perkataan mika paling akhir digunakan dalam penulisan dapat dikesan dalam surat Sultan Abdul Hamid Halim Shah kepada Encik Mohamad Hassan mengenai pembukaan Market Baharu di Pekan Kota Setar. Surat itu bertarikh 12 Safar 1323 bersamaan 18 April 1905. Begitulah juga kebanyakan perkataan yang dicontohkan diatas seperti cahari, ketuha, warwar dan lain-lain akhirnya tidak digunakan lagi dalam penulisan selepas tamatnya Perang Dunia Kedua.

## PENGARUH LUARAN DAN KESAN PERKEMBANGAN INSTITUSI PONDOK

Satu-satunya pengaruh luaran terutamanya dari negara jiran yang terdapat dalam teks penulisan lama di Kedah khususnya sastera yang bercorak cerita-cerita Penglipur Lara ialah adanya sisipan pengaruh Jawa di dalamnya. Ini jelas terlihat dalam Hikayat Terung Pipit yang memasukkan perkataan Jawa seperti 'ariamingsu', 'segera kidol', di samping nama-nama watak atau gelaran tokoh seperti 'Sang Sinuhun', 'Pekulun' dan sebagainya. Kata-kata tersebut merupakan pengaruh Cerita-cerita Panji (Jawa) yang berkembang di kalangan istana atau keluarga diraja Kedah sejak abad kelapan belas lagi.

Suatu ketika nama-nama tokoh dalam Sastera Panji dari Jawa itu digunakan pula oleh tokoh-tokoh diraja atau pembesar di Kedah. Misalnya nama asal Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah II (1804-1845) sebelum baginda menaiki takhta ialah "Tengku Pangeran". Begitu juga nama 'Tengku Bisnu', saudara baginda yang pernah menjadi Raja Muda dan juga 'Tengku Anom' putera saudara baginda yang pernah dilantik sebagai Ketua Deligasi Menghantar Bunga Emas ke Negeri Siam yang akhirnya menjadi raja memerintah negeri kecil "Kubang Pasu Darulqiyam (1841-1853)

Malah jika diteliti keseluruhan teks puisi Syair Duka Nestapa yang ditulis oleh Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah II sendiri ketika berada dalam pembuangannya di Melaka (1831-1841) adalah benar-benar dipengaruhi oleh jalan bahasa dan kisah sebagaimana yang terdapat dalam Sastera Panji.

Walaupun hubungan Kedah dengan Siam telah berlaku begitu lama, namun tidak banyak pengaruh bahasa Thai yang terjelma dalam pertuturan ataupun penulisan di kalangan masyarakat bandar atau kota di Kedah. Pengaruh bahasa Thai dan dialeknya lebih banyak mempengaruhi masyarakat Melayu di luar bandar yang berjiran dengan negeri Siam, sehinggakan beberapa nama tempat di kawasan itu berasal daripada perkataan Thai/Siam seperti Changloon yang bermaksud 'gajah tersungkur', Baling iaitu berasal daripada banling yang bermaksud 'Kampung Kera' dan sebagainya. Ada di antara perkataan Thai itu disesuaikan sebutannya menurut loghat Kedah. Misalnya nama tempat Kodiang yang berasal dari kok + deng bermaksud Pulau Merah, keras kedekiang yang merupakan ungkapan untuk menunjukkan benda yang terlalu keras juga berasal dari perkataaan Thai iaitu kedokeng. Walaupun bagaimanapun, beberapa perkataan Thai kini sudah diterima menjadi bahasa pertuturan sehari-hari, misalnya 'lau'

(reban ayam) dan 'nai' (pekan sehari/minggu)

Pengaruh jalan bahasa Arab dapat diikuti dalam kitab-kitab agama Islam sama ada yang dikarang atau diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu dari bahasa Arab sejak sebelum perang dahulu. Kitab-kitab karya Sheikh Daud Patani, Sheikh Abdil Samad Palembang dan lain-lain ulama terkenal yang pernah menetap lama di Mekah, tersebar luas di Nusantara melalui pusat-pusat pengajian agama Islam, terutamanya Institusi Pondok yang berkembang di beberapa buah negeri, termasuk Kedah sejak sebelum perang dahulu.

Kedah merupakan sebuah negeri di Malaysia yang kaya dengan ulama. Di antara tahun-tahun 1850 hingga 1935 terdapat lebih daripada enam puluh orang ulama di negeri ini. Di samping anak tempatan, ramai di antara mereka yang berasal dari Patani. Kelantan dan Sumatera mengasaskan perkampungan pondok masing-masing. Ada di antara mereka yang dilantik bertugas sebagai kadi, mufti dan guru agama di istana. Nama-nama seperti Tuan Hussain Kedah dan Haji Wan Sulaiman Wan Sidiq amat terkenal pula di bidang penulisan buku atau kitab-kitab agama. Melalui perkembangan Institusi Pondok ini secara tidak langsung turut berkembang Bahasa Melayu di samping Bahasa Arab menerusi pengajaran dan kitab-kitab yang digunakan.

Jalan bahasa Melayu yang terdapat dalam kitab-kitab agama itu amat sukar difahami oleh orang-orang biasa dan oleh kerana itu, ulama atau guru yang mengajarnya bukan sahaja berperanan sebagai menghuraikan lebih lanjut pengertian isinya tetapi juga terpaksa mencerangkan jalan bahasa yang sukar difahami yang banyak dipengaruhi oleh tatatbahasa Arab. Diperturunkan di sini tiga petikan dari tiga karya yang berasingan penulisannya yang pada hakikatnya mempunyai persamaan gaya penulisan dan gaya bahasanya :

1. "Dan sanya telah datang pada khabar bahawasanya dunia ini lagi didatangkan dengan dia pada hari kiamat di dalam rupa perempuan tuha yang sangat keji dan hodoh rupanya kelabu matanya menakut mukanya sanya telah terbuka daripada segala siungnya dan patah segala kakinya.....
2. "Bermula syirik pada umatku itu terlebih tersembunyi daripada kaki semut yang berjalan ta pada malam yang sangat kelam di atas batu yang sangat hitam dan ria itu syirik kecil dan demikian lagi disuruh menjauhkan daripada pekerjaan yang bercampur bagi pekerjaan syirik dan pintak tolong pada menyampaikan hajat dan menolakkun segala penyakit dengan berhala dan hantu....

3. "Ketahui olehmu hai silih bermula orang yang berakal itu tiada membimbang ia akan keinginan nafsu kerana ia mempusakakan lupa dan menghilangkan akal dan tiada bimbang ia dengan mempusakakan haram dan bertambah-tambah siksa dan tiada bimbang dengan perkataan dunia itu mempusakakan dosa dan menambah keras hati..."

Dengan itu dapat dikatakan bahawa para ulama di Kedah telah memberikan sumbangan besar dalam mempertingkat dan meluaskan penggunaan Bahasa Melayu. Jasa mereka menggunakan Bahasa Melayu sebagai pelafaz perkara-perkara yang berkaitan dengan pengajaran Islam sama ada yang berkaitan dengan Aqidah, Syariah, Tasawwuf dan Tariqat sebenarnya adalah jasa yang amat besar.

Dengan penggunaan tersebut mereka telah membuktikan kemampuan Bahasa Melayu menghuraikan masalah-masalah yang berat dan ditinjau dari aspek kebudayaan. Bahasa Melayu adalah merupakan bahasa yang sudah diislamkan, bahasa yang digunakan sejayanya bagi membincangkan perkara-perkara yang berkaitan dengan aqliyah, rohaniyah serta kebudayaan Islam.

## **BAHASA MELAYU DALAM BIDANG PENTADBIRAN**

Zaman pembangunan dan pemodenan di Negeri Kedah bermula sejak zaman Almarhum Sultan Ahmad Tajuddin Mukarram Shah (1853-1879) yang kemudiannya diteruskan oleh Almarhum Sultan Abdul Hamid Halim Shah (1882-1943). Penggunaan Bahasa Melayu dan tulisan Jawi sebagai bahasa dan tulisan rasmi telah diamalkan termasuk hubungan kerajaan negeri ini dengan negara jiran dan dunia luar.

Zaman pemerintahan Sultan Abdul Hamid, sejak awal abad kedua puluh lagi baginda telah mengasaskan beberapa daerah dan melantik Pegawai-pegawai Daerah untuk mentadbirkannya menurut sistem pentadbiran moden. Baginda mengekalkan Bahasa Melayu dan tulisan Jawi sebagai bahasa dan tulisan rasmi dalam segala bidang sehingga galah Kedah bertukar naungan dari Kerajaan Siam kepada Inggeris dalam tahun 1909.

Pada 21 Rabiulawal 1342 bersamaan 1 November 1923 satu perjanjian rasmi telah ditandatangani di antara Kedah yang diwakili oleh Almarhum Tunku Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Abdul Hamid Halim Shah dan Kerajaan Inggeris yang diwakili oleh Sir Lawrence Guillimard, Pesuruhjaya Tinggi Inggeris di Negeri-negeri Melayu. Salah satu fasil terpenting dalam perjanjian yang dimeteraikan itu sebagaimana yang dikehendaki oleh Sultan Abdul Hamid terkandung dalam perkara ketujuh yang berbunyi

*"maka dalam tiap-tiap pekerjaan Kerajaan Kedah mungkin dipakai Bahasa Melayu iaitu tulisan jawi, itulah bahasa Kerajaan, incilmkan mama-mamu yang diluluskan oleh Undang-Undang Negeri Kedah menggunakan bahasa lain, demikianlah halnya".*

Penggunaan Bahasa Melayu dan tulisan Jawi terus dilaksanakan sehingga menjelangnya Perang Dunia Kedua. Hal ini dapat dilihat dalam bentuk "Surat Menyurat" mengenai urusan pentadbiran, koleksi Arkib Negara Malaysia Cawangan Kedah dan Perlis. Antaranya termasuklah surat pajak-memajak hasil negeri, surat-surat perjanjian, surat pemilikan tanah, surat pekelitingan dan pemberitahuan dan sebagainya.

Seperkara yang menarik berkaitan dengan aspek bahasa yang digunakan dalam surat-menyurat jenis ini sebagaimana yang telah dikemukakan beberapa contoh sebelum ini ialah ciri-ciri khusus pada kata-kata atau ungkapan yang digunakan dan kini sudah tidak dipakai lagi. Antaranya termasuklah kata-kata "beri mari, ia apa, hantar mari, suruh sila mari, terima ambil, pintak lihat, ada kebetulan". Sementara dalam geran atau surat pemilikan tanah abad kesembilan belas sering kita temui ungkapan-ungkapan seperti "melintang matahari, rusuk matahari naik, lengkung kaki sebelah utara, lanjutnya tujuh puluh delapan jemba, tengah lima relung".

## **PERANAN SEKOLAH-SEKOLAH MELAYU**

Pembukaan sekolah-sekolah Melayu di setiap daerah juga merupakan saluran kepada berkembangannya Bahasa Melayu. Sejauh yang dapat dikesan terdapat empat buah sekolah Melayu yang paling awal di Kedah iaitu Sekolah Melayu Padang Lepai yang dibuka pada 12 Mei 1861 di Padang Lepai, Daerah Kota Setar, diikuti Sekolah Changlon, Daerah Kubang Pasu (1892), Sekolah Melayu Kulim (1896) dan Sekolah Melayu Jalan baru, Alor Setar (1897).

Perkembangan pesat sekolah-sekolah Melayu di Kedah sejak awal abad kedua puluh adalah kerana dorongan yang diberikan oleh Almarhum Tunku Abdul Aziz, Raja Muda Kedah (1898-1907). Dalam masa inilah terdirinya beberapa buah sekolah lagi di merata daerah. Beliau yang juga selaku Yang Dipertua Majlis Mesyuarat Negeri yang pertama dalam tahun 1905, telah meletakkan kewajipan mendirikan sekolah-sekolah kepada Pegawai-pegawai Daerah dan para Pembesar. Tunku Yahya bin Tunku Zainal Abidin telah dilantik menjadi Penguasa Pelajaran Negeri Kedah yang pertama pada tahun 1907. Tujuannya untuk mengatur pembukaan sekolah-sekolah di mana perlu di negeri ini.

Sehingga pertengahan tahun 1950an, darjah yang paling tinggi

di semua sekolah ialah darjah lima. Cuma beberapa sekolah tertentu sahaja diadakan pelajaran sehingga ke darjah enam. Peperiksaan akhir darjah lima dan enam adalah dikelolakan oleh Pejabat Pelajaran Negeri. Matapelajaran-matapelajaran yang diperiksa ialah Rencana, Bahasa, Congak, Ilmu Alam, Ilmu Tawarikh, Ilmu kesihatan, Ilmu Tanam-tanam dan lukisan. Kebanyakkan murid-murid yang lulus dari sekolah Melayu sehingga tahun 1950an mempunyai peluang bekerja sebagai guru dan pegawai-pegawai rendah. Ini membuktikan bahawa Bahasa Melayu pada waktu itu sudah mampu menjadi bahasa pengantar di sekolah-sekolah di samping menjamin pekerjaan atau jawatan yang penting kepada para pelajar yang lulus cuma darjah lima atau enam sahaja.

## PERKEMBANGAN PERSURATKHABARAN

Sebagai pusat perkembangan Bahasa Melayu di Kedah, Alor Setar juga menerbitkan akhbar-akhbar dan majalah di samping buku-buku yang bercorak sastera dan sejarah. Akhbar pertama bertulisan Jawi yang diterbitkan di Kedah sejak sebelum Perang Dunia Kedua ialah Nun. Setahun kemudian iaitu dalam tahun 1927 terdapat sebuah akhbar lagi berjudul Cahaya Malaya. Jika dibandingkan dengan akhbar pertama tadi, akhbar kedua ini sudah bebas dari unsur-unsur tradisional terutama dari sudut bahasa dan persoalan-persoalan semasa digarapkan. Bahasanya agak kemas dan sudah memperlihatkan gaya bahasa moden seperti contoh yang diperturunkan di sini:

*"Kita bersyukur ke hadrat Tuhan yang maha suci kerana adalah lagi Kerajaan-kerajaan Melayu yang mengukuhkan bahasa mereka itu dan mempergunakan bahasa ini di dalam tempat-tempat perkerjaan sebagai di Kedah, Johor, Kelantan dan Terengganu..Maka penulis berkchedendakkan di dalam rencana ini iaitu sebelum diserahkan anak-anak itu ke sekolah bahasa asing maka wajiblah dilatih dan diajar akan mereka itu Bahsa Melayu ini lebih dahulu kerana apabila seseorang anak itu tahu dan mengerti ia akan lazat nikmat bahasanya sendiri..."*

Pada zaman pendudukan Jepun di Tanah Melayu, sebuah akhbar bertulisan Jawi telah diterbitkan di Alor Setar (1941-1945) berjudul Matserohi (Mahsuri). Walaupun isinya banyak melaporkan berita kejayaan tentera Jepun di medan perang menentang Tentera Berikut namun disediakan juga halaman khusus untuk penulisan rencana yang mengenai bahasa, pendidikan dan sebagainya. Penulis yang banyak menulis waktu ini ialah Allahyarham Othman Khamis yang terus aktif sehingga selepas tamatnya perang terutama di bidang cerpen dengan

memakai nama penannya "Nilawati Kedah" yang kebanyakannya tersiar dalam majalah Mastika.

Selepas tamatnya perang dan berikutan dengan pergolakan rakyat menentang Malayan Union, beberapa akhbar bertulisan Jawi telah diterbitkan di Alor Setar sekitar 1946 yang kandungannya banyak ditumpukan kepada persoalan politik semasa. Akhbar-akhbar tersebut berjudul Suara Saberkas diterajui dan diterbitkan oleh Azahari Taib, Wathan dipimpin oleh TAR (Tunku Abdul Rahman Putera) dan sebuah akhbar lagi yang terbit kemudian berjudul Waktu diusahakan oleh Syed Ahmad Shahabuddin (1956-1957).

Sebuah majalah terawal berjudul Chitra telah diterbitkan di Alor Setar yang banyak memuatkan rencana bahasa dan sastra. Walaupun tidak sebesar dan sehebat kota-kota lain di Nusantara seperti Pulau Pinang, Kuala Lumpur, Kota Bharu dan Singapura yang merupakan pusat kegiatan media cetak dan penerbitan, namun Alor Setar tidak ketinggalan turut memainkan peranan di bidang tersebut. Secara tidak langsung ianya menolong memperkembangkan lagi Bahasa Melayu sejak sebelum perang hingga selepasnya.

## PERKEMBANGAN BADAN-BADAN BAHASA DAN PENULIS

Pada 28 Ogos 1951, Lembaga Persuratan Bahasa Melayu Sahabat Pena Kedah atau LPBMSPK telah ditubuhkan di Kedah. Selain daripada Afrini Adham menjadi Ketua Satu yang pertama, tokoh-tokoh utama lain yang turut terlibat dengan perjuangan LPBMSPK ini termasuklah Abu Zaki Fazil, Azahari Taib, Muhammad Ismail Darus, Abdullah Ismail, Masudi Yusof, Abdul Rahman Mahadi, Ibrahim Ismail dan Raden Asmah Raden Budin.

Tujuan utama penubuhan LPBMSPK adalah berkisar kepada memperjuangkan dan mendaulatkan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan di Tanah Melayu. LPBMSPK pernah memprotes pembubuhan Universiti Cina yang sedang diuruskan pada waktu itu yang menyebabkan pemimpinnya diperintah menemui Pengusaha Pelajaran Kedah dan Pegawai Polis Cawangan Khas untuk disoal siasat. Menerusi pihak Konsul Indonesia di Pulau Pinang, LPBMSPK cuba memohon agar kalimat atau perkataan dalam bahasa Indonesia iaitu "butuh" tidak dipergunakan sewenang-wenangnya kerana ia mempunyai makna yang kesat atau tidak murni dalam Bahasa Melayu di Tanah Melayu.

Sesudah LPBMSPK terkubur pada tahun 1954, muncul beberapa pertubuhan lagi yang memperjuangkan bahasa dan kesusastraan seperti Persatuan Penulis-Penulis Melayu Muda Kedah atau PPMMK (1958)

oleh Afrini Adham dan rakan-rakannya. Selepas itu tertubuh pula Persatuan Penulis dan pemamat Sastera Kedah atau "3PSK" (1964) yang diusahakan oleh Z.Rosli, Nazril Mohd. Zain dan rakan-rakannya. Pada penghujung tahun 1966 muncul pula Gabungan Sasterawan Sedar atau GATRA yang dipelopori oleh Shahnon Ahmad, Jihaty Abadi dan rakan-rakan mereka.

Pada 23 November 1973 merupakan detik terpenting dalam pergerakan organisasi-organisasi penulis di Kedah apabila GATRA dan 3PSK telah bercantum melahirkan PENULIS yang kemudiannya bertukar nama menjadi ASASI atau Angkatan Sasterawan Nasional Kedah (1978). Percantuman ini membolehkan penulis-penulis bersatu dalam menjalankan aktiviti kesusasteraan di bawah satu perlembagaan untuk mencapai satu tujuan yang sama bagi penulis-penulis di Kedah dan sekaligus mencerminkan kematangan hidup berpersatuan di kalangan mereka.

Dalam bidang penulisan kreatif, Kedah tidak ketinggalan melahirkan ramai penulis yang terkenal dalam bidang masing-masing iaitu cerpen, novel, puisi dan drama. Tokoh-tokoh terawal yang dapat dirakamkan di sini di samping Abdullah Hussain termasuklah Senu Abdul Rahman (Marsini Kedah) yang menghasilkan dua buah novel dalam tahun 1941 masing-masing berjudul Pembela Dari Kampung dan Lanun Panglima Merah. Selepas perang muncul penulis-penulis seperti Afrini Adham, Shafie Abdullah, Awang Ahmad Saad (Halim Anuar/Malihan) dan Rumaja Malaya (Abdul Hamid Hashim). Kemudian lahir tokoh-tokoh seperti Shahnon Ahmad, Azizi Haji Abdullah, Jihaty Abadi, Awang Had Salleh, Hashim Yasin, Norjaya dan ramai lagi.

Satu aspek menarik yang sering dibincangkan terhadap novel-novel Shahnon Ahmad pada peringkat awal seperti Rentung dan Rantau Sepanjang Jalan ialah mengenai penampilan ungkapan dan kata-kata daerah yang diselitkan oleh Shahnon. Hal ini dapat mengketengahkan dan memperkembangkan lagi kata-kata dan ungkapan daerah dari Kedah ini kepada masyarakat umum. Trend ini diikuti pula oleh Azizi Haji Abdullah dan beberapa penulis lain.

# **SELAYANG PANDANG SEJARAH KERAJAAN MELAYU SETUL “MAMBANG SEGARA”**

## **MUKADDIMAH**

Keinginan untuk berkunjung ke Wilayah Setul, yang dahulunya merupakan sebahagian daripada Wilayah Negeri Kedah, telah lama dicita-citakan. Akhirnya pada 25hb. Disember 1984 keinginan tersebut telah berhasil, apabila buat pertama kalinya saya menjejak kaki di bumi yang bersejarah itu bersama seorang teman yang juga ahli Persatuan Sejarah Kedah iaitu Tuan Haji Ibrahim bin Mohd. Yusof.

Walaupun lawatan tersebut agak singkat, tetapi sempat juga saya mengunjungi beberapa tempat di sekitar bandar Setul. Kesan-kesan runtuhannya kota lama, bangunan bersejarah dan Makam Diraja di Langgar Mambang Segara masih tinggal dalam kenangan. Hasil dari lawatan singkat inilah mengilhamkan saya untuk merakamkan di sini selayang pandang Sejarah Kerajaan Melayu Setul sekitar tahun-tahun 1808-1909. Sejarah Setul selengkapnya agak jarang diperkatakan orang, yang kemungkinan disebabkan kurangnya bahan penulisan mengenai sejarahnya di zaman silam. Semoga tulisan yang pendek ini akan cuba dikajiselidik dan diusahalanjutkan lagi oleh para pecinta sejarah tanahair.

Saya tidak lupa mengucapkan terima kasih kepada semua pihak, khususnya kepada Yang Berhormat Encik Ku Jiwa bin Ku Othman, Ahli Majlis Perbandaran Setul yang merupakan warisan dari keluarga Encik Ku Baharuddin bin Ku Meh, pemerintah terakhir Kerajaan Melayu Setul, yang banyak membantu saya dalam hal ini. Sesungguhnya dari sejak tahun 1840an lagi, Kerajaan Setul Mambang Segara merupakan kerajaan Melayu terkenal, setanding dan seganding dengan Kerajaan Perlis Indera Kayangan dan Kubang Pasu Darulqiyam. Walaupun dari segi politik Setul kini sudah berpisah dengan Kedah namun dari segi sejarahnya tetap tidak akan terpisah.

## I. SEJARAH SETUL SEBELUM TAHUN 1821

SEJAK sebelum wujudnya Kesultanan Kedah dalam tahun 1136 masih, Setul sudahpun menjadi sebahagian daripada tanah jajahan takluk Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman yang terletak paling jauh di utara pantai barat Semenanjung Tanah Melayu. Untuk menunjukkan betapa luasnya negeri Kedah waktu itu, dalam catatan sejarah Kedah di zaman silam pernah dikenakan beberapa buah lembahan sungai seperti yang disenaraikan oleh penulisnya begini :

*"Hatta dalam hal yang demikian disebut oranglah negeri Qulha (Kedah) yang terdiri dari Kuala Qilah (Kuala Merbuk), Kuala bahang (Kuala Kedah), Kuala Merpah dan Kuala Bara....."*

Kuala Merpah adalah terletak di dalam Pulau Panjang yang berhampiran dengan pantai Setul, sementara Kuala Bara pula terletak kira-kira 60 kilometer dari bandar Setul dan nama itu masih kekal disebut hingga sekarang. Dari catatan tersebut membuktikan wilayah Setul itu telah lama wujud.

Sebelum seorang pemerintah rasmi dilantik untuk mentadbir wilayah Setul, beberapa pembesar yang bergelar Datuk telah pun dilantik di beberapa daerah penting di Setul. Mereka semua tetap menjunjung taat setia kepada kerajaan pusat di Kedah dan bersedia mengirimkan bantuan sekiranya Kedah diancam atau diserang oleh musuh. Misalnya sewaktu Kedah mendapat berita angkatan dari Aceh akan menyerang Kedah, pemerintah Kedah waktu itu, Sultan Sulaiman Syah II (1602-25) telah memerintahkan Datuk' Paduka Seri Laksamana segera memberitahu semua pembesar di seluruh Kedah supaya bersiap sedia. Pembesar-pembesar di daerah Setul juga menerima arahan tersebut iaitu Datuk di Temelang, Datuk di Kuala Bara dan Datuk Pahlawan Berma Raja di Kuala Merpah.

Dalam tahun 1740 (1153 hijrah), Sultan Muhammad Jiwa Zainul Adilin Syah, Sultan Kedah yang ke-19 (1710-78) telah melantik puteranya yang kedua iaitu Tunku Dhiauddin menjadi Raja Muda dan juga ditugaskan mentadbir Kayang (Perlis) dan Setul.

Ada pendapat yang menyatakan kerajaan Setul mula diasaskan oleh Ungku Dewa, dan beliau tidaklah mempunyai hubungan kekeluargaan dengan kerabat Diraja Kedah, kemudian barulah beliau digantikan oleh Tunku Bisnu. Bagaimanapun tidak terdapat penjelasan lanjut

mengenai tokoh Ungku Dewa itu. Kebanyakan pendapat lebih menonjolkan kepada Tokoh Tunku Bisnu yang dianggap peneroka sebenar Kerajaan Melayu Selut pada awal tahun 1808.

Dalam titisan kerabat Diraja Kedah, Tunku Bisnu merupakan seorang daripada putera-putera Sultan Abdullah Mukarram Syah Sultan Kedah yang ke-20 (1778-97). Pada zaman itulah Pulau Pinang dipajakkkan kepada Inggeris. Baginda mempunyai 2 orang permaisuri di samping 4 orang isteri lagi. Kecuali Wan Meh, dengan lima orang isterinya yang lain itu baginda mempunyai 9 orang putera dan 11 orang puteri seperti yang dapat dilihat dalam susunan senarai berikut :

(i) Wan Meh :

Tidak mendapat sebarang putera

(ii) Wan Mas :

Tunku Pangeran

Tunku Bisnu

Tunku Putera

dan 6 orang puteri

(iii) Che'Benda :

Tunku Ibrahim

Tunku Sulaiman

Tunku Kusoo (Jusuh)

dan seorang puteri

(iv) Cik Mas :

Tunku Daud

(v) Cendera Sari :

Tunku Embon (Yaakub)

Tunku Muhammad

dan 2 orang puteri.

(vi) Bida Sari :

2 orang puteri

Disebabkan putera-putera Al-Marhum Sultan Abdullah masih terlalu muda, maka adindanya iaitu Tunku Dhiawdin yang berpangkat Raja Muda pada waktu itu mengantikannya (1798-1802). Salah seorang daripada putera-putera saudaranya yang paling kanan iaitu Tunku Pangeran akhirnya terpilih menaiki takhta dengan gelaran Sultan Ahmad Tajuddin Halim Syah. Baginda mendapat sokongan dan pengiktirafan dari Raja Siam (Rama I). Saudara baginda Tunku Ibrahim dilantik sebagai Raja Muda.

Tidak lama setelah baginda berjaya menaiki takhta, suasana politik di dalam negeri tidak begitu stabil. Sengkita politik mula bergolak di antara baginda dengan saudara-saudaranya yang berpunca dari pemberian

wang subsidi pajakan Pulau Pinang dan Seberang Perai dari Syarikat Hindia Timur sejumlah \$ 10,000.00 itu. Saudara-saudara baginda terutamanya Tunku Bisnu dan Tunku Ibrahim adalah di antara pencabar utama yang menggugat kewibawaan baginda waktu itu.

Pada mulanya kedua pihak yang bersengkita itu cuba mendapatkan pertolongan dari Gabenor Inggeris di Pulau Pinang tetapi gagal disebabkan Inggeris enggan campurtangan. Sultan Ahmad Tajuddin pula berangkat sendiri ke negeri Siam untuk memohon sokongan. Baginda kemudiannya pulang ke Kedah dengan diiringi oleh sepasukan tentera Siam.

Sementara itu Tunku Bisnu dan Tunku Ibrahim juga berbuat demikian dan kali ini mereka meminta sokongan dari Gabenor Wilayah Singgora. Dengan itu bermakna kedua pihak cuba menjerumuskan lagi negeri Kedah ke dalam kancan pengaruh Siam yang sememangnya telah menjadi satu dakwaan tradisi Siam bahawa Kedah adalah terletak di Bawah pertuanan dan perlindungannya.

Dalam tahun 1808, Gabenor Singgora itu telah tiba di Kedah bersama sepasukan tentera pengiringnya. Hasil dari tekanan dan pengaruh yang dilakukan olehnya terhadap Sultan Ahmad Tajuddin, maka satu penyelesaian politik akhirnya telah tercapai dan baginda bersetuju dengan pembahagian kuasa yang dirancangkan. Dengan itu Sultan Ahmad Tajuddin tetap diiktiraf oleh semua pihak yang terlibat sebagai Sultan. Tunku Ibrahim kekal sebagai Raja Muda dan kawasan lembah Sungai Muda diserahkan kepadanya. Wilayah Setul diserahkan kepada Tunku Bisnu. Sementara itu Tunku Sulaiman yang di saat akhirnya menarik diri dari pertikaian kuasa itu kerana menentang campurtangan Siam telah menyisihkan dirinya keluar dari Kedah. Beliau kemudiannya memilih kawasan 'Kota' di lembah Sungai Perai (bersempadan dengan daerah Seberang Perai) untuk ditadbir dan dijadikan tempat kediamannya yang kekal di sana.

Bagaimanapun Tunku Bisnu dikatakan masih mendapat sokongan kuat dari Gabenor Singgora untuk menentang saudaranya, Sultan Ahmad Tajuddin. Sebenarnya Gabenor itu juga telah lama berhasrat untuk meluaskan kuasanya dengan cara memasukkan wilayah Setul dan Langu (Lungu) itu ke dalam wilayah Singgora.

Sejarah Setul pada zaman permulaan pentadbiran Tunku Bisnu tidak banyak diperkatakan. Penulis-penulis sejarah dari Barat kebanyakannya menyebut wilayah Setul dan Langu yang kaya dengan hasil perkayuannya itu adalah merupakan pusat terpenting bagi

pembinaan perahu dan kapal.

Kenyataan ini dapat diperkuatkan lagi dengan merujuk kepada coretan sejarah yang terkandung dalam sebuah puisi tradisional bercorak historografi berjodol ‘Syair Sultan Maulana’. Syair ini melukiskan bagaimana tekanan dan pengaruh pihak berkuasa Siam ke atas Kedah yang mengakibatkan Kedah turut terseret dalam beberapa siri peperangan untuk menamatkan pemberontakan yang menentang Siam. Antaranya seperti Pemberontakan Petani (1809) dan serangan Burma ke kawasan selatan Siam di sekitar Segenting Kra termasuklah Salang.

Di samping angkatan Melayu dari Telibung (sebuah pulau berhampiran Setul), wilayah Setul juga pada waktu itu turut serta mengirimkan askar dan kapal-kapal perangnya. Nama Tunku Bisnu juga tidak ketinggalan disebut oleh penyair yang menunjukkan betapa rakyat amat memuja dan mematuhi pentadbiran beliau di wilayah Setul, diperturunkan kembali di sini :

“ Dari Setul pun datang angkatan,  
Tujuh haluan yang kelihatan,  
Perahunya kumbar berikat rotan,  
Senjatanya rentaka besi karatan,

Tunku Bisnu raja bistari,  
Sepucuk surat pula diberi,  
Akan angkatan yang tujuh seperti,  
Kepada wazir diserahnya beri.

Tunku Bisnu raja yang mulia,  
Bangatnya itu kurang percaya,  
Pada pekerjaan dimanakah jaya  
Diberikan senjata jadi sia-sia.”

## **II. SEJARAH SETUL, 1821 - 1897**

Pada hari Ahad, 12hb.November, 1821 Kedah mengalami peristiwa paling pahit dalam sejarahnya, dengan ketibaan armada Siam dari Ligor (Nakorn Si'thammarat), menyerang dan kemudiannya berjaya menawan Kedah. Motif serangan itu, seperti yang diketahui, ialah untuk memenuhi keinginan lama Siam untuk menapakkan semula kekuasaannya di negeri-negeri Melayu di utara Semenanjung. Tetapi faktor yang mempercepatkan lagi serangan tersebut adalah berpunca dari dalam negeri sendiri. Setelah mangkatnya Tunku Dhiauddin (Al-Marhum Kayang), salah seorang putera Sultan Abdullah Mukarram Syah, iaitu Tunku Embun (Tunku Yaakub) memohon agar ia dilantik sebagai Raja Kayang (Perlis) dan Setul. Kerana hasratnya ditolak oleh saudaranya Sultan Ahmad Tajuddin, beliau lalu meminta bantuan dari pihak Ligor.

Sultan Ahmad Tajuddin yang gagal mendapatkan pertolongan Inggeris dan akibat dari Persetiaan Burney 1826 yang tempang itu, baginda terpaksa tinggal dalam pembuangannya di sebuah daerah di Melaka. Siam yang juga mengamalkan dasar ‘pecah dan perintah’ telah membahagikan negeri Kedah kepada beberapa daerah kecil seperti Kubang Pasu, Kayang (Perlis), Setul dan selebihnya Kedah yang disebut sebagai ‘Saiburi’.

Dalam tahun 1839, Tunku Anum yang merupakan salah seorang wira Kedah waktu itu telah berangkat ke Ligor bersama Tunku Bisnu, saudara sepupunya (yang waktu ini dikenali sebagai Tunku Seraja Wang) dan juga Syed Hussain, cucunda kepada Tunku Dhiauddin (Al-Marhum Kayang). Dengan kepintaran politiknya yang penuh muslihat itu, beliau berjaya mendapatkan kembali kekuasaan negeri Kedah dari pihak Siam.

Sebagai mengenang jasa dan dengan persetujuan pihak Siam, Sultan Ahmad Tajuddin yang kembali semula ke takhta dalam tahun 1841 telah bersetuju menyerahkan 3 buah jajahan yang diasingkan dalam zaman pendudukan Siam sebelum itu kepada wira bertiga ini, iaitu :

- i. Tunku Anum, memerintah Kubang Pasu, bersemayam di kota Pulau Pisang, Tunjang.
- ii. Tuan Syed Hussin, memerintah Perlis, bersemayam di Arau.
- iii. Tunku Bisnu, memerintah Setul.

Dj sini memperlihatkan pada zaman-zaman terakhir pentadbiran Sultan Ahmad Tajuddin, hubungan baginda dengan saudaranya adalah terjalin mesra. Baginda tetap mengekalkan wilayah Setul di bawah pentadbiran Tunku Bisnu yang dipegangnya sejak 1808-1821. Bagaimanapun tidak juga terdapat kisah lanjut mengenai pentadbiran Tunku Bisnu di Setul dalam period yang kedua ini (1841-43). Pada masa yang terakhir ini, Tunku Bisnu membina pusat pentadbirannya di Kota Mambang Segera, dan sejak itu kerajaannya terkenal sebagai 'Setul Mambang Segara' (Dewa lautan)

Dalam masa yang sama juga, dua wilayah lagi masing-masing terkenal dengan gelaran 'Kubang Pasu Darulqiyam (Negeri Yang Teguh Berdiri) dan 'Perlis Indera Kayangan' (Dewa Angkasa). Ketiga-tiganya dikehendaki menghantar bunga emas ke Siam secara berasingan, menerusi Kedah Darul Aman. Walaupun ketiga-tiga daerah yang berasingan ini terus mengakui pertuanan Siam, tetapi mereka dapat menikmati kebebasan menguruskan hal-ehwal mereka sendiri.

Sultan Ahmad Tajuddin dan Tunku Bisnu mangkat dalam tahun yang sama. Kemangkatan Sultan Ahmad Tajuddin dalam tahun 1845 (1259 hijrah) digantikan oleh puteranya Sultan Zainal Rashid Al-Muazam Syah (1845-54). Baginda pernah berangkat ke Setul kerana menziarahi Tunku Bisnu yang sedang gering dan juga turut menghadiri upacara pengkebumian jenazah Tunku Bisnu yang mangkat pada 10hb. Jumadil-akhir, 1259 hijrah (1845 masih). Tetapi pusaranya hingga kini belum dapat dikenalpasti di Langgar Mambang Segara, Setul kerana ada pendapat yang menyatakan Tunku Bisnu dalam masa akhir-akhir sebelum mangkatnya jarang tinggal di Setul. Beliau sentiasa berulang alik di antara Kedah dengan Setul dan kemungkinan beliau mangkat di Kedah.

Tunku Bisnu telah digantikan oleh puteranya iaitu Tunku Muhammad Arkib. Pemerintah Setul yang kedua ini pernah mengambil bahagian aktif dalam pemberontakan tahun 1838, kerana menentang pencerobohan dan pendudukan tentera Ligor di Kedah. Beliau juga menjadi sahabat karib kepada Sultan Zainal Rashid dan kerana itulah perlantikan Tunku Muhammad Akib sebagai pemerintah Setul yang kedua adalah dengan kehendak dan persetujuan dari baginda sendiri.

Dalam tahun 1843, Sultan Zainal Rashid berangkat melawat negeri Siam. Turut serta dalam rombongan baginda ialah Tunku Anum (Kubang Pasu), Raja Syed Hussin (Perlis) dan Tunku Muhammad Arkib (Setul).

Raja Siam waktu itu (Rama III) membenarkan ketiga-tiga negeri kecil itu menghantar bunga emas berasingan daripada negeri Kedah setiap tiga tahun sekali. Sebelum rombongan ini berangkat pulang, mereka bertiga (termasuk Tunku Muhammad Akib) masing-masing telah dikurniai sebilah pedang tembaga oleh Rama III. Mereka juga diberi gelaran 'Phya' (Raja).

Perhubungan Setul dengan Kedah bertambah erat melalui hubungan perkahwinan dan perniagaan. Sebelum Tunku Anum, Raja Kubang Pasu itu mangkat pada 31hb. Mei 1853, ia telah mengahwinkan cucundanya Tunku Jahara dengan Tunku Ahmad, putera Tunku Muhammad Akib. Dalam tahun 1904, salah seorang puteri Sultan Abdul Hamid Syah iaitu Tunku Jura telah dikahwinkan dengan Tunku Syed Zahir iaitu cucunda Tunku Ismail, Raja Setul.

Tunku Muhammad Arkib merupakan pemerintah yang paling lama mentadbir kerajaan Setul iaitu hampir 34 tahun (1843-76). Pemerintah-pemerintah Setul berikutnya ialah Tunku Ismail (1876-1888) dan Tunku Abdul Rahman (1888-1897).

### **III. SEJARAH SETUL, 1897-1909**

Pada 23hb. Mac, 1892 Sultan Abdul Hamid Hafim Shah menaiki takhta. Paling penting dalam sejarah pemerintahan baginda yang berkaitan dengan negeri Setul ialah Menteri Dalam Negeri Thai, Putera Damrong telah mengishtiharkan penyatuan tiga buah negeri di bawah satu pengawasan. Sultan Abdul Hamid, di samping mentadbir Kedah, baginda juga dilantik sebagai ‘Khalung thesaphiban’ atau Penguasa Pesuruhjaya dan diberi kuasa penuh untuk mentadbir Perlis dan Setul yang ketiga-tiganya tergolong sebagai ‘Monthon Saiburi’ atau ‘Wilayah Kedah’.

Upacara rasmi penyerahan kuasa yang bersejarah itu telah berlangsung pada 17hb. Mei 1897. Adinda baginda iaitu Tunku Abdul Aziz selaku Raja Muda telah hadir mewakili baginda dalam upacara tersebut.

Dalam surat yang dihantar oleh Tunku Abdul Azizi bertarikh 27hb. Jun 1897 (26hb. Muharrom, 1315 hijrah) kepada Putera Damrong, beliau melaporkan yang beliau telahpun menempatkan sepasukan askar di Setul bagi menggantikan sepasukan askar Siam yang telah dipindahkan ke Phuket. Luang Yosraksa yang bertindak sebagai Pesuruhjaya Thai di Setul juga telah digantikan dengan dua orang pegawai Melayu dari Kedah untuk membantu Raja Setul (Tunku Abdul Rahman) melaksanakan pentadbiran baru berdasarkan peraturan dan undang-undang yang dilaksanakan di Kedah.

Dalam tahun itu juga, Tunku Abdul Rahman telah mangkat. Sultan Abdul Hamid telah bertindak menghantar Ku Din bin Ku Meh menjadi Pesuruhjaya atau Gabenor Kerajaan Kedah di Setul. Sewaktu Ku Din mula tiba di Setul, satu pemberontakan kecil menentangnya hampir meletus. Tunku Muhammad yang pernah menjadi Raja Muda Setul sebelum itu ingin menjadikan dirinya raja, tetapi ia tidak disukai oleh kebanyakan rakyat. Ia dibantu oleh bapa saudaranya Tunku Bin, dan oleh kerana kurang mendapat sokongan, maka tindakan mereka tidak berhasil.

Pada peringkat awalnya iaitu dalam jangka masa 4 tahun, Ku Din telah melaksanakan tugasnya dengan baik. Beliau dapat dianggap sebagai pengusas kerajaan Melayu Setul moden. Sistem pentadbiran yang diperkenalkan olehnya banyak mencontohi apa yang terdapat di Kedah pada waktu itu. Beliau dan lain-lain pegawai tinggi di dalam kerajaannya memakai pakaian seragam khas dalam waktu menjalankan tugas harian.

Di antara jawatan-jawatan penting yang diperkenalkan oleh Ku Din dalam kerajaan Setul waktu itu ialah : Pegawai Hal Ehwal Tempatan, Ketua Pegawai Pelajaran, Pengetua Sekolah Melayu, Ketua Masyarakat Kaum Cina, Pegawai Pemberian dan Persembahan Diraja, Ketua Mahkamah dan Hakim, Pegawai Tanah, Ketua Pegawai Polis, Juru Odit, Jurubahasa Mahkamah, dan Jurubahasa Siam.

William Walter Skeat yang pernah melawat Kerajaan Melayu Setul selama 3 hari dari 31hb. Disember, 1899 hingga 2hb. januari, 1900 banyak mencatatkan keadaan pembangunan dan ekonomi negeri itu pada zaman pentadbiran Ku Din. Skeat menceritakan rombongannya yang tiba di Setul pada 31hb. Disember, 1899 dengan jalan laut dari Kuala Kedah, telah disambut oleh Ku Din (Skeat menyebutnya sebagai Tuan Kudin) di sebuah rumah rehat yang dibina oleh Ku Din sendiri dengan belanja \$ 3,000.00. Di dalamnya terdapat perabot serba moden. Terdapat juga dua keping gambar dipamerkan di situ iaitu gambar Sultan Turki dan ratu Inggeris (Queen Victoria). Menurut Skeat, Ku Din adalah pentadbir yang pintar, beliau dapat bertutur dan menulis dalam dua bahasa iaitu Melayu dan Thai.

Bandar Setul menurut Skeat terletak di antara dua batang sungai iaitu Sungai Setul dan Sungai Air Tawar. Terdapat sebatang jalanraya yang baik dan sejumlah 60 buah bangunan beratap genting termasuk beberapa buah kedai Cina.

Kebanyakan bangunan diperbuat daripada batu bata dan yang terpenting termasuklah sebuah masjid seluas 50 kaki persegi yang dibina sejak zaman pentadbiran Tunku Muhammad Akib lagi. Terdapat juga sebuah kuil atau Wat Siam dengan beberapa orang sami, dan sebuah sekolah yang dikendalikan oleh guru-guru terlatih dari Pulau Pinang sejak tahun 1889, tetapi bangunannya tidaklah begitu sempurna. Bangunan mahkamah dibina sejak zaman pentadbiran Tunku Abdul Rahman. Di hadapannya dihiasi dengan beberapa laras meriam buatan Belanda dan meriam-meriam lama lainnya. Hakim berkuasa menjatuhkan hukuman penjara selama 2 tahun dan denda tidak lebih daripada \$ 500.00.

Bangunan penjara telah dibina sejak zaman Tunku Ismail (1876-84). Tidak terdapat bilik-bilik yang memisahkan antara lelaki dan wanita, begitu juga bilik menunggu bagi mereka yang akan menghadapi perbicaraan. Segala undang-undang mahkamah dan hukuman yang dikenakan adalah berdasarkan undang-undang yang dipakai di negeri Kedah. Pada zaman Tunku Abdul Rahman (sebelum 1897), segala banduan dikurung mengikut tempoh sesuka hati tanpa mengadakan

sebarang pengadilan terhadap kesalahan mereka. Ketika Ku Din mula mentadbir negeri itu semua banduan tersebut dibebaskan. Keadaan penjara dibaiki, dan undang-undang pengadilan dilaksanakan.

Jumlah penduduk Setul menurut buncian paling terakhir ialah seramai 25,000 orang. Sumber pendapatan negeri diperolehi dari dua jenis cukai yang disebut sebagai 'Pajak Besar' dan 'Pajak Cukai'. Dalam tahun 1900, Pajak Besar telah besar telah bertambah \$ 26,000.00, berbanding dengan dua tahun sebelumnya cuma \$ 10,000.00 sahaja. Pajak cukai pula meningkat sebanyak \$ 3,180.00, dan dua tahun sebelumnya cuma diperolehi antara \$ 900.00 hingga \$ 1,000.00 sahaja.

Pajak Cukai termasuklah cukai barang keluar-masuk. Hasil-hasil keluaran negeri Setul waktu itu terutamanya kambing, ayam, lembu, kelapa, kayu balak dan juga sarang burung yang dikeluarkan dari Pulau Tongkah kira-kira 3,000 pikul setahun. Cukai yang dikenakan ke atas perahu yang masuk ke negeri itu ialah 12 1/2 sen setiap satu tan, dan kebenaran masuk ke negeri itu dikenakan sebanyak 50 sen.

Skeat juga menyenaraikan harga pasaran bagi beberapa jenis barang seperti makanan dan ternakan mengikut harga baru yang kebanyakannya meningkat dari harga dua tahun sebelumnya. Misalnya:

Jenis Barang atau ternakan	Harga dahulu (1897)	Harga Sekarang (1889-1900)
Ayam	10 sen seekor	25 sen seekor
Itik	8 ekor seringgit	8 ekor, \$ 3.20
Lembu	Sepasang \$ 20.00 hingga \$ 25.00	Sepasang \$ 30.00 hingga \$ 40.00
Kerbau	Seekor Kerbau jantan yang baik, \$ 20.00	\$ 40.00 seekor
Telur Itik	10 butir, 4 sen 3 hingga 4 sen sekati	15 hingga 16 sen 12 sen sekati
Ikan		
Beras	8 hingga 10 sen segantang	20 sen segantang

Kenaikan harga pasaran itu mengikut Skeat adalah berikut dengan pembukaan beberapa buah pelabuhan tempatan dan juga bertambahnya bilangan pedagang-pedagang Cina yang datang dari Pulau Pinang.

Geran-geran tanah dikeluarkan dari Kedah kepada setiap pemilik tanah Setul. Kerja 'kerah' masih dilaksanakan untuk kerja-kerja raya yang penting, dan setiap mereka yang terlibat diberikan secupuk beras pada sehari. Oleh kerana negeri Setul dikehendaki mengirim bunga emas ke Siam menerusi Kedah tiga tahun sekali, maka belanja membuat dan mengirimnya adalah dikumpul melalui pungutan 'cukai kepala' yang dikenakan setiap tiga tahun sekali sebanyak 'enam kupang dua duit' (62 sen) pada seorang.

Pada hari terakhir (2hb. Januari 1900) Skeat juga sempat dibawa melawat masyarakat 'Samsam' dengan ditemui oleh Ku Din sendiri. Dari apa yang diceritakan oleh Ku Din sendiri kepadanya, masyarakat Samsam itu adalah orang Melayu yang telah menukar keseluruhan hidup mereka seperti orang Siam, kecuali ugama Islam. Tetapi mereka tidak pernah hadir ke masjid atau mengerjakan sembahyang lima waktu. Mereka amat gemar makan kura-kura. Demikian serba ringkas beberapa perkara menarik yang dapat disedut dari catatan Skeat mengenai negeri Setul sekitar tahun-tahun 1899-1900.

Tahun-tahun terakhir dalam sejarah kerajaan Setul dibawah pentadbiran Ku Din adalah memperlihatkan sifat kecenderungannya "memandang ke Bangkok daripada ke Kedah". Ini disebabkan bidang kuasa yang diberikan oleh Sultan Abdul Hamid kepada Ku Din agak terlalu luas. Apa yang berlaku kemudiannya ialah beliau lebih banyak bertindak sendirian. Bunga emas dari Setul dihantar terus ke Siam oleh Ku Din tanpa melalui Kedah lagi seperti yang lazim dilakukan sebelumnya. Begitu juga dengan segala laporan yang mengenai kerajaan Setul terus dihantar ke Bangkok dengan menggunakan namanya sendiri. Di samping itu pihak Siam pula bertindak mengurangkan kuasa Sultan Kedah ke atas Setul secara beransur-ansur yang kemudiannya dalam tahun 1902, Ku Din merupakan pemerintah Setul yang berkuasa penuh.

Dalam bulan April 1902, Ku Din melantik dirinya sebagai Raja Setul dengan memakai gelaran Tunku Baharuddin bin Ku Meh. Memandangkan beliau dapat menjalankan pentadbiran dengan begitu cekap, pihak berkuasa Siam akhirnya telah mengiktiraf dan menyokong penuh segala tindakan yang dilakukan olehnya di Setul.

Kuasa kerajaan Kedah ke atas Setul akhirnya tamat dengan termetrainya Perjanjian Inggeris-Thai (Perjanjian Bangkok) pada 9hb.Julai 1909. Dengan itu wilayah Setul yang meliputi keluasan 120 batu persegi dengan beberapa buah pulau yang terletak berhampiran pantainya, termasuklah Pulau Panjang, Pulau Adang dan Pulau Terutau dengan rasminya terserah kepada kerajaan Siam.

Menurut Y/B Encik Ku Jiwa bin Ku Othman, yang kini masih berkhidmat sebagai Ahli Majlis Perbandaran Setul, dari usaha perjuangannya, kini terdapat 3 batang jalan dibandar itu diberi nama sebagai "Phya Phuminart Pakdi" yang bermaksud "Raja Yang Berbakti, iaitu gelaran yang diberikan oleh pihak berkuasa Siam kepada Tunku Baharuddin sewaktu beliau menjadi Raja Setul.

Tunku baharuddin telah bersara dalam tahun 1916. Sejak itu seorang gabenor Siam telah dilantik untuk mentadbir wilayah Setul atau Satun. Dan dengan itu berakhirlah sejarah Kerajaan Melayu Setul Mambang Segara yang pernah ditadbir oleh 5 orang raja dalam jangka usia seratus tahun (1808-1909).

## KESINAMBUNGAN GERAKAN NASIONALISME DAN PERJUANGAN RAKYAT KEDAH MENENTANG PENJAJAHAN SEJAK ABAD KE 18

GERAKAN awal nasionalisme Melayu di Semenanjung sering dikaitkan dengan tindakan rakyat peribumi menentang campurtangan Inggeris dalam sistem politik dan pentadbiran tempatan dalam abad ke-9 yang pada pandangan Barat, pejuang-pejuang Melayu waktu itu dicapkan sebagai penderhaka dan pemberontak. Antaranya termasuklah pahlawan Dol Said di Naning (1831-1832); Datuk Maharaja Lela dan Sultan Abdullah di Perak (1875-1876); Datuk Bahaman dan Mat Kilau di Pahang (1891-1895); Haji Wan Hassan atau Tok Janggut di Kelantan (1914-1915) dan penentangan Haji Wan Abdul Rahman Limpong di Terengganu (1928). Sebenarnya Kedah Darul Aman juga merupakan perintis ke arah mencetuskan gerakan nasionalisme terawal di utara Semenanjung. Penentangan mereka tidak sahaja terhadap penjajah Inggeris sejak abad ke-18 tetapi juga terhadap Siam (1821-1909). Kesanksian pengambilan Pulau Pinang oleh Inggeris (1786) dan ekoran janji-janji kosong mereka terutamanya bantuan pertahanan yang diperlukan oleh Kedah menyebabkan timbulnya kemurkaan kepada Sultan Abdullah Mukarram Shah (1778-1797). Akibatnya tercetuslah perperangan di antara kedua pihak (1791) dan peristiwa ini dapat disifatkan sebagai tahap pertama berputiknya gerakan nasionalisme menentang pencerobohan pihak Barat di bumi Kedah.

Tahap kedua penentangan terhadap penjajah berlaku apabila armada Ligor/Siam menyerang dan menawan Kedah pada 12 November 1821. Bermula dari saat itu Kedah di bawah pengawasan tentera Ligur/Siam selama dua puluh satu tahun (1821-1841). Sejak itu juga pergerakan bersepdu menentang Siam oleh beberapa kumpulan wira rakyat dan keluarga di Raja Kedah telah terecus sepanjang masa untuk mengusir tentera Siam dari bumi Kedah. Walaupun sepanjang pantai perairannya dikawal rapi oleh kapal-kapal perang Inggeris yang memihak kepada Siam, namun ada ketikanya pejuang Kedah berjaya menembusi kepungan musuh. Misalnya Tunku Kudin, adalah wira diraja Kedah terawal melakukan percubaan untuk menawan kembali kota Kuala Kedah tetapi gagal (1829) sehingga akhirnya beliau terkorban di situ bersama pengikutnya.

Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah II atau 'Marhum Melaka' (1797-1845) yang kehilangan takhta terpaksa berhijrah ke Pulau Pinang yang kemudiannya ke Melaka akibat Perjanjian Burney (1826). Dalam sepucuk warkahnya kepada James William Salmond, Pembantu Residen Pulau Pinang waktu itu, baginda menegaskan :-

*"....Apa boleh beta katakan kerana Kompeni Inggeris ada besar kuasanya. Akan fasal negeri Kedah itu negeri beta keturunan mari daripada datuk nenek beta. Makai orang Siam tipu ambil tiadalah boleh beta dapat kuasa, beta hendak ambil balik juga negeri beta ini....kerana pada hati orang segala bangsa pun tatkala seseorang berhjuat mahu mengambil artanya pasti ia mahu mengambil artanya itu, jangankan suatu negeri, jika suatu kehun seketipun...."*

Tunku Muhammad Saad seorang lagi wira diraja Kedah telah berjaya mengumpul hampir sepuluh ribu orang penyokongnya lalu melancarkan serangan mengejut dan berjaya menawan kembali kota Kuala Kedah dan Alor Setar (1838). Mereka juga berjaya menawan Terang dan Singgora di selatan Thailand. Tetapi pada Februari 1839, angkatan Siam berjaya menyekat kemaraan Tunku Muhammad Saad dan bertapak di Kedah semula. Ramai yang gugur sewaktu bertempur di Singgora termasuklah ulama terkenal, Syeikh Abdul Samad Palembang. Antara beribu pejuang lain yang terlibat dalam perjuangan peringkat kedua ini termasuklah ulama terkenal, Syeikh Abdul Samad Palembang. Antara beribu pejuang lain yang terlibat dalam perjuangan peringkat kedua ini termasuklah Tok Moris (Kubur Panjang), Tok Madi (Bandar Baharu/Yan), Dato' Syahbandar Wan Daud (Pulai, Baling), Dato' Pekerma Ali, Tunku Abdullah, Tunku Sulaiman, Tunku Anom, Syeikh Abdul Kadir, Tunku Long Puteh, Tunku Muhammad Akib dan Syed Hussain Jamalullai.

Tahap ketiga kebangkitan rakyat Kedah menentang penjajah ialah apabila keimbalinya Inggeris semula yang cuba menguatkan dasar kolonialismenya menerusi gagasan Malayan Union untuk menghakiskan hak ketuanan dan kedaulatan Raja-Raja Melayu. Dengan itu mulai 1945 gerakan nasionalisme bergolak semula.

Satu-satunya pertubuhan sosial dan ekonomi iaitu SEBERKAS (Syarikat Bekerjasama Am Saiburi) yang tertubuh sebelum itu yang diterajui oleh Senu Abdul Rahman telah bertukar peranan sebagai badan politik yang berslogarkan "Sayang Akan Bangsa Ertinya Redha Korban Apa Segala" (SABERKAS). Pengasas dan

pemimpinnya yang lain termasuklah Mohd. Khir Johari, Azahari Md Taib, Muhammad Jamil Binjai dan Khalid Haji Abdullah. Selanjutnya muncul Kesatuan Melayu Kedah (KMK) dan Persatuan Ulama Kedah-kedua-duanya di bawah pimpinan Haji Hussain Che Dol manakala pemimpin KMK, lainnya termasuklah Ayob Abdullah, Ibrahim Endut dan Haji Mohd. Khir Segera. Kemudian tertubuh pula Persatuan Pemuda Melayu Kedah pimpinan Mahathir Mohamad, Mohd Zahir Haji Ismail dan Khalid Awang Othman, diikuti Anjuran Kesetiaan Pemuda Kedah pimpinan Arshad Omar dan Syed Ahmad Shahabuddin. Semua badan politik ini bersatu dalam gerakan menentang Malayan Union melalui rapat-rapat umum, protes di akhbar-akhbar seperti Majlis, Warta Negara, Suara Saberkas dan Wathan.

Pada 19 Januari 1964, seramai 50 ribu orang Melayu membanjiri Padang Court (Medan Bandar) di Alor Setar, anjuran dan kerjasama KMK dan SABERKAS. Berikutnya pada 30 Mei 1946 Padang Court sekali lagi dibanjiri manusia seramai 10 ribu orang bersempena dengan ketibaan wakil dari Parlimen British iaitu Kapt.L.D. Gammans dan Lt. Kolonel Dr. Ress Williams untuk meninjau sikap rakyat Melayu Kedah terhadap gagasan Malayan Union. Dato' Onn Jaafar, Presiden UMNO yang tiba lewat sempat berucap yang antara lain beliau menegaskan :-

*"Pendirian orang Kedah sudah masyhur iaitu pendirian untuk kebebasan. Saya sangatlah berasa sombang kerana orang Kedah adalah tulang belakung perjuangan umat Melayu Semenanjung....."*

(Warta Negara, 31 Mei 1946)

YTM Tunku Abdul Rahman Putra yang mempengerusikan perhimpunan raksasa tersebut turut memberi ucapan yang ditujukan khas kepada kedua orang wakil Perlimen British itu. Antara lain kata Tunku:-

*"Tuam-tuam berdua telah ketahu bagaimana perasaan tiup-tiop seorang daripada bangsa Melayu. Mudah-mudahan Tuhan memindahkan perasaan yang ada di dalam hati orang Melayu itu kepada hati tuam-tuam....Kita umat Melayu adalah sangat sangat menaruh kepercayaan kepada kerajaan British, tetapi sayang, telah hancur luluh disebabkan Malayan Union, ibarat kaca terhempas kehati. Begitulah juga hancur luluhnya kepercayaan orang-orang Melayu terhadap kerajaan British"*

Sementara itu Azahari Md.Taib selaku pemimpin 'Suara Saberkas'

dalam rencana pengarangnya turut menyuarakan bantahan yang menurutnya :-

*"Sungguh malang nasib bangsa Melayu, sudah kecil diperkecilkan-kecilkan, sudah terhimpit diapit-apitkan, sudah tenlesak diasak-asakan pula". Dalam pada itu memang besar harapan kita kepada kerajaan British tidak akan membiarkan nasib kita setaraf dengan nasib seekor semut, waima kita Tanah Melayu itu mempunyai bilangan kecil...tidak salah kalau mereka tampil mempertahankan haknya walau sampai membuang nyawa sekalipun jika haknya akan dirampas atau dibahagi-bahagikan kepada orang lain."*

( *Saberkas, 13 Januari 1945* )

Telegram juga telah dihantar kepada Kerajaan British di London mendesak agar perlembagaan Malayan Union segera ditarik balik. Mereka yang berbuat demikian termasuklah Ayob Abdullah yang banyak mengupas keburukan Sultan Badlishah turut memprotes melalui warkah-warkah yang dikirim sendiri oleh baginda kepada pegawai-pegawai Inggeris yang pernah berkhidmat di tanah Melayu termasuk Kedah sebelum Perang Dunia Kedua. Kandungan warkah itu mencerminkan betapa baginda turut bersimpati dengan nasib rakyat Melayu dan betapa kesalnya baginda mengenai perubahan mendadak oleh Inggeris tanpa bertanding lebih dahulu dengan Raja-raja dan rakyat. Dalam warkahnya kepada Sir Shenton Thomas (Pesuruhjaya Tinggi British di Negeri-negeri Melayu, 1933-1941) antara lain baginda menulis:-

*"I thought the British came back to Malaya to redeem their broken pledges and not to take from us what little we had. We are sensible to the advantages with the British protection and we are prepared to cooperate with the British Goverment in every possible way we can but not to the lenght of ceding the State to the British Goverment as a colony"*

Saberkas dan KMK memainkan peranan penting sejak awal penubuhan UMNO. Ketika Dato' Onn Jaafar mempelopori Kongress Melayu Semenanjung di Kelab Sultan Sulaiman, Kuala Lumpur pada 1-4 Mac 1946. KMK diwakili oleh Haji Hussain Che Dol (Ketua), Ayob Abdullah, Abdul Hamid Abdullah, Senu Abdul Rahman, Dr. Omar Din, Haji Mohd. Rejab Haji Darus dan Haji Saleh Shamsudin.

# SALASILAH KESULTANAN KEDAH DARUL AMAN - SATU ANALISA DAN PERBANDINGAN

Salasilah Sultan-sultan yang memerintah Negeri Kedah darul Aman pertama kali disusun secara lengkap dalam tahun 1928 dalam tulisan jawi dengan terbitnya buku "Al-Tarikh salasilah Negeri Kedah" (ASNK) satu-satunya buku yang memuatkan persejarahan Kedah yang dapat dipertanggungjawabkan karya anak watan Kedah, Muhammad Hassan bin Dato' Kerani Muhammad Arshad.

Sebelum itu R.O. Winstedt pernah menyenaraikan salasilah yang sama dalam dua rencananya iaitu "History of Kedah" (JSBRAS, 1920 : 32 dan 34) dan "Notes on the History of Kedah" (JMBRAS, 1939 : 186-187). Dalam kedua-dua rencananya, beliau cuba membuat perbandingan salasilah tersebut berdasarkan buku "Hikayat Merong Mahawangsa" dan ASNK di samping memetik senarai yang disusun oleh Wan Yahaya Haji untuk Mr. E.A.G. Stuart, Penguasa Pelajaran Negeri Kedah sebelum Perang Dunia Kedua (1920-1924). Dibandingkan dengan ASNK terdapat beberapa perbezaan sebutan nama yang berpunca kerana kesalahan mentransliterasikannya dari jawi ke rumi.

Hikayat Merong mahawangsa (HMM) tidak dapat dibina sebuah salasilah Kesultanan Kedah yang lengkap kerana beberapa sebab. Yang pentingnya kerana HMM tergolong dalam karya 'historiografi' (sastera sejarah) yang sifatnya sama seperti karya-karya yang sejenis dengannya seperti "Hikayat Raja-Raja Pasai", "Sulalatus-Salatin" atau "Sejarah Melayu" dan sebagainya kerana tidak mementingkan pentarikhkan atau tahun berlakunya sesuatu peristiwa. Penceritaannya pula terhenti sehingga zaman Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah II (Sultan Kedah ke-22, 1804-1845) dan itupun dalam bentuk senarai di samping beberapa orang sultan sebelumnya.

Setakat ini ASNK ternyata dapat dipegang kesahihan faktanya terutama dalam mencatatkan kedatangan Islam di Kedah iaitu pada 531 Hijrah bersamaan 1136 masihi. Terdapat catatan yang lengkap mengenai pemerintahan setiap Sultan dan tarikhnya di lapan buah pusat pemerintahan sehingga ke zaman Sultan Abdul Hamid Halim Shah (Sultan Kedah ke-27, 1882-1943). Bagaimanapun sehingga zaman Tunku Anom menjadi Raja Negeri Kubang Pasu, pengarang ASNK hanya menggunakan tarikh hijrah sahaja, dan apabila mangkat Tunku Anom bermulalah penggunaan tahun masihi di samping tahun hijrah iaitu

dicatatkan pada 20 Syaaban 1269 bersamaan 31 Mei, 1853.

Sesudah Perang Dunia Kedua, dua orang dari kalangan Kerabat DiRaja Kedah iaitu Tunku Nong Jiwa dan Tunku Fariduddin Haji telah mengusahakan penyusuan semula "Salasilah Kesultanan Kedah" yang juga dirujuk kepada ASNK. Usaha mereka berdua menjadi ikutan kepada penulis sejarah berikutnya ketika memulis rencana atau buku yang berkaitan dengan persejarahan Kedah. Bagaimanapun jika dianalisa dan dibandingkan dengan karya yang ada hari ini, di samping mempunyai beberapa persamaan terdapat pula beberapa perbezaan yang ketara dalam beberapa aspek berikut :

1. Sebutan nama sultan dan gelaran.
2. Tahun atau tarikh pemerintahan setiap sultan.
3. Bilangan atau jumlah sultan yang memerintah sehingga kini.

Walaupun perbezaan itu tidak banyak tetapi ianya tidak sepatutnya dibiarkan berterusan agar fakta pencegarahannya yang tepat dapat dipertanggungjawabkan. Maka di sinilah perlunya satu analisa dilakukan dengan membandingkan beberapa karya yang ada untuk mencari di mana silap dan salahnya untuk diperbetulkan dan diseragamkan berdasarkan bahan-bahan sampingan lain.

## **1. Sebutan nama dan gelaran**

- 1.1 Nama Sultan kedah yang ke-4 ada yang menulis "Mansur" umpamanya dalam senarai Winstedt diberi tanda soal "Mansur?" dan pula menulis "Mudzaffar" sepetimana yang pernah terdapat dalam senarai yang dipamerkan di Muzium DiRaja, Alor Setar (kini telahpun diperbetulkan) dan di dalam Album Kedah Darul Aman (Penerbitan Kerabat, Kuala Lumpur 1988). Sebenarnya nama yang wujud dalam ASNK ialah "Muzzil" (ada yang menulis "Mazzil" atau "Mazzal") yang didalam bahasa Arab bermaksud "Pelindung".
- 1.2 Nama gelaran Sultan Kedah ke-19, Sultan Muhammad Jiwa "Zainal Adilin Muadzam Shah" sering ditulis "Zainal Abidin Muaadzam Shah" atau "Zainal Azilin Muadzam Shah", nama sebenarnya ialah "Zainal Adilin Muadzam Shah" seperti yang tercatat dalam Hikayat Merong Mahawangsa dan "Salasilah atau Tareh Kerajaan

Kedah" karya Wan Yahaya Wan Mohd. Taib. Bukti yang jelas dapat dirujuk dari surat-surat yang dikirimkan oleh Sultan Muhammad Jiwa kepada Kapten Francis Light di Salang (Phuket) dalam tahun 1773.

- 1.3 Untuk menentukan nama dan gelaran beberapa orang sultan yang sama juga terdapat perbezaan. Contoh yang jelas dapat dilihat kepada tokoh-tokoh ini :

Sultan ke-18 : Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah I  
(1706-1710)

Sultan ke-22 : Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah II  
(1804-1845)

Sultan ke-24 : Sultan Ahmad Tajuddin Mukarram Shah  
(1854-1845)

Ada yang menandakan tokoh ketiga itu dengan tanda "III" dihujung gelarannya tetapi ada yang tidak kerana menganggap gelaran "Halim" dan "Mukarram" itu adalah dua kalimat yang berbeza maknanya walaupun nama asal mereka serupa.

## 2. Tarikh atau tahun pemerintahan setiap sultan

- 2.1 Timbulnya perbezaan adalah disebabkan dalam menukar tahun hijrah kepada tahun masih cuma berdasarkan kepada tahun masih cuma berdasarkan kepada tahun sahaja, walhal dalam sumber asalnya (ASNK) terdapat tarikh hijrah yang lengkap mencakupi haribulan, bulan dan tahun. Walaupun banyak perbezaan yang dapat dikesan, namun di sini diperturunkan satu contoh sahaja iaitu tarikh pemerintahan Sultan Muhammad Shah, Sultan Kedah yang ke-4 yang dipetik dari dua sumber iaitu :

(a) 1201 - 1236

(b) 1202 - 1237

Dalam ASNK dicatakan tarikh selengkapnya : 8 Syaaban 598 hingga 13 Jamadilawal 634, iaitu bersamaan 3 Mei, 1202 hingga 12 Disember, 1236.

2.2 Bagaimanapun di dalam ASNK terdapat tiga orang sultan yang tarikh pemerintahan mereka tidak tepat jika dibandingkan dengan penulisan lain yang menyebabkan satu lagi jurang perbezaan dalam penyusunan salasilah Sultan Kedah hari ini iaitu :

- i. Sultan Muhammad Jiwa Zainal Adilin Muadzam Shah, Sultan Kedah yang ke-19 (1710-1778). ASNK mencatatkan baginda mangkat pada 1 Ramadan 1174 bersamaan 6 April 1761. Berdasarkan beberapa peristiwa dan sumber-sumber lain, sehingga 1778, baginda masih memerintah Kedah. Misalnya serangan armada Bugis ke atas Kedah pimpinan Raja Haji pada tahun 1770, baginda terpaksa menyelamatkan diri ke Perlis (Kayangan) menyebabkan baginda digelar "Marhum Kayangan". Dalam tahun 1773, baginda pernah menulis dua pucuk surat kepada Kapten Light di Salang (Phuket) masing-masing bertarikh 24 Zulhijjah 1187 (17 Mac, 1773) dan 12 Syaaban 1187 (29 Oktober, 1773).
- ii. Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah II, Sultan Kedah ke-22 (1804-1845). ASNK mencatatkan baginda mangkat pada 6 Rabiulawal 1259 bersamaan 6 April 1843. Tetapi berdasarkan surat Sultan Zainal Rashid Muadzam Shah (Tunku Da'i) kepada Samuel Garling, Residen censelor Pulau Pinang bertarikh 27 Zulhijjah 1260 (5 Januari, 1845), baginda memaklumkan bahawa ayahandanya Sultan Ahmad Tajuddin telah mangkat pada malam Jumaat, 25 Zulhijjah 1260 bersamaan 3 Januari, 1845.

Kesimpulan tarikh pemerintahan Sultan Ahmad Tajuddin ialah 1804-1945, tidak 1804-1843.

3. **Bilangan atau jumlah sultan-sultan yang memerintah hingga kini.**

Kebanyakan penulis mencatatkan seramai 27 orang sultan yang memerintah Kedah sehingga kini. Berdasarkan ASNK, setelah mangkat Sultan Abdullah Mukarram Shah, Sultan Kedah ke-20 (1778 - 1797), disebabkan putera sulungnya Tunku / Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah II masih kecil, maka ayahanda saudaranya, Tunku Dhiiauddin (adinda kepada Sultan Abdullah) yang menjadi Raja Muda sebelum itu mantadbir Kayang dan Setul, telah bertindak selaku Pemangku Raja (1797- 1804).

Bagaimanapun apabila dirujuk kepada sumber-sumber lain, ternyata Tunku Dhiiauddin bukan sekadar menjadi Pemangku Sultan sahaja tetapi baginda juga diiktiraf sebagai sultan. Misalnya dalam salah sepuctuk geran tanah Kedah paling awal di temui setakat ini yang diterbitkan pada zaman baginda dalam tahun 1801 (1216 Hijrah), nama baginda pada awalnya dicatatkan begini :

“.....Al-Sultan Al-adil Muadzam Shah Al-mukarram  
Wahuwa-Mahunana Paduka Seri Sultan Dhiiauddin  
Mukarram Shah Yang Maha Mulia di atas takhta Kerajaan  
semayam di Kota Indera Kayangan Negeri Kedah Darul  
Aman...”

Berdasarkan fakta-fakta inilah terdapat beberapa penulis kebelakangan ini meletakkan Sultan Dhiiauddin Mukarram Shah II (1797-1804) sebagai Sultan Kedah yang ke-21 di dalam karya mereka. Antaranya “Sejarah Kedah” oleh Buyong Adil dan “Politik Tradisional Kedah 1681 - 1942” oleh Dr. Mohammad Isa Othman.

Setelah menyedari adanya beberapa kesalahan dari sudut fakta dan pentarikan di samping perbezaan di antara beberapa karya hasilan sebelum dan sesudah Prang Dunia Kedua yang menyentuh tentang pensalasilahan Kesultanan Kedah, maka wajarlah satu salasilah yang seragam dapat diadakan. Dua senarai yang dilampirkan diakhir rencana ini bolehlah diterima-pakai sekiranya dipersetujui.

## **SEJARAH PENUBUHAN DAN PERKEMBANGAN MUZIUM NEGERI KEDAH DARUL AMAN. (1957-1993) SATU TINJAUAN UMUM.**

Latar sejarah kewujudan Muzium Negeri Kedah Darul Aman mempunyai kaitan rapat dengan Persatuan Sejarah Kedah yang tertubuh setahun lebih awal iaitu pada 20 Julai 1956. Kesedaran betapa pentingnya negeri ini mempunyai sebuah muziumnya sendiri telah disarankan kepada kerajaan Negeri oleh persatuan ini melalui Naib Yang Dipertuaanya, Allahyarham YTM Tunku Nong bin Tunku Mohd Jiwa. Cadangan ini disokong kuat oleh Encik Sheppard (kini Tan Sri Mubin Sheppard). Pengarah Muzium Persekutuan merangkap Presiden Persatuan Sejarah Malaya pada waktu itu.

Setelah kerajaan mempersetujuinya, maka pada 3 Februari 1957 Y.A.B Tan Sri Tunku Ismail bin Yahya (Tunku Indera Setia) Menteri Besar Kedah Darul Aman yang bertempat di Balai Besar Tanggungjawab mengendalikan muzium ini yang pada awalnya dinamakan Muzium Sejarah Kedah telah diserahkan kepada persatuan Sejarah Kedah oleh Setiausaha Kerajaan Negeri (YB. Tuan Syed Hassan Shahabudin). Tunku Nong telah dilantik sebagai Pengurus Lembaga Pengurus yang pertama.

Tahap awal penubuhan muzium ini tidaklah menunjukkan perkembangan yang agak baik disebabkan kekurangan wang di samping ruang belakang di bahagian bawah bangunan Balai Besar yang dijadikan Muzium itu amat terhad. Di sinilah dipamerkan semua bahan koleksi Persatuan Sejarah Kedah, antaranya termasuklah arca dan atifek peninggalan zaman pengaruh kebudayaan Hindu-Budha hasil galicari yang masih dilakukan waktu itu di Lembah Bujang oleh Jabatan Arkeologi Universiti Malaya yang diketuai oleh Dr. Alister Lamb.

Dalam tahun 1958 pihak Lembaga Pengurus Muzium Sejarah Kedah telah mengemukakan permintaan kepada Kerajaan Negeri agar sebuah bangunan muzium yang baru dilaksanakan pembinaannya dengan segera. Ini disebabkan bertambahnya bahan-bahan sejarah terkumpul hingga YTM. Tunku Nong terpaksa menempatkan sebilangan besar bahan-bahan sejarah itu di garaj keretanya di samping keselamatannya tidak begitu terjamin. Kerajaan Negeri akhirnya bersetuju membina bangunan baru yang dicadangkan itu di atas tanah milik kerajaan iaitu Lot 2219 Mukim Kota Setar seluas 1 relung 274 jemba di Bakar Bata.

Sebuah jawatankuasa untuk tujuan ini telah dibentuk. Di samping YTM. Tunku Nong dan Wan Ibrahim Wan Soloh (Dato' Paduka) mereka lain yang dilantik ialah Ketua Jurutera JKR Kedah/Perlis, Pengusa

Pelajaran Negeri dan Pengarah Muzium Persekutuan. Pada mulanya kerajaan memperuntukkan sebanyak RM35 ribu untuk bangunan setingkat, tetapi kemudiannya sebanyak RM15 ribu untuk menjadikan bangunan dua tingkat bawahnya. Pada mulanya rekabentuk bangunan baru yang dicadangkan oleh Sheppard agak keberatan diterima oleh Ketua Jurutera Negeri kerana biaya pembinaannya mungkin melebihi dari yang diperuntukkan. Bagaimanapun akhirnya pihak Jawatankuasa Pembinaan telah bersetuju dengan saranan Sheppard yang mahukan "...a plan reminiscent of the Balai Besar". Saranan Sheppard ini bertujuan agar para pencinta seni dan sejarah dapat menghayati dan mengenang kembali keagungan senibina bangunan Balai Basar itu.

Pada 30 Disember 1961 satu lembaran baru tercatat dalam sejarah perkembangan muzium ini apabila iaanya berpindah dari balai Besar ke bangunan baru di Bakar Bata. Bangunan baru ini adalah mengikut rekabentuk yang dibuat oleh Prof. V.R Gelea, artikel dari Jabatan Kerja Raya Negeri. Bangunan Balai besar apabila dilihat dari arah hadapan dengan sepasang tangga kiri dan kanan, sementara di kiri kanan bahagian atasnya kelihatan lepuh atau 'sayap lelayang'.

Pada hari tersebut juga setelah selesai merasmikan Perpustakaan Umum di tingkat bawah, KIDYMM, Tuanku Sultan Haji Abdul Halim Mu'adzam Shah telah berkenan menyaksikan bahan-bahan sejarah yang dipamerkan oleh Muzium Sejarah Kedah di tingkat kedua. Hasil dari kunjungan baginda sepantas lalu itu, baginda telah melahirkan pandangan bahawa masih banyak lagi bahan-bahan sejarah kepunyaan negeri ini yang tersimpan di muzium negeri-neggeri lain termasuk di luar negeri yang perlu dikembalikan. Tunku Nong segera bertindak menulis kepada pihak-pihak tertentu tetapi tidak ada apa-apa jawapan diterima. Beliau lalu meminta Setiausaha Kerajaan Negeri campur tangan dalam hal ini.

Di samping mengawasi pentadbiran muzium, Tunku Nong juga aktif dalam menggerakkan aktiviti-aktiviti Persatuan Sejarah yang dipimpinnya. Memang benarlah dengan pendapat yang menyatakan bahawa "Persatuan Sejarah Kedah adalah amat sinonimos dengan Muzium Negeri Kedah". Hal ini jelas terbukti dengan menyingkap kembali peranan yang dimainkan oleh Tunku Nong dan juga Dato' Paduka Haji Wan Ibrahim Wan Soloh semasa mereka mentadbir Persatuan Sejarah dan Muzium negeri. Aktiviti Persatuan Sejarah Kedah banyak membantu muzium dalam bidang pengumpulan dan sebagainya.

Antara tahun 1956-1960 Tunku Nong mengetuai rombongan ahli-ahli Persatuan Sejarah dan Jawatankuasa Muzium dalam beberapa lawatan kajiselidik ke daerah Naga, Siputih, Lembah Bujang, Langkawi dan Pulau Adang. Kesan lawatan ke Langkawi, Muzium Negeri mendapat sehelai Panji-panji Perang yang digunakan oleh Pahlawan Dato' Pekerma

**Ali semasa mempertahankan Pulau Langkawi dari serangan Siam satu setengah abad silam. Sementara lawatan ke Pulau Adang (Februari 1986) bekas jajahan takluk Kedah yang terletak di utara Langkawi, mereka berjaya mengesan latar sejarah, seni budaya dan bahasa yang diamalkan oleh masyarakat Melayu di situ yang dikatakan berasal dari orang-orang Men di Burma.**

Semasa Tunku Nong juga, beberapa makam lama telah dipelihara dengan baik seperti Makam Puteri Lindungan Bulan di Siputih dan Makam Diraja di kampung Langgar, Bujang di daerah Kuala Muda. Beliau tetap mempercayai bahawa itulah Makam Sultan Mudzaffar Shah, raja Kedah pertama memeluk Islam dalam tahun 1136. Atas kegigihan beliau juga menyebabkan muzium berjaya memiliki geran atau surat pemilikan tanah paling tua iaitu bertarikh 1216H (1801 Masih) sewaktu pemerintahan Sultan Dhiauddin Mukarram Shah di Kota Indera Kayangan dan juga zanun Tunku Anom memerintah negeri kecil Kubang Pasu Darulqiyam yang sekeping daripadanya bertarikh 1266 Hijrah (1850 Masih).

Apabila Dato' Haji Wan Ibrahim mengambil alih tugas Tunku Nong selaku Yang Dipertua Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Kedah dan juga Pengerusi Muzium Negeri dalam tahun 1964, prestasi muzium meningkat setiap lagi. Beliau seorang yang amat halus, bersikap tegas dan berdisiplin. Boleh dikatakan setiap hari beliau datang melawat muzium untuk memastikan segala bahan yang dipamerkan disitu sentiasa dalam keadaan teratur, kemas dan bersih. Pernah segala sampah sarap yang ditemuinya dalam muzium diambil olehnya dan dimasukkan ke dalam sakunya. Beliau sentiasa mempastikan setiap kakitangan dan Jawatankuasa Muzium dapat menjalankan tugas dengan sempurna. Anak buah Dato' Paduka seperti Puan Hajah Nabihah Hj. Mohamed (Penyelia), Puan Cheong Hong Lan (Pegawai Kerani), Tuan Haji Hashim Mustafa dan Encik Saidun Mat (Pembantu Muzium) sudah pasti mangli dengan kehalusan dan kesungguhan Dato' Paduka Haji Wan Ibrahim sewaktu melawat atau menjalankan tugasnya di muzium.

Kesungguhan beliau dalam meningkatkan lagi prestasi muzium dapat dilihat melalui bahan-bahan pemeran yang disusun atur. Antaranya mengandungi gambar sejarah yang ada kaitan dengan Kesultanan Kedah, peralatan-peralatan sejarah tradisional dan pakaian pengantin, barang tembaga dan perak, dan alat-alat muzik tradisional. Di samping itu terdapat beberapa buah diorama yang menggambarkan perkampungan nelayan, pemandangan sawah padi, pemandangan di dasar laut, adat berkhatan, temasya liga kerbau dan sebagainya.

Pada masa beliau juga usaha mengumpul manuskrip Melayu seperti sastera tradisional yang berbentuk hikayat dan syair juga kitab-kitab

agama tulisan tangan telah dipergiatkan. Tujuannya ialah untuk menyelamatkan bahan-bahan berharga itu daripada hilang atau musnah bagi membolehkan para pengkaji membuat kajian selanjutnya.

Kesan dari lawatan ke wilayah Setul pimpinan beliau dalam tahun 1970 amat bermakna sekali. Di sana beliau telah memperolehi buku "Sejarah Kerajaan Melayu Setul" hasil karya seorang ulama dan pengarang Melayu Setul yang terkenal iaitu Haji Abdullah Mohd. Saad (1890-1986) yang asalnya ditulis dalam bahasa Thai. Sebuah lagi ialah "Syair Duka Nestapa" hasil karya Almarhum Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah II sewaktu baginda berada dalam pembungannya di Melaka (1831-1841).

Dalam masa Dato' Paduka Haji Wan Ibrahim mentadbir muzium ini dijadikan sebuah perbadanan bernama "Lembaga Muzium Negeri Kedah" di bawah undang-undang No. 7/1974 yang mula berkuatkuasa daripada Mei 1975. Dalam bahagian III, Seksyen 10(1), undang-undang tersebut menetapkan bahawa semua tanah-tanah, bangunan-bangunan dan lain-lainnya hendaklah dipindah hak kepada Muzium tanpa sebarang tindakan yang lanjut.

Mulai Jun 1980, mereka yang dilantik menjadi Pengerusi Lembaga Muzium Negeri adalah terdiri dari Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan. Mereka ialah YB. Dato' Haji Shaari bin Abu Bakar yang mengambil alih jawatan tersebut dari Dato' Paduka Haji Wan Ibrahim Wan solo. Kemudian diikuti oleh YB. Dato' Haji Khalid bin Haji Abdullah (1985-1987), YB. Dato' Haji Hanafi bin Ramli (1987-1991), dan YB. Dato' Haji Azizan bin Haji Taib sejak 1 Jun 1991.

Dalam masa Dato' Haji Shaari Abu Bakar menjadi Pengerusi Lembaga Muzium ini satu lagi kemajuan telah terlaksana. Dalam tahun 1983, Balai Seni Negeri dari Muzium Diraja Kedah telah diwujudkan. Kedua-dua menjadi cawangan kepada Muzium Negeri Kedah Darul Aman.

Majlis perasmian kedua-dua cawangan ini telah dilaksanakan serentak pada 25 Julai 1983 oleh KDYMM Tuanku Sultan Haji Abdul Halim Mu'adzam Shah semperna Perayaan Jubli Perak pemerintahan baginda yang jatuh pada hari tersebut. Sebelum itu baginda juga telah merasmikan Konvensyen sejarah Negeri Kedah di Alor Setar. Kovensyen pertama kali ini berlangsung selama lima hari iaitu dari 28 November hingga 1 Disember 1981. Persatuan Sejarah Malaysia dan Muzium Negeri telah diberi tanggungjawab untuk menjayakan konvensyen ini. Sebanyak 18 kertas kerja telah dibentangkan yang mencakupi keseluruhan aspek besejarahan Negeri Kedah Darul Aman.

Pada masa dato' Haji Khalid Haji Abdullah sebagai Pengerusi, beliau berusaha menambahkan kakitangan muzium dari 5 orang kepada 14

orang. Satu-satunya usaha Dato' Haji Hanafi Ramli yang sukar dilupakan sewaktu beliau menjadi Pengurusi Lembaga Muzium Negeri ialah beliau cuba membuktikan kebenaran kisah Puteri Mahsuri dari Langkawi dari perspektif sejarah. Penyelidikan peringkat awal mengenai keturunan Mahsuri telah dirintis oleh Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Kedah bersama Muzium Negeri. Setelah penyelidikan awal dilakukan di Pulau langkawi pada 22 hingga 24 September 1988, satu rombongan 28 orang ahli Persatuan Sejarah dan Muzium Negeri melakukan kajiselidik untuk mengesan keturunan di sebelah pihak anak dan suami Mahsuri di Kampung Kamala, Phuket dari 18-22 Disember 1988. Selanjutnya kajiselidik susulan di Puket dilakukan oleh Lembaga Muzium Negeri pada 25 Mei 1989 dan sekali lagi pada 15 Oktober 1989 diketuai oleh Dato' Haji Hanafi Ramli sendiri. Akhirnya pada 9 Disember 1989, pameran dan majlis penceritaan kisah Mahsuri telah diadakan di sekolah Menengah Tunku Putra, Padang Mat Sirat, Langkawi. Hadir bersama menjayakan majlis itu ialah cicit Mahsuri yang dibawa khas dari Phuket.

Ketika mengambil alih tugas Pengurusi Lembaga Muzium Negeri pada 1 Jun 1991, Dato' Haji Azizzan Taib berusaha membereskan rancangan Lembaga Muzium Negeri yang tidak sempat diselesaikan semasa di bawah pentadbiran Dato' Haji Hanafi Ramli. Antaranya ialah penulisan buku "Sejarah Ulama Kedah Darul Aman" yang merupakan sebuah biografi mengenai ulama di negeri ini yang julung-julung kali diusahakan dan akan dilancarkan kepada orang ramai tidak lama lagi. Projek yang kedua juga telah dilaksanakan ialah mengadakan pameran "Kedah Sepanjang Jalan" di setiap daerah menurut jadual yang ditetapkan di samping mengadakan "Majlis Pengkisahan Sejarah" oleh orang-orang tempatan daerah itu sebagai menambahkan lagi kisah-kisah sejarah tempatan yang belum diketengahkan. Daerah yang dipilih untuk projek ini buat pertama kali ialah Daerah Kulim pada 12 Disember 1992 bertempat di Sekolah Menengah Maktab Sains Mara yang dirasmikan oleh Dato' Haji Azizan Haji Taib.

Perkembangan terakhir yang mengembirakan semua pihak, ialah hasrat dan usaha Lembaga Muzium Negeri untuk mendapatkan sebuah bangunan baru yang telah lama diperjuangkan kini telahpun direstui oleh Kerajaan Negeri. Dengan adanya bangunan baru diatasi di samping dapat mempertingkatkan lagi matlamat dan pencapaian Muzium untuk kemudahan dan kepentingan semua pihak yang mengunjunginya. Ini termasuklah kerja-kerja yang bersangkutan dengan bidang permuziuman seperti pameran koleksinya, penyelidikan, pemeliharaan dan pemuliharaan bahan, penyiaran dan pengumpulan maklumat melalui ceramah dan pendidikan, perpustakaan dan penerbitan.

## **DUA PUCUK SURAT SULTAN MUHAMMAD JIWA II BERTARIKH TAHUN 1773 DENGAN ANOTASI**

Pada bulan Disember 1985 yang lalu, bandar Alor Setar genap berusia 250 tahun. Bandar yang menjadi pusat pentadbiran kerajaan Kedah Darul Aman yang kelapan dan paling akhir ini telah diasaskan oleh Sultan Muhammad Jiwa II yang memerintah dalam tahun-tahun 1710-1778 sebagai Sultan Kedah yang ke-19.

Sebelum menaiki takhta, baginda pernah mengembara. Dengan itu baginda adalah Sultan Kedah yang kedua berbuat demikian. Sebelum itu Sultan Rijaluddin Muhammad Shah, Sultan Kedah yang bersemayam di Kota Naga pernah berkunjung ke India dalam tahun 1642.

Sewaktu berada di Palembang, Sultan Muhammad Jiwa amat tekun mempelajari dan mendalami pengetahuan agama Islam daripada Syeikh Abdul Jalil, ulamak Arab yang berasal dari Yaman. Kemudian baginda mengikuti gurunya menjelajah ke beberapa daerah di Kepulauan Melayu termasuk Tanah Jawa dan seterusnya ke India dan Timur Tengah.

Setelah genap tujuh tahun di perantauan, dalam tahun 1710 baginda kembali semula ke negeri Kedah. Ketibaan baginda memanglah ditungu-tunggu oleh para pembesar dan rakyat kerana kekosongan takhta kerajaan Kedah yang belum lagi pengganti. Ketiadatannya di dalam negeri, menyebabkan adindanya Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah I ditabalkan menggantikan ayahandanya Sultan Abdullah Mu'adzam Shah yang mangkat dalam tahun 1706.

Setelah ditabalkan dengan penuh adat istiadat di istana Kota Bukit Pinang sebagai sultan yang ke-19 baginda memakai gelaran Paduka Seri Sultan Muhammad Jiwa Zainal Abilin Mu'adzam Shah II.

Baginda banyak melakukan pembaharuan di bidang pentadbiran dan ekonomi. Matawang perak yang diterbitkan dalam tahun 1729 tertulis nama baginda "Sultan Muhammad Jiwa Khalifatul-Rahman" manakala di muka yang lain berukir perkataan "Bilad" (Negeri) diikuti dengan "Kedah Darulaman" dim juga tahun penerbitannya "Sanat 1141". Pada matawang emas pula tercatat perkataan "Adil Shah" di samping nama baginda dan angka tahunnya "Sanat 1147" (1735 Masihi). Bagi menentukan ukuran atau sukatan tanah, istilah baru telah dicipta seperti hasta, jemba, tali, penampang dan relung.

Beberapa perlantikan baru telah dilakukan. Putera baginda iaitu Tunku Long Putera dilantik sebagai Raja Tanah manakala Tunku Anjang sebagai Raja Laut bergelar Maharaja Diraja Segara. Syeikh Abdul Jalil iaitu guru agamanya telah dilantik menjadi Mufti. Dengan meluasnya

perdagangan dan bertambahnya hasil eksportnya seperti gajah, timah, damar, dan beras. Kedah waktu itu dapat menyediakan angkatan perangnya yang kuat. Pada zaman itulah Kedah berjaya memperluaskan wilayahnya ke sebelah utara. Daerah-daerah seperti Tongkah (Salang atau Phuket), Tereng, Ranong dan Kupa yang bersempadan dengan Siam dan Burma telah ditakluki.

Pada 15 Disember, baginda memindahkan pusat pentadbirannya dari Kota Bukit Pinang ke Kota Setar yang kemudiannya lahirlah Alor Setar. Untuk kemudahan perhubungan dan juga pengairan sawah, beberapa batang anak sungai dan terusan telah digali di sekitar bandar Alor Setar.

Sepanjang pemerintahannya, Kedah pernah tiga kali diserang oleh Bugis yang berpengkalan di Selangor dan Riau. Serangan pertama (1723) dipimpin oleh Daing Parani atas jemputan Tunku Abdullah, putera baginda sendiri untuk menentang saingannya. Bugis berjaya meletakkan semula baginda ke takhta yang sebelum itu telah dirampas oleh adindanya.

Serangan kedua berlaku dalam tahun 1724. Daing Parani sekali lagi mengetuai armada Bugis untuk menentang Raja Kechil dari Siak. Raja Kechil yang bertujuan untuk menapakkam pengaruh Minangkabau di Kedah dengan menyebelahi adinda Sultan Muhammad Jiwa tetapi ia dapat digagalkan oleh Bugis. Bagaimanapun pihak Bugis kehilangan seorang pemimpin mereka yang perkasa apabila Daing Parani telah terbunuh di akhir peperangan itu.

Sultan Muhammad Jiwa telah diminta oleh Bugis membayar 15 bahara timah mengikut perjanjian yang dipersetujui oleh kedua pihak iaitu sebelum bantuan ketenteraan diberikan kepada baginda. Tetapi baginda cuma dapat menjelaskan sebanyak tiga bahara sahaja.

Raja Ali Haji pengarang Melayu-Bugis dari Pulau Penyengat, Riau dalam karyanya *Tuhfat al-Nafis* (1865) telah memberikan sebab ‘utang timah sebanyak 12 bahara’ itulah punca utama yang membawa kepada sekali lagi Bugis melancarkan serangannya ke Kedah (1771). Tetapi R. Bonney dalam sebuah monograf sejarahnya tidak menyetujui pendapat itu yang juga menjadi ikutan kebanyakan penulis sejarah selepas Raja Ali Haji. Ini disebabkan jarak masa berlakunya serangan awal dengan serangan terakhir Bugis itu agak lama iaitu hampir setengah abad (1724-1771).

Menurut R. Bonney, serangan Bugis terakhir itu sebenarnya berpunca daripada perpecahan yang berlaku di kalangan istana Kedah sendiri. Waktu itu timbul golongan pembesar yang menentang perlantikan Tunku Abdullah sebagai bakal Sultan. Merekalah yang mengundang Bugis dari Selangor untuk menyebelahi mereka. Dalam bulan Mac 1771, angkatan Bugis pimpinan Raja Haji berjaya memusnahkan Kota Kuala Kedah dan seterusnya membakar hangus bandar Alor Setar termasuk

bangunan Balai Besar. Sultan Muhammad Jiwa sempat menyelamatkan diri dan berlindung di Kangar, Perlis.

Sebelum bertolak pulang ke pengkalan mereka, askar-askar Bugis itu telah merampas segala harta benda yang berharga termasuklah sebelas buah tongkang kepunyaan sandagar Cilia (India) dan 300 pucuk meriam tembaga dari Kota Kuala Kedah.

Sewaktu melindungkan diri di Perlis, baginda cuba mendapat bantuan dari Syarikat Inggeris India Timur yang berpengkalan di Madras, India. Maksudnya disampaikan melalui sebuah anak syarikat mereka bernama Jourdain diketuai oleh Kapten Francis Light yang waktu itu sedang berdagang di Aceh. Utusan baginda ke Aceh kembali ke Kedah bersama Light pada 24 April 1771. Hasil rundingan awal, Light dibenarkan membina loji perniagaan untuk syarikatnya di Kuala Kedah. Light berjanji akan memberikan 100 orang askar supai untuk mengusir musuh Sultan.

Isi perjanjian awal itu juga mengandungi syarat-syarat yang mengenai belanja untuk mengurus perdagangan dan ketenteraan. Ekoran bantuan Inggeris itu baginda berjaya menghalau keluar orang-orang Bugis dari Kedah. Kesan serangan Bugis terakhir itu memperlihatkan satu era baru dalam sejarah perhubungan Kedah dengan kuasa Barat khususnya Inggeris. Baginda adalah pemerintah Melayu pertama di Tanah Melayu memeteraikan perjanjian persahabatan dan perdagangan dengan Inggeris.

Pada bulan April 1772, pihak Gabenor-Jeneral Inggeris di Bengala iaitu Warren Hastings telah mengirim wakilnya bernama Edward Monckton ke Kedah. Pada 19 April 1772 satu lagi perjanjian dibuat. baginda membenarkan Inggeris mengambil Kota Kuala Kedah serta kawasan tanah sepanjang 12 batu ke utara dan ke selatan dari Sungai Kedah dan sejauh tujuh batu ke darat hingga ke tempat yang bernama Batin. Sebagai balasam, Inggeris membawa beberapa buah kapal perang untuk mengawal pantai laut Kedah yang dibiayai dari pendapatan cukai di Kuala Kedah dan Kuala Perlis. Surat perjanjian itu ditandatangani oleh Datuk Paduka Seri Wangsa dan Datuk Hakim Maharaja Kankana bagi pihak baginda, sementara Monckton pula bagi pihak Inggeris.

Bagaimanapun mulai Julai 1772, hubungan kedua pihak mulai retak dan seterusnya baginda bertindak menamatkan perjanjian itu berikutkan kedegilan Inggeris memberikan sebarang bantuan ketenteraan kepada baginda. Baginda ingin bertindak balas terhadap serangan Bugis dan mendapatkan kembali segala harta benda yang dirampas oleh musuhnya itu. Pedagang Cilia dan pembesar baginda sendiri seperti Datuk Bendahara dan Datuk Laksamana yang telah kehilangan sumber utama pendapatan mereka bersabit dengan perjanjian itu, cuba mempengaruhi baginda agar membatalkan sahaja perjanjian tersebut.

Kemurkaan baginda tambah memuncak kerana sikap wakil Inggeris

terhadap baginda. Monckton dikatakan cuba mentohmah dengan memburuk-burukkan peribadi baginda dalam laporan yang disampaikan olehnya kepada Gabenor-Jeneral Inggeris di India.

Baginda pernah menyifat Monckton yang tidak sefasih Light berbahasa Melayu waktu itu dengan meluahkan kata-kata baginda seperti berikut :

"Tidak adakah orang lain yang boleh diantar untuk berunding dengan beta selain daripada budak gagap ini...."

Sultan Muhammad Jiwa mangkat dalam tahun 1778 setelah memerintah selama kira-kira 69 tahun, merupakan Sultan Kedah yang paling lama di atas takhta. Baginda diberi gelaran "Marhum Kota Setar I". Baginda dikenang sebagai tokoh pentadbir yang banyak mencipta pembaharuan di zamannya di samping pengasas bandar Alor Setar. Zaman pemerintahan baginda ditandai sebagai zaman yang penuh cabaran akibat ancaman orang-orang Bugis dan kesan sumpingannya membawa kepada permulaan hubungan Kedah dengan Inggeris pada akhir abad ke 18.

## **Surat-surat Sultan Muhammad Jiwa II.**

Walaupun perundingan-perundingan di antara Syarikat India Timur dengan Sultan Muhammad Jiwa terutamanya cadangan Syarikat itu untuk menubuhkan pengkalannya di Kedah tetapi gagal, namun hubungan baginda dengan Kapten Francis Light adalah baik. Hal ini dapat dibuktikan dari surat-surat yang dikirimkan oleh baginda kepada Light yang waktu itu menjalankan perniagaannya di Salang.

Dia antara surat-surat awal baginda yang dikirimkan kepada Gabenor-Jeneral Inggeris di madras yang telah dapat dikesan ialah suratnya yang bertarikh 20hb. April 1772. Di samping itu terdapat dua pucuk surat lagi yang baru ditemui selepas perang yang memurut Dr. Russel Jones berasal dari milik orang perseorangan. Dua pucuk surat tersebut yang bertarikh 1773 bersama tiga buah manuskrip Melayu lama lain diperolehi antara tahun 1958 hingga 1976 dan kini menjadi koleksi Perpustakaan Universiti Cambridge di London.

Kedua-dua pucuk surat itu jika diteliti kita akan dapat membuat beberapa kesimpulan yang menarik bukan sahaja dari segi isinya tetapi juga gaya dan istilah-istilah bahasa yang digunakan.

Surat Pertama ditulis pada hari Rabu tanggal 24hb. Zulhijjah 1186, tahun Ya (17hb. Mac 1773). Surat yang ditujukan kepada Kapten Light itu pada keseluruhanya dapat dibahagikan kepada dua bahagian iaitu mengenai sikap baginda terhadap Edward Monckton, wakil atau tuisan Syarikat India Timur (yang diperkatakan sebelum ini) dan juga kerjasama

atau bantuan yang diperlukan oleh baginda di bidang perdagangan.

Mengenai Edward Monekton yang disebut oleh baginda sebagai Mr. Monekton ternyata ketika menulis surat itu baginda masih lagi murka di atas tindak-tanduk yang dilakukan oleh Monekton terhadap diri baginda. Baginda menganggap kehadiran Mockton di negeri Kedah tidak menyenangkan baginda. Tidak suatu pun perbuatan Monekton itu menghasilkan kebaikan malah mendatangkan kerugian. Baginda menyifatkan perbuatan Mockton itu "jahat semata-mata".

Dalam surat itu juga baginda ingin tahu tentang barang dagangan yang dikirim ke Salang melalui saudagar-saudagarnya kerana sudah lama mereka tidak pulang ke Kedah. Selanjutnya baginda mengharapkan agar Light memberikan kerjasama dan bantuan kepada saudagar-saudagar dari Kedah jika mereka mengalami sebarang kesukaran atau masalah.

Di samping perkataan-perkataan tertentu seperti "Kuarandur" yang digunakan dalam surat itu paling menarik ialah katu-ganti "mika" yang disebut pada lima tempat dalam surat itu yang dirujukkan kepada diri Light. Istilah "mika" itu biasanya digunakan di Perak sahaja dan di sini timbul persoalan kenapa tidak digunakan istilah "awak", "engkau", "kamu" atau kalau di Kedah "hang", "hangpa/hampa (hang apa)" dan sebagainya. Apakah kata "mika" itu lebih halus, lebih hormat atau lebih sopan digunakan? Mungkinkah penulis istana atau penulis warkah itu berasal dari Perak? hal-hal seperti ini perlu dikaji lagi secara terperinci untuk mendapatkan jawapannya yang sebenar.

**Surat Kedua** yang juga ditujukan kepada Light ditulis pada hari Jumaat, 12hb. Syaaban, 1187, tahun dua Ya (29hb. Oktober, 1773) iaitu berselang kira-kira tujuh bulan lebih dari surat yang pertama tadi. Pada keseluruhannya isinya juga mengandungi dua perkara utama iaitu sebagai mengesahkan yang baginda telahpun menerima surat dan barang-barang dagangan yang dikirimkan oleh Light dari Salang dan juga alasan-alasan yang diberikan oleh baginda mengapa baginda tidak dapat menuaikan permintaan Light.

Dalam surat itu ada menyebut barang dagangan yang dikirimkan oleh Light di samping timah ialah embalau dan kesumba. Light meminta baginda tolong menjualkannya dan juga meminta baginda membelikan beras untuknya sebanyak empat atau lima koyan. Malangnya menurut baginda, tiada saudagar yang sanggup membeli ketiga-tiga barang tersebut mungkin disebabkan harganya agak tinggi seperti yang tercatat dalam daftar yang dikirim oleh Light itu.

Baginda juga memberikan beberapa alasan mengapa beras yang diperlukan oleh Light sebanyak empat atau lima koyan itu tidak dapat ditunaikan oleh baginda. Ini jelas dapat dilihat pada ungkapan dalam surat itu yang berbunyi "Demikianlah hal negeri Kedah kerana baharu sangat lepas kesakitan lapar itu". Di sini memperlihatkan kepada kita

betapa kesan serangan Bugis ke Kedah yang diketuai oleh Raja Haji itu masih dialami oleh rakyat Kedah. Walaupun serangan itu berlaku pada tahun 1771 (kira-kira dua tahun sebelum surat itu ditulis), namun rakyat Kedah masih lagi menderita kesusahan, ramai yang mengalami kebuluran disebabkan penghasilan padi amat berkurangan di samping permusuhan akibat malapetaka serangan Bugis tersebut.

Baginda juga menyatakan kegagalan untuk mendapatkan beras sebanyak yang diperlukan oleh Light itu dari kapal-kapal luar seperti Aceh disebabkan mereka tidak membawa beras sedikit pun.

Dengan terdapatnya dua pucuk surat Sultan Muhammad Jiwa bertarikh 1773 itu, sudah tentu dapat menambahkan lagi bahan penulisan sejarah tanahair khususnya sejarah negeri Kedah Darul Aman.

Walaupun kandungan warkah itu agak terhad, namun sedikit sebanyak dapat kita perolehi gambaran bentuk perdangan yang dijalankan di Kedah pada zaman Sultan Muhammad Jiwa II dalam abad ke-18. Di samoing mengamalkan sistem bertukar-tukar barang, terdapat sistem Monopoli Diraja. Sistem ini berterusan hingga ke zaman pemerintahan putera baginda iaitu Sultan Abdullah Mukarram Shah II iaitu Sultan Kedah yang ke-20.

Begitu juga dapat kita ikuti hubungan perdagangan di antara Kedah dengan negeri-negeri jirannya khususnya Aceh dan Salang. Betapa eratnya hubungan perdagangan dan betapa mesranya hubungan persahabatan di antara Sultan Muhammad Jiwa II dengan kapten Francis Light dapat kita lihat bagaimana baginda membahasakan diri Light dalam surat-suratnya. Baginda menyebut Light sebagai "Kapitan Dewa Raja" dan di hadapan gelaran itu disebut "Anak kita Light" pada permulaan setiap suratnya.

Kepada ahli-ahli bahasa, mereka dapat mengkaji lebih mendalam gaya bahasa, gaya penulisan dan istilah-istilah tertentu yang terdapat dalam surat-surat tersebut termasuklah sistem ejaan yang digunakan pada zaman itu sekurang-kurangnya dalam abad kelapan belas, khususnya ejaan jawi.

Dengan terdapatnya kedua pucuk surat ini dapat menjelaskan lagi kesahkan fakta mengenai tarikh atau tahun-tahun Sultan Muhammad Jiwa Zainal Adilin Mu'adzam Shah berada di atas takhta. Tarikh pemerintahan baginda yang sebelum ini dicatatkan seperti yang dihuraikan sebelum ini iaitu 1710-1760 Masihi jelas tidak dapat dipakai lagi, kerana tahun 1773 seperti yang tercatat dalam kedua warkah itu membuktikan baginda masih lagi hidup dan menjadi Sultan. Menurut sumber-sumber sejarah terakhir masa kini, baginda mangkat dalam tahun 1778.

## LANGKASUKA DARI KACAMATA PENULIS SILAM KEDAH

Terdapat sekurang-kurangnya tiga buah buku yang mengisahkan sejarah negeri Kedah Darul Aman yang diusahakan oleh penulis-penulis tempatan anak watan Kedah. Walaupun pada bahagian awal setiap karya mereka tidak banyak mengaitkan Kedah dengan sejarah "Langkasuka" namun sedikit sebanyak dapat menokok-tambah pengetahuan kita mengenai sejarah negara Langkasuka itu dari kacamata mereka.

Tiga karya yang dimaksudkan itu ialah :

- i. Hikayat merung Mahawangsa
- ii. Salasilah Atau Tark Kerajaan Kedah (1329H/1911H)
- iii. Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah (1347H/1928)

Hikayat Merung Mahawangsa (HMMW) tergolong sebagai sebuah karya historiografi atau sastera-sejarah yang terkenal di Nusantara ini seperti juga dengan Hikayat Raja-Raja Pasai, Hikayat Patani, Sulalatus-salatin atau Sejarah Melayu karya Tun Seri Janang dan sebagainya. Sebaimana juga dengan karya-karya historiografi lain yang menyelitkan asal-usul nama tempat atau negeri seperti asal-usul nama Singapura dan Melaka dalam Sejarah Melayu, dan asal-usul nama Samudera dan Pasai dalam Hikayat Raja-raja Pasai, maka siri yang sedemikian juga terdapat dalam (HMMW).

Pada awal HMMW dikisahkan Raja Merung Mahawangsa berasal dari benua Rum yang mendarat di persekitaran Gunung Jerai dengan selamat telah disambut dengan rasa takut dan hormat oleh penduduk di situ yang terdiri dari kaum gergasi. Mereka kemudiannya membantu Raja Merung Mahawangsa membina kota istana lengkap dengan balainya. Pengarang kemudiannya menyatakan :

"Setelah sudah balai itu maka dinamai akan dia Langkasuka kerana mengerjakan itu dengan makan minum dan bersuka-sukaan....."  
(Naskhah R.J. Wilkinson 1898, hal. 15)

Pada versi/naskhah lain nama asal Langkasuka itu ialah "Alangkah Suka" yang kemudiannya bertukar menjadi "Langkasuka". Berdasarkan HMMW bahawa kota Langkasuka dibangunkan di sekitar Gunung Jerai

dan keturunannya itulah yang merajai negeri Kedah sehingga ke datangan Islam. Kawasan ini kini yang dikenali sebagai kawasan peninggalan "Tamadun Lembah Bujang" banyak ditemui kesan-kesan sejarah sejak awal abad masih. Yang menariknya ialah salah satu artifak yang ditemui di tapak 27 sebelum perang Dunia Kedua berupa tali pinggang emas seberat 13 kali yang dipercayai ianya merupakan pakaian raja-raja silam. (JMRAS, 1940 : hal. 173). Jumpaan tersebut membuktikan sistem beraja sudah wujud di Kedah sejak bermulanya tamadun Lembah Bujang pada awal abad masih lagi.

Nama Langkasuka juga disentuh dalam "Salasilah Atau Tareh Kerajaan Kedah" (SATKK) karya Wan Yahya Wan Mohd. Taib. Menurutnya "Langkasuka" juga terkenal dengan nama negeri "Lindungan Bulan" diterokai oleh Merung Mahawangsa pada 6.30 masih apabila dia mendarat di kaki Gunung Jerai. Walaupun terdapat persamaan dengan HMMW namun SATKK menambahkan beberapa fakta lagi berkaitan dengan Kerajaan Langkasuka itu. Antaranya dicatatkan bahawa cucu Merung Mahawangsa berusaha meluaskan wilayah Kerajaan Langkasuka tetapi kedua-duanya datang dari tempat yang sama di Asia Barat. Kalau Merung Mahawangsa berusaha meluaskan wilayah Kerajaan Langkasuka sehingga ke sebelah utara, timur dan selatan. Di samping itu ramai orang-orang Siam yang berhijrah ke Negeri Langkasuka.

Dalam "Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah" (ASNK) karya Muhammad Hassan bin Dato' Kerani Muhammad Arshad walaupun terdapat perbezaan nama raja yang mengasaskan Kota Langkasuka tetapi kedua-duanya datang dari tempat yang sama di Asia Barat. Kalau Merung Mahawangsa berasal dari Rum (Parsi), maka Maharaja Derbar Raja dalam ASNK juga berasal dari Parsi iaitu di wilayah Gumurun. Sebaik-baik angkatannya tiba di Kuala Qalha (Kuala Merbok, juga di persekitaran Gunung Jerai), mereka disambut oleh pembesar tempatan di situ iaitu Tun Derma Dewa dan Tun Perkasa. Akhirnya Maharaja Derbar Raja dilantik sebagai raja.

ASNK kemudiannya mengisahkan pembinaan Kota Langkasuka di hulu sungai itu lengkap dengan kota istana dan balai serta tiga buah pintu gerbang (Muhammad Hassan, 1928 : hal. 408). Dibandingkan dengan kedua penulisan tadi, jelas Kerajaan Langkasuka dibangunkan di persekitaran tempat yang sama iaitu di sekitar kaki Gunung Jerai atau yang kini terkenal dengan "Lembah Bujang" pusat tamadun Melayu sebelum kedatangan Islam di negeri ini.

Walaupun terdapat beberapa perbezaan dari segi nama raja yang mengasaskan Kerajaan Langkasuka itu, tetapi persamaannya yang jelas jalah dari sudut lokasi letaknya Kerajaan Langkasuka itu. Ketiga-tiga buku itu mendakwa "Langkasuka" adalah terletaknya di Negeri Kedah bermula di sebelah pantai barat selatan negeri itu. Sejauh manakah dakwaan ini benar atau tidaknya terpulanglah kepada penyelidikan yang lebih mendalam lagi. Satu yang harus kita fikirkan ialah perkataan "Langkasuka" itu hampir sama "Langkapuri", "Langkawi" dan "Seri Langka" (Ceylon) yang kesemuanya terletak di barat Semenanjung. Apakah nama-nama ini mempunyai kaitan antara satu sama lain atau terjadi secara kebetulan..

Mencari di mana letak sebenarnya Langkasuka sama ada di Patani, Kedah dan Aceh adalah satu persoalan yang menarik. Ini kerana masih terdapat dua nama tempat lagi dalam karya-karya tempatan yang disebutkan tadi berbeza pendapat pemilisnya malah pendapat umum sekarang, di Kedah khususnya. Misalnya nama "Kota Aur" kota yang diperbuat dari bulih. HMMW menyebut di hilir Sungai Muda sementara dalam ASNK menyatakan "Kota Ok" (juga daripada perkataan aur) terletak di dalam Mukim Sok, di Daerah Sik, di timur Kedah. Begitu juga "Pulau Langkapuri", kedua-dua teks mempunyai pendapat yang sama iaitu sama dengan "Pulau langkawi" sekarang. HMMW menyebut di situlah berlakunya kisah perang Anduman atau Hanuman dan Seri rama sementara dalam kitab klasik India seperti Ramayana atau Mahabharatta mencatatkan perang itu berlaku di Seri Langka yang dahulunya disebut Ceylon.

Berdasarkan catatan ahli-abli pelajaran China sejarah Dinasti Ling (502-556M), Kerajaan Langkasuka yang mengamuk agama Hindu memang pernah wujud. Duta Kerajaan Langkasuka pernah berkunjung ke Istana Maharaja China. Antara kebesaran Raja Langkasuka yang digelar "Bhagadatta" (515M) diceritakan mana-mana baginda berangkat, baginda menaiki gajah yang mempunyai bumbung atau langit-langit. Semua rakyatnya akan berbaris mengiringi Raja dengan membawa panji-panji dan memalu gendang. Raja dan pembesar memakai tali pinggang emas sebagai bekung dan menggantung subang ditelinganya apa yang menariknya kenyataan dari Sejarah Dinasti Liang ini ialah jika dikaitkan dengan penemuan "tali pinggang emas" seberat 13 kati hasil curigai Wales di tapak 27 di Lembah Bujang di samping kerangka atau tempat duduk berhumbung di atas gajah ternyata gambaran Maharaja Langkasuka itu ada kebenarannya.

Penulis dan sejarawan Ahmad Fathy al-Fatani menyebut berdasarkan Negara Kertagama, (Sejarah Kerajaan Majapahit) bahawa ibu kota Patani bernama "Jere", suatu sebutan yang hampir sama dengan perkataan "Jerang" atau "Jerai" dalam Bahasa Melayu dan beliau menambah bahawa dalam sumber Sejarah China juga ada menyebut tempat yang bernama "Jerang" itu terletak di tepi laut.

Secara kebetulan, kenyataan ini juga ada persamaannya dengan Kedah. Nama "Jerai" juga diabadikan kepada sebuah gunung tertinggi di Kedah di mana di persekitarannya itulah terletak Lembah Bujang yang banyak meninggalkan kesan-kesan sejarah tamadun Melayu di zaman silam. Malah almarhum Sultan Abdul Hamid Halim Shah (Sultan Kedah ke-26, 1882-1943) dalam surat-menyuratnya dengan Kerajaan Siam menyebut Kerajaan atau Negeri Kedah sebagai "Cerai buri" atau "Jeraiburi" yang dirujuk kepada nama Gunung Jerai.

Sehingga kini persoalan di mana sebenar letaknya Kerajaan Langkasuka ini samada di Kedah atau Patani belum lagi terungkai. Apa yang jelas dalam setiap kajian atau teori yang dikeluarkan mengenainya, nama Kedah dan Patani saling bergandingan. Berdasar prasasti Ligur 775M, Kerajaan Sriwijaya yang berpusat di Palembang itu pernah menakluk Semenanjung termasuk Langkasuka. Srivijaya dikatakan telah menjadikan Langkasuka sebagai pusat pemerintahan empayaranya di Semenanjung melalui dua pelabuhan terpenting iaitu Pengkalan Bujang di barat dan Patani di timur Semenanjung.

# **MAHSURI, PUTERI LINDUNGAN BULAN DAN RAJA BERSIUNG : ANTARA MITOS, SEJARAH DAN LAGENDA**

## **(A) MAHSURI**

### **1. PENDAHULUAN**

Penyelidikan dan pengumpulan cerita Mahsuri dari dalam dan luar Pulau Langkawi setakat ini dapat dikesan dari dua sumber :

- 1.1. Berdasarkan kajian ilmiah yang diusahakan oleh saudara Ramlee Shariff (RS) dari Universiti Malaya, 1981 yang menggolongkannya kepada tiga bahagian :
  - 1.1.1. Versi 1 hingga 8, dalam bentuk lisan.
  - 1.1.2. Versi 9 hingga 13, dalam bentuk tulisan (buku, rencana dan skrip drama).
  - 1.1.3. Versi 14, dalam bentuk filem.
- 1.2. Berdasarkan kajiselidik oleh Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Kedah Darul Aman dan Muzium Negeri Kedah. (PSMCK / MNK)
  - 1.2.1. Di Langkawi, pada 22-24 September, 1988 melalui empat orang pencerita termasuk En. Din bin Kassim yang pernah ditemubual oleh RS (Versi 1)
  - 1.2.2. Di Phuket (Kampung Kemala), pada 18-22 Disember, 1988 dan pada 25-30 Mei, 1989.

### **2. Unsur Mitos Dan Lagenda.**

Sebagai sastera rakyat yang disebarluaskan melalui lisan, cerita Mahsuri memiliki sifat improvisasi iaitu pengurangan penambahan kepada cerita yang diwarisi. Kerana itu terdapat beberapa perbezaan dan persamaan di antara versi-versi cerita Mahsuri di samping unsur-unsur keajaiban yang menjadikan tokoh Mahsuri itu sebagai tokoh sejarah yang bersifat lagenda.

Antara contoh-contoh yang berkaitan dengan mitos dan legenda itu adalah :

### 2.1. Sebelum Mahsuri dilahirkan

- 2.1.1. Menemui ular itik (ular cintamani), dibakar / dimasak lalu dimakan oleh ibu Mahsuri.
- 2.1.2. Menemui kerak nasi berteriak (berasal dari semangat padi).
- 2.1.3. Sirih yang ditanam telah berbunga.
- 2.1.4. Serai juga berbunga dan ada emas / kalaurun di bawah pergunya.

### 2.2. Sesudah Mahsuri dilahirkan

- 2.2.1. Mahsuri menangis tak berhenti-henti. Kemudiannya dapat diatasi setelah gong entas yang diperolehi melalui mimpi telah dipadu (RS, Versi 9).
- 2.2.2. Mahsuri dimandikan di sebuah lubuk, airnya bertukar menjadi beku seperti kemenyan. Tempat itu dipanggil "Lubuk Kemenyan".
- 2.2.3. Keluar cahaya memancar-mancar menyinari isi rumah.
- 2.2.4. Mahsuri lahir pada malam 27 Ramadhan. Unggas dan binatang yang melata di bumi mendekati rumah ibu-bapa Mahsuri sebagai menyambut kelahirannya (RS, Versi 4).
- 2.2.5. Air telaga menjadi beku seperti salji atau agar-agar.
- 2.2.6. Semua pokok sujud ke arah rumah dan bau harum di sekitar halamananya (RS, Versi 2).
- 2.2.7. Padi dan lain-lain tanaman sangat menjadi.
- 2.2.8. Ayahnya menemui sarang burung laut yang sangat mahal harganya.

### 2.3. Sesudah Mahsuri dihukum mati

- 2.3.1. Berlaku gempa bumi diikuti dengan ribut (RS, Versi 11).
- 2.3.2. Memohon hendak beri makan anaknya tujuh biji kuih dan kehendaknya diizinkan (Versi PSMCK/MNK).

## 2.4. Sesudah Mahsuri mati

- 2.4.1. Burung-burung mengepakkan sayapnya menaungi tubuh Mahsuri yang sudah terkulai (Versi PSMCK/MNK).
- 2.4.2. Sewaktu Mahsuri ditikam, keluar darah putih memancut ke atas, kembang seperti payung tidak setitik pun gugur ke bumi.

## 3. Beberapa pandangan yang berbeza dari sudut peristiwa.

### 3.1. Sumpah Mahsuri

Peristiwa "Sumpah Mahsuri" ini merupakan kemuncak dari seluruh cerita Mahsuri yang kesannya masih lagi diperkatakan. Sumpahannya : "Pulau Langkawi akan menjadi pindang jarak padang terukur dan tidak akan aman sampai tujuh keturunan". Ada versi yang mengaitkannya dengan "Keturunan Dato' Pekerma Jaya" pembesar yang mentadbir Pulau Langkawi dan ada yang menafsirkannya sebagai "Keturunan Raja / Sultan Kedah darul Aman" seperti senarai berikut :

- 3.1.1. Salasilah Dato' Pekerma Jaya, hasil temubual RS dengan Cik Razak Darus di Lorong Seri Hujung, Jalan langgar, Alor Setar pada 23 Oktober, 1980 :-
  - (1) Dato' Perkema Jaya, (2) Dato' Perkema Ali,
  - (3) Cik Md. Saman, (4) Cik Yom,
  - (5) Cik Nahu, (6) Cik Mahmud,
  - (7) Cik Razak.
- 3.1.2. Berdasarkan temubual PSMCK / MNK dengan Panglima Ibrahim bin Mat, di Padang Matsirat, Langkawi pada 23 September, 1988 :-
  - (1) Dato' Perkema Jaya, (2) Dato' Perkema Ali ,
  - (3) Tok Mat Jiwa, (4) Cik Mat Saman,
  - (5) Cik Yong / Yom (6) Cik Nahu
  - (7) Cik Mahmud.

- 3.1.3. Salasilah Kesultanan Kedah Darul Aman (bermula dari Marhum Kayang II)
- (1) Sultan Dhiauddin Mukarram Shah (1797-1804),
  - (2) Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah II (1804-1845),
  - (3) Sultan Zainal Rashid Muazzam Shah (1845-1854),
  - (4) Sultan Ahmad Tajuddin Mukarram Shah (1854-1879),
  - (5) Sultan Zainal Rashid Muazzam Shah II (1879-1881),
  - (6) Sultan Abdul Hamid Halim Shah (1882-1943),
  - (7) Sultan Badlishah (1943-1958).

### 3.2. Darah Putih

- 3.2.1. Hampir semua versi menyebutkannya dan kebanyakannya menyimpulkan bahawa "darah putih" yang mengalir di dalam tubuh Mahsuri itu melambangkan kesucian, bersih dari segala kejahatan di samping melambangkan Mahsuri itu benar-benar memiliki paras yang amat cantik.
- 3.2.2. Ada pendapat yang menyatakan bahawa "darah putih" itu bukan sebenarnya darah tetapi ialah air susu kerana sewaktu Mahsuri dibunuh, ia baru saja melahirkan anak.
- 3.2.3. Perbezaan lain yang ketara dalam kebanyakan versi ialah mengenai perwatakan seperti bilangan anak Mahsuri dan namanya, nama suami Mahsuri dan asal-usulnya dan begitu juga senjata yang digunakan untuk menghukum mati Mahsuri. Kebanyakan versi yang menyebut 'keris' ada pula versi yang menyebut lembing, tombak atau jembila.
- 3.2.4. Pencerita En. Din Kasim agak berbeza dengan lain-lain pencecita Mahsuri. Beliau dapat digolongkan sebagai penglipurlara sebenar kerana keahliannya dalam bercerita. Beliau banyak menggunakan kata-

kata bersajak atau bahasa berirama seperti dalam beberapa kutipan berikut :

- 3.2.4.1. "Aku sumpah Pulau Langkawi tak aman selama tujuh keturunan, jadi padang jurak padang terkukur, garam tak masin, lada tak pedas, Saffan-Saffa, dakkan-dakka". (Versi PSMCK/MNK)
- 3.2.4.2. Yang menariknya bukan sekadar Mahsuri sahaja yang bersumpah, malah suaminya yang berhijrah ke Phuket, sebaik tiba di sana ia juga turut bersumpah, "Pulau Langkawi! Jangankan kami nak balik ke sana, hala kencing pun kami tak bulur". (Versi PSMCK/MNK)
- 3.2.4.3. Ketika bapa Mahsuri yang ingin ke laut telah dinasihatkan oleh Tok Jong (bapa angkatnya) begini : "Manyah! Sejengkal pun laut, sehasta pun laut...."

#### 4. Dari sudut sejarah

Beberapa kesan peninggalan yang dikaitkan dengan sejarah Mahsuri yang setakat ini dapat dikesan ialah :

##### 4.1. Di Langkawi

- 4.1.1. Pusara Mahsuri di Kampung Mawat, Ulu Melaka.
- 4.1.2. Wujudnya watak-watak Dato' Perkema Jaya dan anaknya Dato' Perkema Ali dalam sejarah Kedah.
- 4.1.3. Tempat Mahsuri disulat iaitu 'Padang hangus' di Padang Matsirat.
- 4.1.4. Kesan-kesan serangan Siam di Langkawi seperti Kampung Beras terbakar di Padang Matsirat, Masjid Ulu Melaka dan Panji-panji Perang yang dipergunakan oleh Dato Perkema Ali yang kini diabadikan di Muzium Negeri Kedah.

#### 4.2. Di Phuket

- 4.2.1. Keturunan sebelah keluarga anak Mahsuri yang berada di Kampung Kemala, Phuket, Thailand.
- 4.2.2. Kawasan perkuburan anak Mahsuri dan keturunannya di pantai Phuket.
- 4.2.3. Artifak-artifak seperti senjata iaitu keris dan dua bilah pedang milik suami Mahsuri (Wan Derus) yang masih disimpan oleh keluarganya.

Kehidupan keluarga Mahsuri di kampung tersebut kini dalam keadaan aman dan mewah, seolah-olah mereka juga terlepas dari sumpahan mahsuri yang kini sudah genap tujuh keturunan / generasi iaitu :

- |                 |                |                  |
|-----------------|----------------|------------------|
| (1) Wan Hakim,  | (2) Wan Akil,  | (3) Wan Yuhyi,   |
| (4) Wan Husin   | (5) Wan Hashim | (6) Wan Sumaini, |
| (7) Wan Aishah. |                |                  |

## (B) PUTERI LINDUNGAN BULAN

### 1. PENDAHULUAN

Kisah ini juga berasal dari cerita lisan yang keroncongnya berlaku di Kampung Siputeh, Padang Sera dalam Daerah Kubang Pasu, yang menjadi pusat pentadbiran Kedah yang ketiga (1323 – 1626). Ceritanya ada kaitan dengan sebab utama Aceh menyerang Kedah kerana Raja Aceh ditipu oleh Sultan Sulaiman Shah yang memerintah Kedah waktu itu. Puterinya yang berdarah putih (Lindungan Bulan) telah ditukar dengan puterinya yang berdarah merah untuk dikahwinkan dengan Raja Aceh.

Antara pencerita terkenal ialah Haji Wan Mohd. Noor bin Wan Abd. Salam bekas imam di masjid Kampung Siputeh. Bagaimanapun terdapat perbezaan dalam beberapa hal dibandingkan dengan pencerita-pencerita lain terutamanya dari segi nama watak, masa berlakunya peristiwa itu dan lain-lain.

### 2. Dalam Bentuk Tulisan

Cerita Puteri Lindungan Bulan dalam bentuk tulisan kebanyakannya dilakukan selepas Perang Dunia Kedua antaranya :

- 2.1. "Kota SiPuteh" oleh Ashaari Abu Bakar (kini Dato' Haji Shaari Abu Bakar), tersiar dalam buku cenderamata terbitan Persatuan Guru Melayu Kedah, 1951.
- 2.2. "Tuan Puteri Lindungan Bulan" oleh Tom binti Abdul Razak (bekas Pelawat Sekolah-sekolah Melayu Kedah Selatan), tersiar dalam buku 'Rampai Bacauan' bersama dua cerita gubahannya iaitu "Mahsuri" dan "Tuan Puteri Bongsu Dengan Siput Kundang", terbitan Pejabat Karang-Mengarang Jabatan Pelajaran Persekutuan Tanah Melayu, 1952.
- 2.3. "Sejarah dan Cerita SiPuteh" oleh Dato' Haji Wan Ibrahim Wan Soloh, tersiar dalam majalah 'Kedah Dari Segi Sejarah' terbitan PSMCK, 1967.

- 2.4. "Lindungan Bulan" oleh Morad Ibrahim, 1995, berbentuk skrip drama/bangsawan yang pernah dipentaskan di MATIC, Kuala Lumpur 11-13 November, 1995 dan di Alor Setar, arahan beliau.
- 2.5. "Lagenda Puteri Lindungan Bulan" oleh Mohamed Roslan Abdul Malek, merupakan salah sebuah rencana dalam bukunya "Kesan Sejarah Dan Tempat-tempat Menarik – Negeri Kedah Darul Aman", terbitan Oscar Book International, Petaling Jaya, 1988.
- 2.6. Sebuah lagi rencana mengenai kisah Puteri Lindungan Bulan ini telah ditulis oleh Haji Ibrahim Ismail dalam bukunya "Sejarah Kedah Sepintas Lalu", Penerbitan Universiti Utara Malaysia, 1987.

### 3. Peninggalan Sejarah Di Kampung SiPuteh

#### 3.1. Yang dikaitkan dengan Puteri Lindungan Bulan

- 3.1.1. Nama tempat "SiPuteh" dikatakan berasal dari nama puteri berdarah putih. Ada yang menyatakan diambil daripada nama isteri Sultan
- 3.1.2. Kota SiPuteh – kesan-kesan runtuhannya / benteng yang dibina daripada tanah masih terdapat di kampung itu.
- 3.1.3. Makam yang dikenali sebagai "Makam Puteri Lindungan Bulan" terletak di kemuncak sebuah bukit kecil di situ,
- 3.1.4. Lubang tempat puteri disembunyikan oleh ayahandanya.
- 3.1.5. Pokok Lockan yang dikatakan berasal dari Aceh terdapat dikampung itu sahaja. Benih atau buahnya dibawa ke situ oleh tentera Aceh sewaktu menyerang kota itu.

- 3.2. Selain daripada kota / benteng tanah, beberapa kesan sejarah ditemui di kampung itu yang menunjukkan SiPuteh pernah menjadi pusat pentadbiran Kedah (Lihat : "Muhammad Hassan bin Dato' Kerani Muhammad Arshad, "Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah", Jelutong Press, Pulau Pinang, 1927, hal. 43-83, teks jawi. Antaranya :-
- 3.2.1. Matawang emas yang tertera nama "Sultan Sulaiman Shah".
- 3.2.2. Barang tembikar berasal dari Annam / China.
- 3.3. Menurut catatan sejarah, motif serangan Aceh ke Kedah (1619) oleh Iskandar Muda (Mahkota Alam) adalah disebabkan persaingan dalam penanaman dan penghasilan lada hitam. Setelah Kedah ditewaskan, Sultan (Sultan Sulaiman Shah II) dan permaisurinya bersama 6 ribu rakyat Kedah ditawan ke Aceh. Di samping terdapat nama kampung "Kampung Kedah" di Banda Aceh, terdapat satu bukti lagi penguasaan Aceh terhadap Kedah yang masanya berlaku lebih awal lagi iaitu berdasarkan sepasang nisan yang ditemui di Kampung Minyak (Minye) Tujuh., Aceh bertarikh 781 Hijrah (1380 Masihi). Menurut N.A. Halim dari Muzium Negara yang membuat penyelidikan di situ, bahawa nisan itu kepunyaan "Ratu Al-Ala" seorang Raja Perempuan yang memerintah Aceh. (Utusan Malaysia, 16 Julai, 1997). Di Kedah, Sultan yang memerintah ketika itu ialah Sultan Sulaiman Shah I (1373-1423). Dato' Haji Wan Ibrahim Wan Soloh mencatatkan pada zaman pemerintahan Sultan Sulaiman Shah I inilah berlakunya serangan Aceh, yang dikaitkan dengan kisah Puteri Lindungan Bulan.

## (B) RAJA BERSIUNG

Di sini hanya diperkatakan secara ringkas kesan-kesan sejarah yang ada kaitan dengan kisah Raja Bersiung dari sudut penulisan (*Hikayat Merung Mahawangsa*) dan juga kesan-kesan sejarahnya menurut tradisi lisan.

### 1. Berdasarkan Sumber Penulisan

Dalam *Hikayat Merung Mahawangsa*, terdapat sebuah tempat yang dikaitkan dengan kisah Raja Bersiung iaitu "Kota Aur" yang terletak berhampiran Sungai Muda (kini dalam Seberang Perai) sampai sekarang disebut dengan nama demikian. Raja Ong Maha Perita Deria (Raja Bersiung) dikatakan membina kota istananya di sini dengan alasan tempat itu tidak jauh dari laut (HMMW, teks jawi salinan Muhammad Yusuf Nasruddin, Pulau Pinang, 1898, hal. 46)

Dalam buku "Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah" karya Muhammad Hassan bin Dato' Kerani Muhammad Arshad ada menyatakan sebuah kota dinamakan "Kota OK" terletak di sebelah hilir, disekitarnya ditanami dengan pohon buluh. Dalam nota kaki yang diberi semula oleh penyusun semula buku ini (teks rumi, terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka, 1968, hal. 12) Kota Ok dikatakan terletak dalam mukim Sok, Daerah Sik.

Timbul persoalan di sini, di mana sebenarnya letaknya kota yang dibina oleh Raja Bersiung itu.

### 2. Berdasarkan Tradisi Lisan

- 2.1. Terdapat nama-nama tempat yang dikaitkan dengan peristiwa pelarian Raja Bersiung seperti Baling dan Siung.
- 2.2. Setiap objek atau binaan yang lama selalunya dikatakan kepunyaan Raja Bersiung. Antaranya
  - 2.2.1. Istana Raja Bersiung, terletak di Bukit Tinggi, Daerah Kubang Pasu. Sebenarnya istana itu didirikan oleh

Tunku Kudin atau Tunku Dhiauddin Ibni Sultan Zainal Rashid, Raja Muda Kedah (1859-1873).

- 2.2.2. Kubur Raja Bersiung, terletak di Kampung Seberang Tok Soh, Pinang Tunggal, Daerah Kuala Muda. (Berita Harian, 5 September, 1985). Sebenarnya kubur ini adalah kubur orang Islam (mungkin pahlawan atau ulama) kerana pada nisannya terukir petikan ayat-ayat Al-Quran.
- 2.2.3. Tiang bendera Raja Bersiung ditemui hasil galicari pihak arkeologis di kawasan Tikam Batu. Sebenarnya batu empat persegi berukiran itu hanya digunakan sebagai alas patung dewa Hindu. Kini diabadikan di Muzium Arkeologi, Merbok.
- 2.2.4. Dalam tahun 1983 kita dikejutkan dengan berita tentang penemuan sebilah keris kepunyaan "Raja Bersiung" di Kampung Bukit, Jeneri, Daerah Sik tetapi kemudiannya ternyata keris yang hulunya bertatahkan permata itu kepunyaan bekas Regent Kedah (Tunku Ibrahim) yang hilang dari simpanan.

## SEJARAH MAKAM DIRAJA, LANGGAR

MAKAM ini terletak kira-kira lapan kilometer dari Alor Setar telah dibina pada zaman pemerintahan Sultan Abdullah Al-Muazzam Shah Ibni Almarhum Sultan Ataullah Muhammad Shah, Sultan Kedah Darul Aman yang ke-17 (1698-1706) yang bersemayam di istana Kota Pinang. Dua orang Sultan lagi yang memerintah di situ ialah Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah I (1706-1709) dan kekandanya Sultana Muhammad Jiwa Adilin Mu'azzam Shah (1710-1778). Baginda kemudiannya memindahkan pusat pemerintahan ke Kota Setar (Alor Setar) pada tahun 1735.

Yang bertanggung jawab membina makam itu ialah Tunku Ibrahim, Raja Muda yang bersemayam di Limbong, iaitu adinda kepada Sultan Abdullah. Arahan untuk membina makam itu dikeluarkan oleh baginda pada hari Jumaat, 10 Muharam 1113 bersamaan 17 Jun 1701. (Muhammad Hassan bin Dato' Kerani Muhammad Arshad, *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah*, 1928: 109-110). Apabila Alor Setar menjadi ibu negeri, Sultan-sultan dan keluarga diraja yang mangkat, jenazahnya dibawa ke makam melalui Sungai Kedah yang bersambung dengan Sungai Tajar, Sungai Limbong dan Sungai Langgar. Sejak kemangkatan Sultan Zainal Rashid Muazzam Shah, Sultan Kedah ke-22 (1845-1854) barulah jenazah Diraja melalui jalan darat meskipun belum ada jalan raya yang sempurna.

Pelawat dari luar negeri yang terawal pernah melawat makam ini ialah J.R Logan, seorang peguam dan wartawan Inggeris dari Singapura yang berkunjung ke Kedah dalam bulan September 1851. Beliau dibekalkan enam ekor gajah oleh Sultan Zainal Rashid untuk melawat ke makam itu. (Ahmad Haji Salleh, *Kedah Dari Segi Sejarah*, Mei 1967: 3-4). Sementara Raja Chulalongkorn dari Thailand ketika mengunjungi Langkawi dan Alor Setar dalam bulan Mei 1890, juga telah melawat ke makam ini dengan menaiki kereta kuda/bogi dan baginda telah membantu pembinaan semula makam Almarhum Sultan Ahmad Tajuddin Mukarram Shah, Sultan Kedah ke-23 (1854-1879) seperti yang dapat dilihat sekarang. (Diari Istana Kedah Jawi, 1307H/1890M)

## KEDUDUKAN MAKAM

Berdasarkan pelan makam ini yang dilukis oleh Almarhum Dato' Tunku Fariduddin Haji bin Tunku Mansor (Tunku Seri Maharaja Lela) bertarikh 26 Mac 1985, kawasan makam itu dibahagikan kepada empat bahagian seperti berikut :

### Bahagian (A) :

Bahagian paling awal dibina oleh Tunku Ibrahim (1701), ianya mengandungi makam-makam lama sejak awal abad 18. Banyak pusara lama di sini tidak terdapat sebarang catatan pada nisaninya. Dato' Tunku Fariduddin dapat mencatat tiga sahaja iaitu 'Almarhum Bukit Pinang', 'Almarhum Kayang' dan 'Almarhum Melaka' (Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah II, Sultan Kedah ke-21 (1804-1845). Ada nisan yang mencatatkan nama tetapi tidak terdapat tarikh mangatnya. Kemungkinan salah satu daripadanya termasuk nisan atau pusara Daeng Perani, pahlawan Bugis yang terkorban dalam perperangan saudara di Kedah, (1726) iaitu di zaman pemerintahan Sultan Muhammad Jiwa (1710-1778), kerana nisannya sehingga kini tidak dapat ditemui atau dikesan. Sebagai seorang keturunan diraja dan pernah berkahlwin dengan puteri Kedah sudah pasti jenazahnya dimakamkan di Makam Diraja Langgar. Dalam sejarah Bugis di Nusantara pengarangnya menegaskan "... maka dimakamkan mayat Upu Daeng Perani itu betapa adat raja-raja mangat." (Raja Ali Haji, Riau: Tuhfat al-Nafis, Singapura, 1965 hal 68). Kebanyakan nisan di Bahagian B1, B2 dan C mencatat tarikh mangat dalam tahun hijrah sahaja.

Pusara-pusara lain yang terdapat termasuklah :

1. Wan Mahiran, iaitu isteri Sultan Zainal Rashid Muazzam Shah Sultan Kedah ke-23 (1845-1854).
2. Sultan Ahmad Tajuddin Ibni Sultan Zainal Rashid Sultan Kedah ke-24 (1854-1879).
3. Che Sepacendera (Isteri Sultan Abdul Hamid Halim Shah).
4. Che Samanirat (Isteri Sultan Abdul Hamid Halim Shah).
5. Wan Hajar binti Wan Ismail (Isteri Sultan Ahmad Tajuddin Mukarram Shah).
6. Tunku Abdul Aziz (Raja Muda), adinda Sultan Abdul Hamid, mangat 1907.
7. Tunku Yaakob Ibni Sultan Zainal Rashid (Raja Muda).

8. Tunku Dhiauddin (Tunku Kudin) Ibni Sultan Zainal Rashid. (Raja Muda Kedah dan Vice-Roy Selangor), mangkat 1909.
9. Wan Muhammad Saman bin Wan Ismail (Perdana Menteri), mangkat 1898.
10. Haji Muhammad Taib Al-Mas'udi Al-Banjari Titi Gajah (ulama & Mufti Kedah).

### **Bahagian (B)I:**

Bahagian ini mengandungi pusara putera puteri Sultan Zainal Rashid, Sultan Ahmad Tajuddin dan Sultan Abdul Halim (Sultan 24, 25, dan 26), di samping makam Sultan Abdul Halim Shah (1882-1943) dan Sultan Badlishah (1943-1958). Sultan Kedah ke-26, pusara-pusara lain termasuklah:

1. Wan Jah binti Long Nik Abidin (Isteri Sultan Ahmad Tajuddin Mukarram Shah) yang berasal dari Patani.
2. Sharifah Seha binti Syed Hussain (Isteri Sultan Abdul Hamid - perkahwinan mereka berlaku di Lubuk Pusing, Daerah Kuala Muda).
3. Che (Makcek) Majalara (Isteri Sultan Abdul Hamid), mangkat 1941 - bonda Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra.
4. Che Laraseh Ishak (Isteri Sultan Abdul Hamid).
5. Tunku Kassim - Tunku Laksamana (Putera Sultan Abdul Hamid).
6. Tunku Mohammad Jiwa - Tunku Temegung (Putera Sultan Abdul Hamid).
7. Tunku Mohammad (Putera Sultan Abdul Hamid) - Raja Muda, yang mangkat di Singapura pada 17 Mac 1935.
8. Tunku Ibrahim - Regent (Putera sulung daripada 45 orang putera Sultan Abdul Hamid (1884-1934).
9. Tunku Mahmud - Regent (adinda Sultan Abdul Hamid), mangkat 1937.
10. Tunku Yusof (Putera Sultan Abdul Hamid, seayahanda dan sebonda dengan Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj) yang mangkat di Bangkok pada 3 April 1915 dan dipindahkan ke Makam Diraja ini pada 7 Mei 1976 oleh Tunku.
11. Haji Wan Sulaiman bin Wan Sidik (Ulama dan Syaikul-Islam Kedah), mangkat 1935.

### **Bahagian (C) :**

Mengandungi pusara putera puteri Sultan Abdul Hamid, Tunku Mahmud dan putera puteri sultan yang terdahulu. Pusara Tunku Ambon (Embon), saudara 'Almarhum Melaka' dengan lain bonda yang dianggap pembelot/penderhaka yang menyebabkan negara Ligor/Siam menawan Kedah (1821) juga terdapat di Bahagian (A) tetapi dipindahkan ke luar kota (kini Bahagian C) atas perintah Almarhum Melaka pada tahun 1841 (Muhammad Hassan: 263-264).

### **Bahagian (B) 2 (sambungan dari Bahagian B 1)**

Kehanyakannya mengandungi pusara putera puteri Sultan Abdul Hamid seperti Tunku Shuib, Tunku Abdul Majid, Tunku Kalsum, Tunku Amitah dan lain-lain. Pusara Tunku Nong Jewa (Presiden Persatuan Sejarah keda yang pertama) mangkat 14 November 1997 juga terdapat di sini.

### **Bahagian (D)**

Sehingga 1989 belum digunakan. Kini terdapat 8 pusara lebih antaranya pusara Jeneral Tunku Osman Jiwa (mangkat 1994) dan pusara Tunku Ampuan Asma

## KESINAMBUNGAN SEJARAH DEWAN UNDANGAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN

KEDAH Darul Aman sudah pun memperkenalkan dan memperkembangkan sistem pentadbiran yang tersendiri lagi moden semenjak akhir abad kesembilan belas, sewaktu masih berada di bawah naungan Kerajaan Siam lagi. Bermula dengan pemerintahan Almarhum Sultan Ahmad Tajuddin Mukarram Shah (1853-1879), Kedah memasuki era pembangunan dan pemodenan.

Hal ini berterusan sehingga berlakunya peralihan kuasa naungan terhadap Kedah dari Siam kepada British pada 15 Julai 1909. Almarhum Sultan Abdul Hamid Halim Shah (1882-1943) di awal pemerintahannya telah mengadakan kunjungan ke beberapa buah negeri seperti Thailand, India, Burma dan Eropah bertujuan untuk meluaskan lagi pengalaman dan pengetahuan baginda dalam membangunkan negeri. Usaha-usaha yang dirintis oleh ayahanda baginda sebelumnya dipesatkan lagi sehingga baginda pernah digelar ‘Bapa Kedah Moden’ kerana kejayaannya yang cemerlang di bidang tersebut.

Dalam proses menjayakan pembangunan negeri pada peringkat awal baginda dibantu oleh para pemimpin yang berkebolehan termasuk keluarganya sendiri seperti Tunku Abdul Aziz (Raja Muda), Tunku Mahmud, Tunku Ibrahim dan Wan Muhammad Saman. Sejak tahun 1870 lagi iaitu di zaman Sultan Ahmad Tajuddin Mukarram Shah, Wan Muhammad Saman telah dilantik sebagai Perdana Menteri. Sejarawan Prof. Dato’ Khoo Kay Kim pernah menegaskan bahawa, “Kedah dapat mengembangkan sistem politik yang lebih tersusun daripada negeri-negeri Melayu barat (Perak, Negeri Sembilan dan Selangor) sebelum campurtangan Inggeris kerana Kedah sudah pun mempunyai pegawai-pegawai berpengalaman dan dapat memainkan peranan yang berkesan dalam sistem pentadbiran. Kerana itu juga Kedah tidak pernah bergantung kepada begitu ramai pegawai Inggeris sebagaimana Perak dan Selangor.”

Sejarah kewujudan Dewan Undangan Negeri Kedah Darul Aman bermula sejak 90 tahun yang lalu dengan penubuhan “Majlis Negeri” (State Council) oleh baginda Sultan Abdul Hamid Halim Shah bertempat di Balai Besar, Alor Setar pada 1 Jamadilakhir 1323 bersamaan 3 Ogos 1905. Kelahirannya adalah seiring dengan penubuhan Pejabat Setiausaha Kerajaan (Oktober 1905). Che Mohd. Ariffin bin. Mohd. Arshad adalah

merupakan Setiausaha Kerajaan Negeri yang pertama (1905-1922) dan beliau juga bertindak sebagai Setiausaha Sultan sebelum itu.

Baginda Sultan Abdul Hamid telah melantik adindanya Tunku Abdul Aziz selaku Presiden Majlis Negeri yang pertama. Ahli-ahli lainnya ialah Mohd. Ariffin Mohd. Arshad, Syed Abdullah Al-Mahdali (Pegawai Perbendaharaan), Haji Muhammad (Hakim Besar), W.J.F. Williamson (Penasihat Kewangan), dan Tunku Ibrahim Ibni Sultan Abdul Hamid Halim Shah selaku Setiausaha Presiden Majlis Negeri. Dalam tahun 1907 baginda telah melantik adindanya Tunku Mahmud sebagai Presiden Majlis Negeri menggantikan Tunku Abdul Aziz yang mangkat pada tahun itu. Setelah berlakunya peralihan naungan daripada Kerajaan Siam kepada Kerajaan Inggeris (1909), kedudukan ahli-ahli Majlis Negeri semakin bertambah bilangannya dengan bertambahnya jabatan-jabatan penting. Ahli Majlis Negeri pada tahun 1912 ialah Tunku Mahmud (Presiden), Tunku Ibrahim, Syed Hassan Shahabuddin (Hakim Besar), W.G. Maxwell (Penasihat Inggeris), Mohd. Ariffin Mohd. Arshad (Setiausaha Kerajaan), Mohd. Sherif Osman (Setiausaha Majlis Negeri), dan G. Gorman (Jurutera Negeri).

Selepas Perang Dunia Kedua, dan dengan terbentuknya Persekutuan Tanah Melayu (1948), jawatan Penasihat British telah dimansuhkan, digantikan dengan jawatan Menteri Besar. Sejak itu Kedah mempunyai dua Majlis Mesyuarat Kerajaan yang dipengerusikan oleh baginda Tuanku Sultan sendiri, dan Majlis Negeri pula dipengerusikan oleh Menteri Besar. Kedua-dua Majlis ini mengandungi ahli-ahli rasmi dari kalangan pegawai-pegawai kuanan kerajaan, dan ahli-ahli yang tidak rasmi, bukan pegawai kerajaan yang mewakili kepentingan pelbagai kaum di negeri ini.

Di antara ahli dari golongan kedastra yang pernah dilantik pada peringkat awal itu termasuklah Ayob bin Abdullah, Hanafi bin Sukon, Haji Abdul Rahman bin Haji Ahmad, C. Moosa bin Haji Abdullah, Tunku Kassim Ibni Sultan Abdul Hamid Halim Shah, Haji Abdul Rahman bin Haji Abdullah, Syed Mohamed bin Syed Ali Idid, Syed Jan bin Syed Azkar Ali, Dr. Cheah Tun Lok, Haji Ismail bin Haji Ibrahim, Haji Hussain bin Che Dol, Mohd. Ismail bin Bapu Merican, Haji Osman bin Haji Endut, Soon Cheng Sun, Arshad bin Tengku Ismail, Ahmad bin Arif, Lee Thean Hin, Haji Mohd. Hashim bin Sheikh Mydin, Dr. C.K. Cheung, Dr. M. Sundara Rajan, Haji Mohd. Arshad bin Osman, Azahari bin Mohd. Taib, Mohd. Isa bin Mohamed, Tan Thye Chek, Haji Nyak Gam bin Nyak Abdullah dan Lim Teng Kwang.

Selepas Pilihanraya Persekutuan diadakan pada 27 Julai 1955, maka Majlis Mesyuarat Negeri bertambah lagi keanggotaannya. Mereka terdiri daripada ahli-ahli yang dipilih seramai 12 orang yang mewakili kawasan-kawasan tertentu iaitu Ibrahim Salleh (Kubang Pasu Barat), Haji Omar Haji Salleh (Jitra), Dr. Cheah Tun Lok (Alor Setar - Langkawi), Haji Ismail Haji Ibrahim (Kota Setar Barat), Arshad Tengku Ismail (Kota Setar Timur - Pendang), Lim Joo Kong (Kota Setar Selatan), Haji Hussain Che Dol (Jerai), Normah binti Kamaruddin (Sik - Gurun - Kota), Dr. Low Chin Seang (Sungai Petani), Azahari Mohd. Taib (Baling), Bibi Aishah binti Hamid Don (Kulim Utara) dan Zainuddin bin Haji Din (Kulim Selatan - Bandar Baharu).

Selepas persekutuan Tanah Melayu mencapai kemerdekaan (31 Ogos 1957), Pilihanraya umum pertama untuk Dewan Undangan Negeri diadakan pada 15 April 1959. Sebelum itu Majlis Negeri yang diasaskan sejak tahun 1905 telah dibubarkan pada 31 Mac 1959 digantikan dengan Dewan Undangan Negeri. Pada 9 September 1973, Dewan Undangan Negeri yang masih bertempat di Balai Besar telah dipindahkan ke bangunan Wisma Negeri yang dirasmikan oleh DYTM Tuanku Haji Abdul Malik Ibni Almarhum Sultan Badlishah, Pemangku Sultan Kedah waktu itu. Selanjutnya pada awal April 1993, Dewan Undangan Negeri berpindah pula ke bangunan barunya di Wisma Darul Aman yang dirasmikan oleh KDYMM Tuanku Sultan Haji Abdul Halim Mu'adzam Shah pada 15 April 1993.

## PEMBICARAAN BUKU ‘THE SULTAN WAS NOT ALONE’

Negeri Kedah Darul Aman sekurang-kurangnya ditandai dengan dua zaman yang berbeza tetapi hampir sama perjalanan sejarah dan peristiwanya. Zaman pertama yang dimaksudkan di sini ialah pada pertengahan pertama abad ke sembilan belas sewaktu Kedah di bawah pentadbiran tentera Ligur dari Siam sekitar 1821 - 1839.

Implikasi dari Artikel 13 Persetiaan Burney yang dimeterai antara Kerajaan Inggeris dan Siam pada 20 Jun, 1826, Almarhum Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah Kedua yang waktu itu berada di Pulau Pinang terpaksa ditempatkan di Melaka. Sepanjang perairan dan pantai Kedah di kawal rapi oleh kapal-kapal peronda Inggeris untuk menjamin keselamatan pendudukan Siam di Kedah dari sebarang pencerobohan dan pemberontakan yang bertujuan untuk memulihkan kembali kesultanan Kedah.

Tindakan Inggeris ini sudah tentu bertentangan dengan janjiannya sewaktu pengambilan Pulau Pinang dan Seberang Perai yang mengakui bahawa pihak Inggeris akan membantu Kedah jika ianya diserang atau diancam. Kerana itu tidak hairanlah bila berkobarnya semangat nasionalisme dan kebangkitan rakyat Kedah menentang penjajahan yang merupakan jutung-jutung kalinya tereetus di Semenanjung ini untuk menebus kembali maruah dan kedaulatan negara yang tergugat itu. Penentangan rakyat Kedah ini berkemuncak pada tahun 1838 dan 1839 apabila Tunku Muhammad Saad seorang wira diraja Kedah berjaya mengembelingkan tenaga hampir 10,000 orang dan berjaya mengundurkan tentera Siam dari bumi Kedah. Meskipun sesudah itu pihak siam berjaya menyekat kemaraan orang-orang Kedah itu, akhirnya pentadbiran tentera Siam di Kedah telah ditamatkan dan ketakhtaan kesultanan Kedah dapat dipulihkan semula.

Di antara ribuan perjuangan yang terlibat dalam peristiwa tersebut, nama Almarhum Melaka atau Sultan Ahmad Tajuddin kedua juga tergolong sebagai seorang wira yang jatuh bangunnya tetap bersama rakyat. Sewaktu di Melaka, baginda pernah melengkapkan angkatannya di Berus untuk menyerang Siam di Kedah tetapi dapat digagalkan oleh Inggeris. Baginda pernah mengutus surat beberapa kali kepada pihak Inggeris mengecam tentang tindakan yang dilakukan terhadapnya.

Arus kedua kebangkitan rakyat Kedah, berlaku dalam abad kedua puluh ini iaitu sebaik-baik tamat perang Dunia Kedua sekitar tahun 1945

dan 1946. Kali ini tidak sahaja Kedah , tetapi seluruh Semenanjung bergolak. Perkenalan gagasan Malayan Union yang didahului dengan pengambilan tanda-tanda DYMM Raja-Raja Melayu bermula akhir tahun 1945 yang dikatakan diperolehi oleh Sir William MacMichael dalam situasi penuh rahsia dan dramatik itu, akhirnya telah meletuskan kemarahan dan bantahan orang-orang Melayu, apatah lagi bila mereka meneliti segala yang tersirat di sebalik isi perlumbagaan Malayan Union yang tidak murni itu.

Peristiwa 120 tahun yang silam, rupa-rupanya berulang kembali. Sebagaimana yang berlaku dalam dalam Artikel 13 Persetiaan Burney dalam tahun 1826, di mana Kerajaan Inggeris mengenepikan perjanjian yang dibuatnya sebelum itu dengan Sultan Kedah seperti yang diperkatakan tadi, maka begitulah halnya dengan telatah Inggeris ketika wakilnya MacMichael memeteraikan Triti Malayan Union dengan Kerajaan Kedah pada 2 November , 1945. Dalam hal ini sekali lagi pihak Inggeris mengenepikan Artikel 3 dalam Perjanjian Rasmi yang dimeterikan dengan Kerajaan Kedah pada 1 November, 1923 yang menegaskan bahawa "Kerajaan Inggeris tidak memindahkan naungannya ke atas Negeri Kedah kepada lain-lain Kerajaan dan tidak akan memasukkan atau disekutukan Negeri Kedah dengan lain-lain Negeri Melayu atau Koloninya yakni Negeri-negeri Selat melainkan dengan surat kebenaran Duli Yang Maha Mulia Sultan Kedah di dalam Council.

Seperti di Negeri-negeri lain di Semenanjung, gelora penentangan terhadap gagasan Malayan Union di Kedah tidak kurang hebatnya, malah Allahyarham Dato' Onn Jaafar seperti yang tersiar dalam Warta Negara bertarikh 31 Mei, 1946 telah menegaskan bahawa 'Anak Melayu Kedah adalah tulang belakang kepada perjuangan umat Melayu Semenanjung'.

Perhimpunan raksasa pertama berlaku di Padang Court tanggal 19 Januari, 1946 yang diterajui oleh beberapa parti politik ketika itu termasuklah Kesatuan Melayu Kedah dan Saberkas yang berjaya mengumpulkan seramai 50,000 orang lebih. Sementara perhimpunan berikutnya tanggal 30 Mei, 1946 telah berjaya menyerahkan memorandum bantahan kepada Kapten L.D. Gammans, salah seorang wakil dari Parlimen British yang hadir bersama. Di samping itu terdapat ramai orang-orang perseorangan dari Kedah yang menulis surat-surat bantahan ke London di samping mengirim telegram agar gagasan Malayan Union digugurkan. Mereka termasuklah Allahyarham Encik Ayob bin Abdullah dari Kulim, Allahyarham Tuan Haji k. Sultan Merikam, guru dari Kolej Sultan Abdul Hamid, juga Encik Wan Ibrahim Wan Soloh (kini Dato' Sri Amar DiRaja).

Sejarah lama berulang kembali. Perjuangan Almarhum Sultan Ahmad

Tajuddin Halim Shah II atau Marhum Melaka yang turut bersama rakyat menentang penjajah di abad ke 19 ada kesinambunganya di abad 20 ini. Tokoh yang dimaksudkan ialah Almarhum Sultan Badlishah ibni Almarhum Sultan Abdul Hamid Halim Shah. Dalam menghadapi suasana dunia dengan pemikiran yang seba canggih dan di tengah-tengah kemerlutan perjuangan rakyat Kedah menentang perlaksanaan Malayan Union. Baginda Almarhum Sultan badlishah tampil dan turut berjuang membela negara dan nasib rakyatnya dengan caranya yang tersendiri.

Di tengah-tengah kesibukan dengan tugas-tugas rasminya sebagai pemerintahan, disamping sering menghadiri Kongres Raja-raja Melayu untuk berbincang dan mencari jalan ke arah mengatasinya suasana yang menimpa diri baginda dan rakyat, rupa-rupanya lebih banyak masa baginda yang terluang di istana itu dikorbankan dengan meremungi segala perkembangan yang telah dan sedang dialaminya berkaitan dengan Malayan Union. Dari sini lahirlah beberapa pucuk warkah yang disusun dan ditulis oleh Baginda sendiri dalam Bahasa Inggeris untuk dihantar kepada pihak-pihak tertentu di dalam dan di luar negeri.

Maka di sini, Kedah Darul Aman agak bertuah kerana sebahagian daripada deraf surat-surat baginda yang amat berharga itu telah ditemui pada tahun 1983 dalam simpanan di Istana Anak Bukit oleh Muzium Negeri. Seterusnya Tuan Haji Ismail Haji Salleh berusaha pula menyusun kembali setelah mengkajinya dari segala aspek dan akhirnya lahirnya sebuah buku yang diberi judul "The Sultan Was Not Alone" penerbitan Muzium Negeri Kedah Darul Aman.

Kandungan buku "The Sultan Was Not Alone" setebal 54 halaman ini disusun begitu rupa menurut kronologi masa dan peristiwa yang mengandungi 22 tajuk semuanya. Dari tajuk-tajuk kecil itu pada keseluruhananya dapat kita membahagikan kepada empat bahagian. Bahagian pertamanya mengandungi deraf asal 6 pucuk surat yang lima daripadanya dikirimkan oleh Almarhum Tuanku kepada sahabat-sahabatnya di dalam dan di luar Semenanjung, sementara sepucuk surat lagi telah dihantar kepada pihak akhbar.

Surat pertama ditujukan kepada Almarhum Tuanku Abdul Rahman ibni Almarhum YamTuan Muhamad. Yang diPertuan Besar Negeri Sembilan. Surat-surat berikutnya dikirimkan kepada bekas pegawai-pegawai pentadbir Inggeris di Tanah Melayu yang telah bersara sejak sebelum dan menjelangnya Perang Dunia Kedua yang waktu itu sedang bermastautin di England. Misalnya Sir Shenton Thomas, bekas Gabenor Negeri-Negeri Selat mewakil Pesuruhjaya Tinggi Negeri-Negeri Melayu dan seorang lagi Encik Stowell yang pernah berkhidmat di Negeri Kedah selaku Pengusaha Pelajaran sekitar tahun 1933 hingga 1936.

Suratnya yang dikirimkan kepada akhbar walaupun dalam deraf asalnya tidak dinyatakan dengan jelas, namun menurut kajian penyusunan buku ini, besar kemungkinan ditujukan kepada akhbar "The Time" di London satu-satunya akhbar yang banyak menyiaran perbincangan yang berkaitan dengan Malayan Union yang rancak diperkatakan pada waktu itu. Di samping Almarhum Sultan Badlishah, seorang lagi anak Kedah, bekas siswa kejuruteraan di Universiti Cambridge di London sebelum perang, juga pernah menulis di akhbar tersebut kerana membantah perlaksanaan Malayan Union. Beliau ialah Tuan Haji Abdul Hamid Abdullah dari Seberang Perak, Alor Setar.

Keenam-entam pucuk surat ini jika dihalusi setiap satunya, beberapa kesimpulan yang agak menarik dapat dirumuskan. Pertama : disamping Raja-raja Melayu lain, ternyata Almarhum Sultan Badlishah mempunyai ramai sahabat dari kalangan pegawai-pegawai pentadbir Inggeris yang sependirian dan bersimpati dengan perjuangannya, berdasarkan kepada pengetahuan dan pengalaman mereka mengenai kelemahan politik dan pentadbiran Inggeris di Tanah Melayu sebelum perang. Dalam dua pucuk surat tersebut yang dikirimkan kepada Almarhum Tuanku Abdul Rahman dan Mr. Hine, kita temui lagi beberapa nama yang dinyatakan oleh Almarhum seperti Sir Anthony Eden, Lord Marchwood, Sir Frank Swettenham, Sir Richard Winstedt yang kepada mereka juga Almarhum mengirimkan salinan surat-surat bantahan yang dikirimkan kepada Setiausaha Negara bagi Tanah Jajahan waktu itu.

Kesimpulan kedua, dengan menghayati isi surat Almarhum itu dapat kita rasakan betapa luas dan tegasnya pandangan serta pemikiran Almarhum mengenai isi perlumbagaan Malayan Union yang amat bertentangan dengan aspirasi dan perjuangan Baginda serta rakyat seluruhnya. Melalui sindirannya yang sinis di sebalik bahasanya yang halus, Baginda berupaya menjawab dan menolak segala tuduhan-tuduhan yang dilemparkan kepada Baginda. Contoh utama mengenai sikap keberantian Baginda dalam hal ini dapat kita tatapi dalam suratnya yang dikirimkan kepada Almarhum Tuanku Abdul Rahman, di Negeri Sembilan kepada Encik Stowell, dan satu surat yang dikirimkan oleh Almarhum kepada Akhbar "The Time" di London.

Bahagian ketiga buku ini mengandungi tiga dokumen penting yang ada hubung kaitnya dengan perlaksanaan gagasan Malayan Union yang mungkin ramai di antara kita belum mengetahui atau melihat sepenuhnya. Dokumen pertama : merupakan kandungan surat tunjuk kuasa yang merupakan garis panduan yang diberikan kepada Sir Harold Mac Michael untuk menjalankan tugasnya di Tanah Melayu. Dokumen Kedua : adalah surat perjanjian atau Triti yang diperbuat di antara Kerajaan Inggeris

dengan Kedah pada 2 Disember, 1945. Almarhum yang menadatangani suriti itu disaksikan oleh YTM Tunku Yaakub ibni Almarhum Sultan Abdul Hamid, adinda baginda dan juga Allahyarbaum Tuan Haji Mohamad Shariff Osman, Menteri Besar Kedah waktu itu yang juga menurunkan tandatangan mereka masing-masing. Sementara dokumen yang ketiga : adalah juga beberapa kenyataan yang terkandung di dalam Laporan Mac Michael yang berkaitan dengan Kerajaan Kedah yang disampaikan olehnya kepada Setiausaha Negara Bagi Tanah Jajahan British.

Dalam bahagian ketiga buku ini kita bersua dengan 7 pucuk surat lagi yang mengemukakan pendapat dan protes orang-orang perseorangan terhadap gagasan Malayan Union yang kebanyakannya tersiar dalam akhbar 'British Malaya' di London. Sementara dari akhbar 'The Times' penyusuna memasukkan pula sepucuk surat yang ditandatangani oleh 17 orang bekas pegawai-pegawai Inggeris yang pernah berkhidmat di Tanah Melayu dahulu dan ini merupakan sokongan yang paling kuat kepada perjuangan dan penentang-penentang orang-orang Melayu terhadap gagasan Malayan Union.

Dalam bahagian terakhir, terdapat dua keratan akhbar harian berbahasa Inggeris yang juga menyentuh persoalan mengenai Malayan Union yang diterbitkan di tanah Melayu dalam tahun 1946 iaitu The Malay Mail dan The Malaya Tribune.

Satu kesimpulan lagi yang dapat dibuat, bahawa dari surat-surat itu juga dapat mencerminkan kepada kita betapa Almarhum seorang yang tenang dan lemah lembut perwatakannya. Dalam menghadapi sebarang tindakan Almarhum amat berhati-hati sekali dalam memilih dan menyusun serta melahirkan sesuatu kalimat atau ungkapan kata-kata yang hendak disampaikan. Jika ditambah dengan sumber-sumber lain lagi, maka kita tentulah merasakan bahawa amatlah tidak betul tentang peristiwa, dialog atau percakapan melalui telefon di antara Almarhum dengan adindanya, YTM Tunku Abdul Rahman Putra, pada 8 Disember 1941 menjelang kemastikan tentera Jepun ke Alor Setar, seperti yang dirakunkan di dalam sebuah buku "Biografi Tunku", terbitan tahun 1984 karya Tan Sri Mubin Shepard. Fakta yang diberikan pada halaman 73 dan 74 itu adalah tidak benar dan meneglirikan kerana ianya adalah bertentangan dengan hakikatnya yang sebenar.

Membicarakan sesebuah karya adalah tidak lengkap scandainya tidak dikaitkan dengan pengarang atau penyusunannya. Penyusun buku "The Sultan Was not Alone" ini dapat kita katakan seorang yang memiliki pengetahuan dan pengalaman yang banyak di bidang sejarah dan penulisan sejarah terutama yang berkaitan dengan Sejarah Negeri Kedah Darul Aman. Hasil dari pengkajian dan pembacaumannya yang luas

termasuk kajian yang beliau pernah lakukan semasa berkursus di London sekitar 1955 hingga 1957 dan sekali lagi pada tahun 1979 sedikit sebanyak berjaya dicernakannya dalam bukunya ini.

Kebolehan beliau dalam mentranskripsi semula dari deraf tulisan asal surat-surat Almarhum seperti yang dapat kita lihat, adalah sesuatu mengagumkan kerana bukan semua orang berupaya melakukannya tanpa pengamatan, penelitian dan kesabaran di samping memiliki pengetahuan yang secukupnya mengenai topik yang dibicarakan. Ini termasuklah perkembangan sejarah sebelum dan sejak awal gagasan Malayan Union diperkenalkan, juga tokoh-tokoh terpenting yang berkaitan dengan peristiwa ini, serta latarbelakang watak atau tokoh yang disebutkan oleh Almarhum dalam surat-suratnya yang dibicarakan oleh penyusun.

Adanya penambahan sumber-sumber sejarah yang bernilai termasuk petikan surat-surat dan keratan akhbar di dalam dan luar negeri, dapat melengkapkan lagi bahan-bahan yang terkandung dalam buku tersebut. Penyusun buku ini juga memberikan *footnote* atau catatan nota kaki untuk menjelaskan lagi fakta-fakta atau tokoh-tokoh terpenting untuk kemudahan pembaca dan para pengkaji.

Dengan terbitnya buku 'The Sultan Was Not Alone' ini, sesungguhnya kita berhadapan dengan sebuah antologi surat-surat peribadi seorang tokoh pejuang istana yang berkaitrapat dengan sejarah pergolakan dan penentangan terhadap gagasan Malayan Union. Dalam perjuangannya, Almarhum Sultan Badlishah tidak keseorangan. Di samping rakyat jelata yang turut serta bertindak. Almarhum juga mendapat bantuan dan simpati dari sahabat-sahabatnya di dalam dan luar Semenanjung. Malah dalam suratnya kepada Mr. Mine, Almarhum menegaskan bahawa seluruh Pegawai-Pegawai Eropah yang berkhidmat di Kedah adalah menyokong penuh perjuangan yang benaritu.

Dan apa yang lebih penting dalam hal ini ialah pengakuan Almarhum sendiri dalam sebuah akhbar ketika menurun tandatanganinya dalam Triti dengan Mac Michael pada 2 Disember, 1945 sebagai menolak dakwaan yang sultan atau baginda 'tidak dipaksa' melakukannya. Menurut baginda, "Sultan tidaklah berseorangan atau seorang diri ketika perundungan dijalankan di istana, tetapi dihadiri bersama oleh kesemua Ahli-Ahli Majlis Negeri di mana kesemua mereka dipaksa untuk menantangani suatu persefahaman bahawa mereka akan menasihatkan Sultan agar menandatangani Perjanjian Baru. Oleh yang demikian, Sultan masih tetap menegaskan bahawa penurunan tandatangan yang dilakukannya adalah 'secara paksaan'. Berdasarkan aspek-aspek yang diperkatakan ini, amat wajarlah menyusun buku ini memilih judul karyanya dengan sebuah ungkapan 'The Sultan Was Not Alone'.

## **GERAN TANAH DI ZAMAN KOTA INDERA KAYANGAN**

MELALUI usaha-usaha Almarhum YTM Nong Jawa, Yang Dipertua Persyuan Sejarah Malaysia Cawangan Kedah Darul Aman /PSMCK (1956-1964), PSMCK dapat memiliki empat keping geran tanah silam termasuk yang paling tua, berusia 196 tahun. Kini geran-geran tersebut berada dalam simpanan Muzium Negeri Kedah.

Dua daripada geran itu diterbitkan di Kota Indera Kayangan, Perlis, ketika Sultan Dhiauddin Mukarram Shah menjadi Raja Muda Kedah dan Pemangku Raja yang masing-masing bertarikh : Isnin, 4 Safar 1216, tahun jim (15 Oktober 1801); dan Ahad, 29 Jamadilakhir 1218, tahun dal-awal (16 Oktober 1803). Dua keping lagi adalah terbitan zaman pemerintahan Tunku Anom bin Tunku Abdul Rahman, Raja Negeri Kubang Pasu Darul Qiyam yang masing-masing bertarikh : Sabtu, 11 Ramadan 1266, tahun dal-awal (20 Julai 1850); Sabtu 19 Safar 1268, tahun wuu (13 Disember 1851).

Geran-geran tanah silam merupakan dokumen sejarah amat berharga di samping dokumen-dokumen bertulis lainnya seperti surat-surat perjanjian, surat-surat kiriman, surat-surat pemberitahuan atau warwar dan sebagainya. Disamping sebagai bukti betapa soal-soal yang berkaitan dengan tanah dapat diuruskan dengan sempurna, geran-geran tanah silam itu juga dapat memberikan gambaran mengenai bahasa sesuatu zaman terutama istilah-istilah yang berkaitan dengan soal pembahagian tanah seperti 'lanjut', 'tumpu', ' tengah penaik', atau 'sepenaik', 'teriak', 'dakwa' dan sebagainya. Berikut ini ditransliterasikan (jawi ke rumi) sekeping geran berusia 196 tahun untuk pengetahuan dan untuk mereka yang berminal melakukan kajian selanjutnya.

### **Kaulubul-haq**

Benarlah surat ini, tamat.

1. Pada tarikh seribu dua ratus enam belas, tahun jim, empat belas haribulan Safar hari
2. Isnin, zaman Al-Sultan Al-Adil Al-Muazzam Shah Al-Mukarram Wahuwa Maulana Paduka Seri
3. Sultan Dhiauddin Mukarram Shah Yang Maha Mulia yang di atas singgahsana kerajaan semayam diKota Indera

4. Kayangan, Negeri Kedah Darul Aman, harsahullah an saifuzzaman. Bahawa pada ketika itu, ini menyatakan adalah mari Din anak Jamil... berdatang sembah memaklumkan Kebawah Duli Tunku Bisnu
5. Yang Maha Mulia, pohonkan dibahagi tanah bendang usaha Seri Siti yang beroleh akan Tunku Ngah. Tempat
6. tanah itu di Sungai Baharu yang dipohonkan oleh Ita beli pada Kebawah Duli Tunku Yang Maha Mulia itu
7. jadi kalkil dakwa mudda pada anak cucu dirinya dan anak cucu Ita, kerana tatkala Ita
8. membeli tanah bersama-sama dengan Din... maka telah dibenarkan oleh Duli Tunku Bisnu Yang maha Mulia seperti
9. teriak Din ini. Maka titah Yang Maha Mulia suruh bahagi tanah bendang yang tersebut itu diserahkan oleh
10. Ita, diterima Din tengah penaik lanjutnya dua belas relung lengkungnya serelung jadi enam relung. Maka
11. tinggal kepada Ita tengah penaik iaitu enam relung juga. Maka kedudukan tanah bendang itu menujur
12. matahari, kakinya sebelah matahari naik, tumpu pada padang tepi Sungai Baharu, dan rusuk sebelah
13. utara berkembar dengan tanah bendang Tuk Mat Patani, dan kepalanya sebelah matahari naik tertumpu
14. pada tanah bendang usaha Long Deraman dan rusuk sebelah selatan berkembar dengan tanah bendang
15. Ita. Maka inilah diperbuat surat putus ini, diberi taruh pada Din serta dipohonkan
16. meterai Duli Tunku Bisnu Yang Maha Mulia terpalu kepala sijil ini menjadi akibat menetapkan
17. tanah bendang enam relung ini menjadi milik Din kabadh sampai ke anak cucunya tiadalah
18. berubah-ubah serta dakwa-muddai anak cucu Ita pada hari yang ke hadapan ini,
19. Segala... yang menunjukkan cap lafaz yang surat ini, inilah menjadi syahidnya
20. Wakatibuhu-Wasyahiduhu Wakafabillahi syahidan alima.

## PULAU TIGA TEMPAT BERSEMAYAM PENYAIR DIRAJA

Riwayat terbinanya sebuah istana di Pulau Tiga, Kedah kira-kira 174 tahun silam hampir dilupakan orang.

Bagaimanapun, kisah ini tetap terukir dalam sejarah yang berkaitan dengan zaman perjuangan wira dan penyair diraja. Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah, Sultan Kedah ke-21 (1804-1845). Disebabkan pernah berkelana ke Melaka, baginda juga dikenali dengan gelaran Marhum Melaka sesudah mangkatnya.

Dalam tahun 1821 - 1841, baginda menjadi buruan musuh ketika kehilangan takhta akibat serangan tentera Siam dari Ligor. Ketika baru menaiki takhta, pelbagai ancaman terpaksa dihadapinya dengan tabah. Aneaman dari negeri yang datangnya daripada saudara-saudaranya yang inginkan kuasa, seperti Tunku Bisnu, Tunku Ibrahim, Tunku Daud dan Tunku Embun.

Acaman dari luar oleh Siam pula menyebabkan baginda terpaksa melayani aneka karenah dan paksaan Siam. Armada Kedah terpaksa dihantar ke Salang (Phuket) untuk mengusir tentera Burma (1810) dan atas kehendak Siam juga, Kedah terpaksa berperang dengan jirannya Perak (1818).

Kerana berdasarkan tidak aman tinggal di Istana Kota Kuala Kedah, sesudah berpindah dari Alor Setar (1809), baginda berhijrah pula ke selatan lalu bersemayam di istana Pulau Tiga menjelang awal tahun 1820. Pulau terletak enam kilometer dari Sungai Petani, dalam perairan Sungai Merbok di daerah Kuala Muda.

Pemilihan tempat itu oleh baginda sebagai tempat bersemayamnya yang baru memang tepat. Dengan berlatarkan banjaran Gunung Jerai, keindahan alam sekitarnya amat menakjubkan. Kedudukannya yang strategik amat mudah untuk bertindak bagi mengatasi segala rintangan atau musuh yang menyerang.

Seorang imbaligh Kristian bangsa Inggeris, Thomas Beighton dan rakannya, John Ince yang pernah bertugas di Pulau Pinang sejak 1819 pernah melawat Pulau Tiga dan mengadap Sultan Ahmad Tajuddin dalam bulan April 1821, tujuh bulan sebelum tentera Siam menjajah Kedah. Hasil kedatangan Thomas ke situ, beliau mencatat

antara lain :

*"Pulau Tiga kemungkinan akan muncul sebagai sebuah pusat bandar pentadbiran yang indah jika segala hutan di situ diberisihkan. Sungai Merbok amat lebar dan di tengahnya muncul tiga buah pulau yang berdekatan. Di atas pulau yang lebih besar itulah Sultan mendirikan istana terapung yang dibina daripada kayu dan atap.*

*"Lantainya dihiasi dengan permaidani indah. Baginda kelihatan amat pemurah dan peramah. Pelbagai soalan yang diajukan termasuk hal-hal kejadian alam. Baginda diapit oleh seorang tua berusia 80 tahun, lengkap dengan para pembesar dan pegawai-pegawai perang..."*

Pada 12 November 1821, sesudah menawan Kota Kuala Kedah dan Alor Setar, tentera Siam seramai 500 orang mara ke Pulau Tiga, lalu membakar hangus istana di situ. Baginda bersama keluarga dan pengikutnya sudah pun meninggalkan tempat itu dan pergi ke Pulau Pinang.

Azamnya untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai tapak perjuangan baru merampaskan kembali takhtanya yang hilang itu terhalang juga. Akibat Perjanjian Burney (1826) antara Inggeris dan Siam memaksa baginda berhijrah ke Melaka.

Di Melaka baginda masih berusaha dan merancang untuk kembali ke Kedah. Hal ini jelas terungkap dalam karangannya, Syair Duka Nestapa, yang dihasilkan ketika di Melaka itu.

Menurut Muhammad Yusoff Hashim (Prof. Datuk Dr.) syair sepanjang 450 rangkap itu berbentuk romantis-simbolis. Perhatikan petikan tiga rangkap berikut :

*Demikian beta sehari-hari  
kekanda nian dibuang negeri  
jika tak dapat muda bistari  
meninggalkan bumi istana sendiri.*

*Atau ke mercu Gunung Jerai  
remuklah terkena bahadi dan cangrai  
anggur nyawa badan bercerai  
emas itu saja ikatan urai.*

*Demikianlah sudah iburat mudah  
habislah kias bandingnya sudah  
yang berahi itu bukannya mudah  
manikam gemala di negeri Kedah.*

Akibat pemberontakan besar-besaran (1838 - 39) pimpinan Tunku Muhammad Saad, putera saudara baginda, memaksa Siam bersikap kompromi dan ini membolehkan Sultan Ahmad Tajuddin kembali semula ke takhtanya (1842).

Sejak 1821 hingga kini, Pulau Tiga tinggal sepi dengan ketenangan air dan kehijauan hutan bukaunya. Ia tetap menjadi saksi bahawa di sitolah pernah berdiri megah sebuah istana buat seketika.

Di sitolah bersemayamnya seorang tokoh pentadbir, wira dan penyair diraja yang bersemangat juangnya bersama rakyat tidak pernah luntur demi membebaskan negerinya, Kedah Darul Aman daripada belenggu penjajahan Siam.

